

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 16

Selasa

17 Julai 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 (Halaman 29)

Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2007 (Halaman 36)

Rang Undang-undang Pengurusan
Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Halaman 46)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik) (LS)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik) – T.M di JPM
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
10. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
12. “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik) (LS)
13. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
14. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
15. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
16. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
17. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
18. “ Datuk Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
19. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
20. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor) (PS)
21. “ Dato' Ismail Kassim (Perlis) (LS)
22. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
23. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
24. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik) (LS)
25. “ Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik (Melaka)
26. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
27. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
28. “ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL) (LS)
29. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
30. “ Tuan Maijol bin Mahap (Sabah)
31. “ Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi [Dilantik] – *Menteri Di JPM*
32. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
33. “ Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
34. “ Puan Mumtaz binti Md Nawi (Kelantan)

35. Yang Berhormat Tuan M. Munusamy (Dilantik)
36. “ Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
37. “ Che Puan Sri Kelana D’Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik) (LS)
38. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie [Terengganu]
39. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
40. “ Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik) - *Menteri Kewangan Kedua* (LS)
41. “ Dato’ Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
42. “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik) (LS)
44. “ Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. “ Dato’ Rhina Bhar (Dilantik)
47. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
48. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
49. “ Datuk Soon Tian Szu [Melaka]
50. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
51. “ Dato’ Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan) (PS)
52. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain (Dilantik) (LS)
53. “ Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin (Pahang)
54. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis) (LS)
55. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik) (LS)
56. “ Dato’ Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
57. “ Tuan Tan Bon You (Dilantik)
58. “ Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
59. “ Dato’ Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik) – *SUP* (LS)
60. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
61. “ Dato’ Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
62. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis) (PS)
63. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik) (LS)
64. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan) (PS)
65. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah) (PS)
66. “ Dato’ Yip Kum Fook (Selangor)

DEWAN NEGARA

SETIAUSAHA DEWAN NEGARA

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Amran

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Leela binti Sahad

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri

Nurul Shahida binti Haji Ahmad

Siti Khadijah binti Md Nor

Nooruanizam binti Nasir

Meraliti binti Mamat

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
SELASA, 17 Julai 2007
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan saya, marilah kita mengucapkan selamat datang kepada rombongan pelajar dan guru dari Sektor Menengah Tun Hussein Onn... [Tepuk].

Timbalan Yang di-Pertua: Di mana sekolah itu?

Puan Siw Chun a/pada Eam: Sekolah Menengah Tun Hussein Onn, Cheras.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang hujung itu mustahak, kena sebut.

1. **Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan pesakit baru ginjal (buah pinggang) setiap tahun dan puncanya serta langkah-langkah yang perlu diambil oleh rakyat; dan
- (b) berapakah kos yang ditanggung oleh kerajaan dan bajet yang disediakan setiap tahun untuk peralatan rawatan serta ubatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia terdapat banyak penyakit ginjal tetapi penyakit utama ialah kegagalan ginjal atau *end stage renal disease*. Bilangan pesakit baru kegagalan ginjal atau pesakit baru *end stage renal disease* dianggarkan sebanyak 2,700 orang setahun.

Punca utama penyakit *end stage renal disease* ialah penyakit kencing manis dan darah tinggi yang tidak dikawal. Keadaan ini boleh menyebabkan komplikasi di beberapa organ termasuk buah pinggang. Langkah-langkah yang perlu diambil adalah termasuk pengawalan baik penyakit kencing manis dan darah tinggi serta diagnosis awal penyakit-penyakit tersebut serta mendapatkan rawatan awal untuk mengelakkan berlakunya komplikasi.

Sehingga akhir tahun 2006, Kementerian Kesihatan telah membelanjakan sebanyak RM79 juta di bawah peruntukan perbelanjaan mengurus untuk aktiviti nefrologi yang termasuk rawatan dialisis. Manakala bantuan kewangan yang diberikan kepada NGO atau pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan untuk rawatan dialisis adalah lebih daripada RM19 juta.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Siw Chun, lepas itu Tuan Munusamy dan Puan Nordiana.

Puan Siw Chun a/p Eam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, berapakah bilangan kematian akibat penyakit buah pinggang dalam negara kita pada setiap tahun dan adakah kerajaan mempunyai pakar yang mencukupi bagi merawat atau mengubati pesakit-pesakit yang menghidap penyakit ini. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan kematian ia terpulung kepada individu tetapi secara kasarnya puratanya adalah daripada angka yang saya ada ini lebih kurang 10% daripada angka ini akan meninggal dunia setiap tahun. Berkaitan dengan pakar pula, kita memang kekurangan pakar tetapi masalahnya tidaklah sangat mencemaskan kerana kebanyakan kes-kes dialisis ini dia boleh dikendalikan oleh pegawai atau pembantu perubatan, cuma pakar-pakar atau *nephrologists* ini mereka akan mengkaji sejarah pesakit ini setiap tiga bulan supaya dia boleh kaji semula berkaitan dengan *treatment* yang kita bagi kepada pesakit-pesakit ini. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kes-kes sakit buah pinggang yang memerlukan dialisis semakin bertambah dan kekurangan kemudahan mesin-mesin dialisis di hospital-hospital kerajaan apakah langkah kerajaan untuk membantu pesakit-pesakit yang memerlukan dialisis di luar hospital. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil oleh kerajaan ialah pertamanya kita akan menambahkan peruntukan kita kepada hospital kerajaan dan pada masa yang kita juga memperuntukkan lebih banyak lagi peruntukan kepada dialisis atau pusat dialisis yang dikendalikan oleh pihak pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Ini adalah berkaitan dengan rawatan.

Kerajaan juga membelanjakan banyak duit untuk mengadakan kempen kesedaran kerana kita dapati bahawa pencegahan untuk penyakit ini adalah lebih penting dan lebih murah kepada negara jikalau kita mengadakan kempen ini dengan berterusan supaya penduduk-penduduk atau rakyat Malaysia faham berkaitan dengan penyakit ini dan bagaimana mereka dapat mencegah penyakit ini.

Sekian, terima kasih.

Puan Nordiana binti Datuk Shafie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah selain daripada langkah-langkah yang telah diambil tidakkan kerajaan bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan pusat-pusat kesihatan swasta ataupun hospital-hospital swasta dalam menangani masalah ini. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan perkhidmatan dialisis di negara ini kita tertumpu kepada tiga golongan yang besar. Pertamanya adalah fasiliti-fasiliti kerajaan, yang kedua adalah fasiliti-fasiliti yang diwujudkan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan satu golongan lagi adalah pihak swasta.

Dari segi perkhidmatan yang diberikan dia lebih kurang satu pertiga untuk tiap-tiap golongan yang saya katakan tadi.

■1010

Kerajaan memang sentiasa mencari jalan bagaimana untuk menolong semua pihak tetapi ada di kalangan rakyat Malaysia, kadang-kadang mereka berkemampuan untuk mendapatkan rawatan di bidangnya sendiri. Ini bermakna, kerajaan boleh jimatkan wang bagi mereka yang tidak memerlukan bantuan kewangan ini, kita gunakan yang kita jimatkan ini untuk menolong orang yang betul-betul memerlukan pertolongan daripada kerajaan. Sekian.

2. Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Abbas Alhabshee minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah perbezaannya penubuhan sekolah bestari dan sekolah kluster di negara ini. Apakah dengan penubuhan sekolah kluster ini pencapaian pelajarinya akan lebih baik daripada sekolah bestari.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada soalan oleh Yang Berhormat. Sekolah bestari adalah salah satu daripada aplikasi perdana *Multimedia Super Corridor*. Sebanyak 88 buah sekolah bestari telah dijadikan sekolah rintis. Projek rintis ini telah bermula dari tahun 1999 dan berakhir pada tahun 2002. Pewujudan sekolah bestari merupakan satu senario dalam pendidikan alaf baru di Malaysia selaras dengan perkembangan teknologi, sosial serta budaya masa kini.

Tujuan program ini ialah untuk melahirkan murid yang kreatif, kritikal dan interaktif, berupaya membuat keputusan yang baik dan menyelesaikan masalah. Hasil daripada projek ini didapati pengintegrasian dan peningkatan kemahiran ICT dalam pengajian dan pembelajaran berlaku. Dengan itu, dalam usaha menubuhkan sekolah bestari di seluruh negara, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil langkah bijak dan kos efektif dengan memperkenalkan program pembestarian sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah bestari ini adalah berbeza dengan sekolah kluster kerana tujuan sekolah kluster dibangunkan adalah supaya sekolah-sekolah tersebut boleh dicontohi oleh sekolah dalam kelompok yang sama dan sekolah lain di luar kelompok serta menjadi *show case* dengan izin, di peringkat antarabangsa. Melalui penubuhan sekolah kluster, Kementerian Pelajaran Malaysia berhasrat untuk mengembangkan sepenuhnya potensi institusi pendidikan termasuklah sekolah bestari dan melalui program pembestarian sekolah bagi melahirkan modal insan yang boleh bersaing dalam era globalisasi yang sangat mencabar, sehingga membolehkan guru dan murid mengangkat nama dan sistem pendidikan ke mata dunia.

Sebagai sekolah yang telah bersedia dari segi kepada keupayaan pemimpin, murid dan guru, sekolah yang cemerlang ini juga boleh menjadi tapak bagi merintis pendekatan dan penubuhan baru yang hendak dilaksanakan dalam sistem pendidikan ini. Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran. Soalan tambahan saya, apakah hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia mencalonkan 300 buah sekolah kluster pada penghujung tahun ini akan tercapai, kerana setakat ini hanya 30 buah sekolah kluster sahaja

ditubuhkan. Bukankah lebih baik kalau diperluaskan dan dimantapkan konsep sekolah bestari ini. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih saya ucapkan di atas soalan tambahan. Seperti yang saya sebutkan tadi memang konsep sekolah bestari adalah berlainan dengan sekolah kluster. Memang setakat ini hanya 30 buah yang telah dipilih sebagai sekolah kluster. Ini memang telah ditetapkan dan dicalonkan oleh Kementerian Pelajaran sendiri manakala yang bakinya 270 buah sekolah kluster yang akan kita wujudkan adalah berdasarkan kepada permohonan sekolah. Kalau sekolah-sekolah rasakan mereka sudah memenuhi syarat-syarat untuk menjadi sekolah kluster, kerajaan mengalu-alukan permohonan daripada sekolah-sekolah tersebut. Itulah ada bezanya dan tujuan sebenarnya untuk menubuhkan sekolah kluster ini, seperti yang saya sebutkan tadi, ialah untuk memberi peluang kepada sekolah-sekolah yang cemerlang.

Dalam keadaan sekarang ini, kita dapati ada sekolah yang sudah sampai tahap yang boleh dilonjakkan lagi tetapi masih ada sekolah yang masih menghadapi kekurangan dari segi prestasinya dan kemudahannya. Jadi, dengan adanya konsep kluster, Kementerian Pelajaran membolehkan sekolah yang sudah sampai ke tahap kecemerlangan itu, dilonjakkan lagi bagi mencapai satu tahap yang lebih cemerlang. Terima kasih.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada sekolah bestari terdapat juga sekolah-sekolah menengah biasa yang terserlah cemerlang dan hebat dalam bidang-bidang tertentu. Umpamanya saya pernah melihat, ada sekolah menengah di atas inisiatif mereka yang cukup *up-to-date* dalam ICT, sehingga bayaran yuran dan makan di kantin dibuat melalui sistem komputer. Soalan tambahan saya ialah, adakah pihak kementerian bercadang untuk mempertimbangkan sekolah-sekolah menengah biasa ini sebagai sekolah kluster dan kalau ada apakah kriteria-kriteria dan syarat-syaratnya? Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan kepada Datuk Soon. Memang sekolah biasa harian termasuk dalam kumpulan yang boleh dijadikan sebagai sekolah kluster. Kementerian Pelajaran memang telah tetapkan beberapa syarat, terutamanya sekolah yang memohon untuk menjadi sekolah kluster mesti mencapai sekurang-kurang tahap cemerlang berdasarkan standard kualiti pendidikan Malaysia. Selain daripada itu, untuk sekolah menengah harian mesti mencapai gred purata sekolah yang telah ditetapkan. Kementerian Pelajaran juga kena melihat tentang pencapaian dari segi akademik, ko-kurikulum, sahsiah dan sebagainya. Jadi inilah, beberapa faktor yang harus kita lihat sebelum kita terima sekolah itu sebagai sekolah kluster. Memang sekolah harian juga merupakan satu jenis sekolah yang boleh kita timbangkan untuk menjadikan sekolah itu sebagai sekolah kluster.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, jelas ada 80 buah sekolah bestari sehingga masa sekarang. Daripada jumlah itu, pertanyaan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, berapa banyak, berapa buah

sekolah kebangsaan dan berapa buah sekolah yang hendak dibestarikan di akhir Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat dan ini satu soalan yang cukup baik. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, seperti yang saya sebutkan tadi, hanya 88 buah sekolah bestari mengikut aplikasi perdana *Multimedia Super Corridor*. Program itu pun sudah ditamatkan. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang, kita nampak semua sekolah telah pun mempunyai perkakas atau *hardware, software* dan juga yang pakar dalam penggunaan ICT. Maka Kementerian Pelajaran merasakan sudah sampai masanya untuk sekolah-sekolah, selain daripada 88 buah sekolah itu boleh juga kita tukar atau menjadikan sebagai sekolah bestari, mengikut peralatan-peralatan yang telah dibekalkan. Kalau kita lihat sekarang ini, memang hampir semua sekolah telah pun mempunyai *school.net* di mana sekolah-sekolah itu boleh mempunyai *broadband* dengan izin, untuk menggunakan *internet*.

Selain daripada itu, lebih kurang 5,000-6,000 buah sekolah telah pun mempunyai makmal komputer. Jadi dengan adanya kemudahan-kemudahan ini, supaya kita dapat mepakejkan semula, membolehkan sekolah-sekolah itu menggunakan konsep sekolah bestari dan menjadikan sekolah itu macam sekolah bestari. Terima kasih.

■1020

3. **Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sehingga kini berapakah jumlah Kerajaan Tempatan yang terlibat dengan Program Kitar Semula dan apakah punca sebenar mengapa kejayaannya hanya sekitar 5%.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad, bertarikh 17 Julai iaitu hari ini secara serentak bersama soalan Nombor 51 dari Ahli Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md. Nawī, bertarikh 19 Julai 2007, memandangkan soalan-soalan ini menyentuh perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kitar semula merupakan program yang sentiasa berterusan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberikan tumpuan utama kepada Program Kitar Semula dalam konteks pengurangan sisa pepejal, ia menjadi tunggak utama kepada pengurusan sisa pepejal kerana dapat mengurangkan jumlah sisa pepejal yang akan dilupuskan di tapak-tapak pelupusan. Ini seterusnya dapat memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan di negara ini. Sehubungan dengan ini, salah satu matlamat dasar pengurusan sisa pepejal telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 13 September 2006, adalah untuk melaksanakan pengurusan sisa pepejal berdasarkan *Waste Management Hierarchy* yang memberi keutamaan kepada pengurangan sisa pepejal melalui 3R, iaitu *reduce, reuse, recycle*.

Dalam hal ini, Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, yang akan dibentangkan di Parlimen, di Dewan yang mulia ini telah memperuntukkan kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan bagi mengurangkan dan meminimumkan pengeluaran sisa pepejal melalui kaedah 3R, dan sistem terima balik dan sistem bayaran balik deposit ataupun *deposit refund system* yang bertujuan memantapkan aktiviti kitar semula.

Sehingga kini sebanyak 107 pihak berkuasa tempatan terlibat di dalam Program Kitar Semula Kebangsaan termasuklah Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan. Kejayaan sebenarnya Program Kitar Semula yang telah dijalankan sejak tahun 2001 tidak dapat ditentukan dengan tepat. Namun begitu, berdasarkan kepada pertambahan bilangan pihak yang terlibat dalam Program Kitar Semula seperti NGO, persatuan penduduk, pihak swasta, pekilang dan sebagainya di samping jumlah artikel dan rencana yang ditulis di akhbar-akhbar dan majalah, boleh dikatakan bahawa Program Kitar Semula semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat.

Walau bagaimanapun kejayaan kitar semula bergantung kepada kepekaan dan komitmen orang ramai serta pihak-pihak terlibat di dalam mengamalkan dan membudayakan konsep 3R dalam tugas dan kehidupan seharian. Kementerian percaya dengan tergubalnya satu Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 serta penubuhan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal, sasaran kitar semula sebanyak 22% seperti yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, akan dapat dicapai. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, Datuk Hajah Azizah.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan kempen supaya pembeli-pembeli membawa bakul masing-masing dan semua pembelian tidak payah dibungkus, tetapi dimasukkan terus dalam bakul dan juga penjual-penjual boleh memberi sedikit diskaun untuk *encourage* sebagai insentif dan boleh kita mengurangkan kegunaan plastik, insya-Allah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Memang sebenarnya kempen itu Tuan Yang di-Pertua, sudah pun berjalan di sana-sini. Ada banyak pihak NGO yang telah mengambil inisiatif untuk mengadakan kempen membeli barang ke pasar-pasar raya, ke pasar-pasar dengan membawa bakul-bakul dan beg-beg sendiri. Jadi, mereka tidak perlulah mendapatkan beg-beg plastik daripada pasar raya-pasar raya ataupun penjual-penjual di pasar raya ataupun di pasar-pasar.

Di bawah rang undang-undang kita yang telah pun diluluskan di Dewan Rakyat dan akan dibentangkan di Dewan Negara ini, menteri akan mempunyai kuasa-kuasa tertentu untuk meminta pihak-pihak yang berkenaan juga untuk mengambil tindakan-tindakan seperti mana yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat itu, memang itu satu cadangan yang baik dan kementerian kita sentiasa menggalakkan pihak-pihak tertentu untuk melakukannya. Terima kasih.

Ir. Hiang A Li: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Adalah sedia dimaklumkan bahawa kebanyakan banjir kilat adalah disebabkan oleh sampah sarap dibuang ke dalam longkang.

Adakah tahap kesedaran kebersihan di negara kita makin merosot dan apakah program yang lebih agresif dan hebat pihak kerajaan ingin mencadangkan supaya meningkatkan lagi tahap kesedaran kebersihan kita? Itu sahaja soalan saya, terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Kita, kerajaan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, begitu juga pihak berkuasa tempatan, berharap sangatlah bahawa tugas dan tanggungjawab memastikan bahawa sampah ini tidak dibuang merata-rata oleh rakyat kita dan masyarakat kita, bukan semata-mata disandarkan kepada pihak kerajaan dan kementerian sahaja, tetapi semua orang, semua rakyat di dalam negara ini mestilah bekerjasama memastikan bahawa longkang kita, jalan raya kita, bukanlah tong sampah. Kita ada tong sampah, buanglah sampah di dalam tong sampah.

Begitu juga, kalau boleh kita minta semua Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara ini membantu kita sama-sama mengadakan kempen-kempen menyedarkan masyarakat dan rakyat kita di mana sahaja mereka berada supaya kita sentiasa menjaga kebersihan negara kita sama ada di bandar, di pekan-pekan besar, kecil ataupun di luar bandar, kerana masalah ini adalah masalah bersama. Walau macam mana pun, di bawah rang undang-undang yang saya sebutkan tadi, yang telah diluluskan di Dewan Rakyat dan akan dibentangkan di Dewan Negara ini, Kerajaan Pusat melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengambil alih tugas pembersihan awam, tugas mengutip sampah, di semua PBT di seluruh negara kita kecuali Sabah dan Sarawak.

Insya-Allah dengan tindakan yang proaktif Kerajaan Pusat ini, kita akan dapat melihat satu perubahan yang drastik berkaitan dengan kebersihan di dalam negara kita. Dalam masa yang sama, saya masih lagi mengatakan bahawa perlunya ada kesedaran di kalangan rakyat kita untuk mengatasi masalah sampah yang dibuang merata-rata ini, kerana ini adalah tanggungjawab bersama. Terima kasih.

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kementerian mempunyai polisi dalam mewajibkan GLC-GLC melibatkan diri secara spesifik dalam Program Kitar Semula, dan adakah pihak kementerian mempunyai satu program bersejua dengan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi khususnya untuk memastikan program ini berjaya di peringkat sekolah? Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya sebutkan tadi, berkenaan juga dengan kebersihan, membuang sampah merata-rata, begitu juga dengan Program Kitar Semula ini. Kita lebih kepada memberikan kesedaran kepada semua pihak. Ia tidak mengira sama ada ia institusi, sama ada ia sekolah, sama ada dia kaum wanita, sama ada ia GLC, semua mestilah terlibat bersama-sama untuk menjayakan program ini.

Pada permulaannya, memang kita tidak mahu menggunakan kuasa undang-undang. Namun dengan lulusnya nanti Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 ini, insya-Allah menteri akan mempunyai kuasa untuk meminta pihak-pihak yang tertentu,

khususnya mereka yang menghasilkan sisa-sisa ini ataupun sampah-sampah ini supaya mereka akan mengambil tindakan menggunakan konsep 3R tadi itulah, *reduce*, *reuse* dan *recycle*.

Begitu juga pihak-pihak tertentu yang menghasilkan benda-benda seperti botol, plastik dan yang menjual komputer, telefon bimbit dan sebagainya, kita akan ada peruntukan-peruntukan khusus di mana mereka diminta mengambil balik barang-barang ini supaya dia tidak akan menjadi sampah kepada kita. Juga mereka diminta untuk membayar balik deposit. Misalnya, kita membeli minuman botol. Kita mungkin akan membayar sedikit deposit kepada yang menjual itu, tetapi apabila sudah kita gunakan nanti, kita boleh bagi balik kepada mereka botol itu, dan kita mendapat semula deposit daripada penjual.

Jadi, ini adalah perkara-perkara yang akan kita laksanakan dengan lulusnya rang undang-undang itu nanti. Insya-Allah, terima kasih.

■1030

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

4. Tuan Lee Chee Keong minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan, program-program yang telah disusun untuk menyambut ulang tahun kemerdekaan negara ke 50 sepanjang bulan Ogos nanti.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan daripada ahli Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Lee Chee Keong; dan Yang Berhormat Senator Tuan Chiw Tiang Chai, yang dijadualkan pada hari ini iaitu 17 Julai 2007; Yang Berhormat Senator Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn, pada hari Rabu 18 Julai 2007; Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib, pada hari Khamis 19 Julai 2007; dan Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, pada hari Selasa, 24 Julai 2007, kerana ia menyentuh perkara berkaitan sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-50.

Timbalan Yang di-Pertua: Dibenarkan.

Dato' Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-50, 2007 akan diadakan secara gilang-gemilang yang mempunyai kelainan daripada sambutan merdeka sebelum ini. Ia akan melibatkan semua kaum, kumpulan etnik, budaya dan agama di semua peringkat umur sebagai simbol kekuatan dan perpaduan negara. Semangat cintakan negara akan disemarakkan melalui pengisian acara-acara sambutan yang diadakan sepanjang tahun. Di peringkat nasional, tujuh program tonggak akan dilaksanakan iaitu:

- (i) majlis pelancaran sambutan kemerdekaan dan kibar jalur gemilang pada malam 17 Ogos 2007 bertempat di Dataran Pahlawan, Melaka:
 - (a) memaparkan pengimbasan kembali dengan izin, *re-enactment* Pengisytiharan Kemerdekaan 1957; dan

- (b) merangkumi segmen perarakan upacara menaikkan jalur gemilang dan persembahan lagu-lagu patriotik
- (ii) Program keagamaan diadakan di seluruh Malaysia pada 29 Ogos 2007:
 - (a) merangkumi pelbagai agama di Malaysia mengikut aliran masing-masing;
 - (b) bagi agama Islam, akan memfokuskan kepada bacaan tahlil, doa selamat dan upacara khutbah khas sempena merdeka; dan
 - (c) bagi agama bukan Islam, sembahyang khas akan diadakan dengan diketuai oleh pemimpin agama masing-masing dan turut dihadiri oleh menteri kabinet yang menganut agama berkenaan.
- (iii) Ambang merdeka pada 30 Ogos 2007 bertempat di Dataran Merdeka:
 - (a) persembahan merdeka menjelang kemerdekaan dan pencahayaan di sekitar Dataran Merdeka dengan pelbagai tema;
 - (b) lakonan semula atau *re-enactment* dengan izin, *Ambang Merdeka* 31 Ogos 1957;
 - (c) persembahan pancaran laser; dan
 - (d) persembahan lagu-lagu patriotik.
- (iv) Perbarisan kemerdekaan pada pagi 31 Ogos 2007 bertempat di Dataran Merdeka:
 - (a) pertunjukan padang yang merangkumi menaikkan jalur gemilang, pembentukan pelbagai formasi kumpulan pegendang;
 - (b) persembahan perbarisan berdasarkan kegemilangan zaman lima Perdana Menteri Malaysia; dan
 - (c) persembahan komponen rakyat bersepadu.
- (v) Jamuan teh pada petang 31 Ogos 2007 bertempat di Istana Negara:
 - (a) meraikan pembesar-pembesar asing dalam satu upacara yang akan diadakan di Istana Negara; dan
 - (b) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong akan berangkat menghadiri majlis ini.
- (vi) Perayaan raksasa merdeka ke-50 pada malam 31 Ogos 2007 bertempat di Stadium Merdeka:
 - (a) merupakan acara baru berkonsepkan rentetan perjalanan kemerdekaan dari segmen menuju kemerdekaan, pencapaian kemerdekaan dan pengisiannya;
 - (b) persembahan-persembahan akan menggunakan watak-watak kemerdekaan yang menggabungkan elemen-elemen visual, rentak, gerak dan penyertaan khalayak yang di koreografi kan.

Sokongan pencahayaan akan digunakan untuk memberi impak yang berkesan kepada persembahan;

- (c) persembahan merangkumi penglibatan pelbagai kaum rakyat Malaysia termasuk para pelajar, parti-parti politik, belia dan anggota tentera; dan
 - (d) Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan Agong akan berangkat ke majlis ini.
- (vii) Majlis perayaan Malaysia Merdeka pada malam 10 September 2007 bertempat di Kuching, Sarawak:
- (a) perayaan ini bertujuan untuk memperingati penyertaan Sabah dan Sarawak untuk menganggotai Malaysia;
 - (b) persembahan akan berkonsepkan dengan tema *Kepelbagaian Dalam Satu* yang menggambarkan pembangunan bangsa Malaysia yang mengamalkan budaya dan kepercayaan masing-masing dengan penuh hormat antara satu sama lain; dan
 - (c) persembahan akan memaparkan sejarah tokoh pejuang kemerdekaan dan persembahan waja diri yang akan disertai oleh gabungan budaya dengan diiringi oleh teknik multimedia bagi memancarkan kejayaan-kejayaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perayaan tujuh tonggak utama tersebut, terdapat lebih 80 program dan aktiviti sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-50 yang akan diadakan sepanjang tahun oleh 15 jawatankuasa pelaksana sambutan ulang tahun merdeka ke-50 di peringkat nasional, negeri, daerah dan kampung. Antara beberapa program dan aktiviti lain adalah seperti berikut:

- (a) sambutan kemerdekaan ke-50 di kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negara seperti di Jakarta, London, Washington, Beijing, Sydney dan Arab Saudi;
- (b) penerbitan filem cereka dan patriotik 1957;
- (c) persembahan teater patriotik seperti Tun Tan Cheng Lock, Tun VT Sambathan dan teknik Teater Muzikal Putra tentang tuntutan kemerdekaan oleh Tunku dan tokoh-tokoh negarawan;
- (d) penciptaan lagu tema baru *Malaysiaku Gemilang*;
- (e) penerbitan setem pos kenangan merdeka ke-50;
- (f) penerbitan siling peringatan merdeka; dan
- (g) pameran 50 tahun kegemilangan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Lee Chee Keong: *[Bangun]*

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Lee Chee Keong.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat atas jawapan yang begitu lengkap, program dan aktiviti yang begitu banyak sepanjang tahun. Semoga tahun 2007 ini merupakan satu tahun dan tarikh yang tidak dapat dilupakan bersama di dalam Malaysia dan di luar Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Lee Chee Keong: Akan tetapi saya ingin mengambil kesempatan ini mengingatkan kepada kementerian bahawa kemerdekaan itu adalah hak rakyat jelata. Perayaan ulang tahun ini adalah pengalaman kita bersama. Jadi saya ingin tahu, soalan tambahan saya apakah justifikasi kementerian yang tidak menggalakkan penglibatan pihak swasta pada malam ambang merdeka menjelang kemerdekaan 50 tahun di ibu kota tanpa lumpur ini. Terima kasih....*[Ketawa]*

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat Lee Chee Keong. Kita gembiralah masih di sini dan boleh nampak perayaan kemerdekaan ke-50. Jadi, inilah satu peristiwa yang kita nanti-nantikan, tapi dalam hal ini memang ada sikit salah faham oleh sesetengah pihak iaitu tentang perayaan rakyat jelata. Tuan Yang di-Pertua, menteri saya hendak umum pelarangan perayaan-perayaan yang berdekatan di Dataran Merdeka pada malam 30 Ogos dan juga di sekitar Stadium Merdeka pada malam 31 Ogos dan juga perayaan-perayaan di ibu kota masing-masing.

▪ 1040

Beliau berbuat demikian sebab beliau tidak mahu tengok ada satu perayaan yang bersaing dengan program rasmi kita di Dataran Merdeka, di Stadium Merdeka dan di ibu kota negeri masing-masing. Kita tidak mahu tengok mereka memperlekehkan perayaan ini.

Jadi ada sedikit salah faham, iaitu kita melarang semua hiburan pada malam 30 Ogos dan juga 31 Ogos. Ini satu yang tidak betul sebab kita juga mengalu-alukan rakyat jelata kita bersama-sama kita meraikan hari yang mulia ini dan datanglah beramai-ramai, tetapi jangan ada perayaan yang berdekatan dengan perayaan rasmi pada dua bulan ini. Saya haraplah, selepas ini jawapan saya tidak ada salah faham lagi oleh sesiapa pun supaya kita bersama-sama meraikan hari ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan ini ada berkaitan dengan soalan Dr. Mohd. Puad, saya beri peluang kepada Dr. Puad untuk bertanyakan soalan tambahan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mengingati, memahami dan menghayati sejarah boleh membantu kita meningkatkan patriotisme, nasionalisme, daya juang dan kecintaan kepada negara.

Oleh itu, apakah kementerian KeKKWa ini tidak berhasrat sempena 50 Tahun Kemerdekaan negara ini, menganjurkan pameran dan juga tayangan-tayangan dokumentari kejayaan pasukan bola sepak negara kita terutamanya pada zaman Piala Merdeka yang cukup berprestij. Kerana ini mungkin boleh membantu pemain bola sepak sekarang ini memahami sejarah itu, menghayatinya dan mengulangi kejayaan tersebut dan barangkali kemuncak kepada pameran ini ialah pertandingan

persahabatan bola sepak antara pasukan bola sepak wanita negara, lawan pegawai-pegawai FAM dan kalau FAM kalah, eloklah mereka semua letak jawatan.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, tentang pameran, selain daripada perayaan-perayaan juga ada satu Jawatankuasa Misi Nasional. Di bawah naungan Misi Nasional ini kita akan adakan satu pameran yang berdasarkan kepada pencapaian kecemerlangan negara selama 50 tahun yang mengisi kemerdekaan.

Sepanjang tempoh 5 tahun, banyak perubahan telah berlaku di semua sektor termasuk politik, ekonomi, sukan dan sosial sehingga menjadikan Malaysia dinamik, inovasi dan terbilang. Di dalam Misi Nasional ini termasuklah penglibatan kakitangan awam yang memberi sumbangan dalam pelbagai bidang menerusi kementerian-kementerian sekali gus menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara dalam tempoh 50 tahun sejak negara ini mencapai kemerdekaan. Bahan-bahan pengisian akan dirujuk dari agensi atau kementerian yang berkenaan. Pameran akan diadakan selama sebulan bermula pada 18 Ogos 2007.

Tentang bola sepak, memang dalam 50 tahun ini ada sektor-sektor yang kecundang, ada yang dapat kegemilangan. Bola sepak sekarang di tempat yang bawah, tetapi kita harus melihat dengan perasaan gembira iaitu *squasy* kita dapat juara dunia, badminton, boling dan sebagainya. Jadi kita tengoklah kemerdekaan ini dari segi positif. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Chew Vun Ming.

5. **Datuk Chew Vun Ming** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, baru-baru ini terdapat beberapa kes kebocoran dan keretakan pada bangunan-bangunan kerajaan yang memerlukan peruntukan berjuta-juta ringgit untuk kos pembaikan. Setiap kali siasatan dibuat, *workmanship* telah diberi sebagai penyebab masalah. Siapakah yang bertanggungjawab untuk mengesahkan kualiti kerja sebelum pembayaran dibuat.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, isu kebocoran dan keretakan yang berlaku adalah disebabkan oleh dua faktor. Pertama reka bentuk dan yang kedua pembinaan. Sekiranya pembinaan menjadi faktor utama, maka beberapa elemen perlu diteliti memandangkan bahawa pembinaan melibatkan sumber-sumber seperti berikut:-

- (i) bahan binaan;
- (ii) sumber manusia dan sumber manusia melibatkan pekerja iaitu mahir, separuh mahir dan tidak mahir;
- (iii) pengawasan oleh penyelia tapak dengan izin, *site supervisor*;
- (iv) pengurusan tapak oleh pengurus projek; dan
- (v) pengawal projek oleh penguasa projek dengan izin, *site attending officer*.

Bahan binaan, kebocoran boleh berlaku disebabkan kualiti bahan yang digunakan tidak menepati spesifikasi ataupun tidak melalui ujian-ujian tertentu sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syarat-syarat kontrak.

Sumber manusia, dalam isu mutu, *workmanship* yang dibangkitkan, ada kemungkinan adalah disebabkan oleh tahap pengawasan, pengurusan dan pengawalan oleh penguasa projek berserta dengan pengurus projek dan penyelia tapak yang agak kurang berkesan ataupun lemah.

Di samping itu juga, penggunaan tenaga kerja asing yang tidak berkemahiran juga adalah salah satu penyebab kepada, dengan izin, *low workmanship* ini. Tenaga kerja yang kurang kemahiran dan tidak kompeten adalah dari kalangan mereka yang tidak mempunyai pengetahuan tentang kaedah-kaedah pemasangan, ciri-ciri bahan binaan dan lain-lain lagi seperti mana yang dikehendaki dalam spesifikasi. Lebih memburukkan keadaan lagi jika pengawasan rapi tidak dilaksanakan oleh pihak pegawai penguasa projek.

Dalam aspek pembangunan sumber manusia, industri pembinaan, CIDB adalah agensi yang berfungsi dan bertanggungjawab untuk mengakredit kemahiran pekerja binaan dan penyelia tapak.

CIDB melaksanakan fungsi di atas, program pembangunan sumber manusia industri pembinaan telah dijalankan yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kapasiti dan *capability* para pekerja binaan tempatan untuk menjadi lebih produktif dan kompetitif. Dengan mengikuti latihan kemahiran ini, para pekerja atau pelatih menjadi pekerja yang kompeten, berpengetahuan dan berbangga dengan kemahiran yang mereka miliki.

Tuan Yang di-Pertua, di samping program-program khusus untuk meningkatkan mutu kemahiran para pekerja binaan tempatan, terdapat juga program melatih belia-belia lepasan sekolah untuk memasuki industri pembinaan negara. Semua kursus kemahiran dilaksanakan di enam buah akademik binaan Malaysia di bawah CIDB.

Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- (i) program latihan dan akreditasi pekerja binaan;
- (ii) program latihan belia lepasan sekolah;
- (iii) program latihan dan akreditasi penyelia tapak;
- (iv) program latihan dan akreditasi pengurus projek; dan
- (v) program latihan graduan dalam industri pembinaan.

Bagi meningkatkan lagi kualiti di tapak bina, CIDB telah mengeluarkan arahan melalui surat pekeliling iaitu mulai 1 Januari 2007, semua kontraktor supaya menggajikan hanya pekerja-pekerja binaan mahir sahaja di dalam projek-projek mereka untuk melakukan kerja-kerja yang memerlukan kemahiran. Kemahiran pekerja-pekerja binaan ini hendaklah diakreditkan kemahiran mereka oleh pihak CIDB.

Di samping itu juga, demi untuk meningkatkan lagi kualiti dan produktiviti dalam projek-projek pembinaan, penggunaan sistem binaan berindustri ataupun IBS hendaklah dilaksanakan dengan lebih meluas di samping dapat mengurangkan penggunaan tenaga kerja asing di dalam negara kita. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Chew Vun Ming dan Dato' Omar bin Faudzar

Datuk Chew Vun Ming: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah tindakan yang telah diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab selain kontraktor berkenaan dan adakah undang-undang yang diguna pakai pada hari ini terlalu ringan sehingga kontraktor-kontraktor lalai dalam tanggungjawab mereka. Terima kasih.

■ 1050

Apakah jenis tindakan yang diambil terhadap kontraktor, ia adalah terletak kepada perkara-perkara tertentu yang berlaku di dalam industri pembinaan ini. Jikalau kecacatan dan kebocoran serta perkara-perkara yang tidak mengikut spesifikasi berlaku kepada bangunan dalam tempoh dengan izin, *defect liability period*, maka arahan dikeluarkan kepada pihak kontraktor supaya perkara itu di baik pulih.

Namun kalau perkara-perkara bangunan yang telah pun terlepas daripada tempoh kecacatan, maka pihak kerajaan boleh melakukan kaji selidik sama ada melalui tindakan dalaman ataupun kalau perkara itu memerlukan kepakaran daripada pihak luar, pihak konsultan akan dilantik untuk melakukan kaji selidik. Terima kasih.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa *human factors*. Saya nak beritahu, *human factors* dekat *site* pembinaan Yang Berhormat, memang agak susah untuk kita kontrol.

Jadi soalan saya ialah, tidakkah Yang Berhormat merasakan bahawa setiap bangunan-bangunan kerajaan perlu mendapat kelulusan perancangan bangunan dan 'OC' daripada setiap jabatan-jabatan, di setiap kementerian-kementerian. Ini untuk mengelakkan daripada monopoli oleh satu jabatan JKR yang boleh menyebabkan unsur-unsur rasuah di mana kita lihat kadang-kadang *spec* tidak mengikut apa yang telah tercatat kontrak. Itu yang pertama.

Kedua Yang Berhormat, adakah kementerian Yang Berhormat mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk meneliti *quality control* di setiap peringkat pembinaan? Sebab terlalu banyak kontrak-kontrak kerajaan saya rasa kementerian Yang Berhormat tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk menyelia kualiti di setiap pembinaan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasihlah atas perkara yang dibangkitkan. Soalan sama ada pihak kementerian mempunyai kepakaran dan guna tenaga yang cukup bagi menguruskan segala projek yang dipertanggungjawabkan di bawah kementerian, jawapannya untuk ketika dan masa ini, pihak kementerian dan melalui agensi pelaksana JKR kita mempunyai kakitangan dan sumber manusia yang cukup untuk melakukan tanggungjawab ini.

Kedua, perkara yang berhubung kait tentang pelaksanaan projek yang di bawah dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *design and build* dan ia dibuat dengan menggunakan kepakaran dari pihak luar. Itu adalah tanggungjawab di peringkat orang yang telah dilantik untuk melakukannya. Selalunya dipihak kementerian ini kita juga terlibat dari segi dengan izin, *overseeing the project implementation* dengan input sebagai pemerhati kepada pelaksanaan projek.

Perkara yang berhubung kait tentang sama ada menimbulkan salah guna kuasa di peringkat pelaksanaan, ini melibatkan kawalan di peringkat *delivery system*. Sebagai contoh, setiap pengesahan dan sama ada projek itu berjalan mengikut spesifikasi ataupun tidak ditapak bina, proses untuk mengesahkannya daripada tahap pertama iaitu *site supervisor* yang merupakan *technician* kepada projek. Kemudian dia disahkan kepada pengurus projek yang selalunya mereka melibatkan orang profesional, *engineer* dan *quantity surveyor* kepada projek. Akhirnya setelah benda ini ditapis, barulah dikemukakan kepada pihak penguasa projek iaitu *Superintending Officer*.

Jadi, taraf lapisan untuk mengesahkan kualiti projek itu saya rasa ia adalah satu projek yang cukup mantap dan sedia ada diguna pakai. Sepertimana yang saya sarankan bahawa industri pembinaan ini melibatkan ramai tenaga kerja di tapak binaan. Oleh kerana tekanan terhadap waktu untuk menyiapkan projek dan juga kos pelaksanaannya, jadi dengan izin, *industry players* terpaksa untuk berhadapan dan bersaing dengan guna tenaga mahir ditapak binaan. Salah satu dengan izin, *roadmap* yang diambil oleh kerajaan untuk melaksanakan IBS iaitu *Industrial Building System* ini ialah untuk mengurangkan kita punya kebergantungan terhadap pekerja buruh asing dan melalui *internal* yang diambil oleh pihak Kementerian, skim-skim latihan yang saya sebut tadi dilaksanakan oleh industri bina negara itu diperluas dan dipercepat. Kita harap supaya ada peningkatan terhadap guna sumber manusia dalam industri pembinaan negara. Sekian, terima kasih.

6. Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, sejauh manakah tindakan yang telah diambil terhadap tiga buah negeri yang gagal memperbadankan Jabatan Bekalan Air Negeri (JBA) masing-masing yang juga dikatakan melanggar Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengkorporatan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) adalah salah satu daripada pendekatan yang diambil oleh kerajaan dalam menstrukturkan semula industri perkhidmatan air negara.

Sehubungan dengan itu, semua negeri yang akan tertakluk kepada Akta Industri Perkhidmatan Air (IPA) 2006 telah memulakan usaha untuk mengkorporatkan PBAN masing-masing bagi membolehkan pengawalseliaan dan pelesenan ke atas PBAN dilakukan seperti mana-mana yang digariskan oleh Akta IPA 2006 kelak. Status pengkorporatan PBAN bagi negeri-negeri berkaitan adalah seperti berikut:

- (i) Kerajaan Negeri Perak dan Kerajaan Negeri Sembilan telah mengemukakan cadangan pengkorporatan PBAN masing-masing iaitu Lembaga Air Perak (LAP) dan Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan (JBANS) kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE) Jabatan Perdana Menteri;
- (ii) Kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Negeri Kedah telah berada di peringkat akhir penyediaan cadangan pengkorporatan PBAN masing-masing

iaitu Jabatan Bekalan Air Pahang (JBA Pahang) dan Jabatan Air Kedah (JBA Kedah) dan akan mengemukakan cadangan tersebut kepada UPE Jabatan Perdana Menteri sedikit masa lagi; dan

- (iii) Kerajaan Negeri Perlis sedang dalam proses melantik juru perunding bagi menyediakan cadangan pengkorporatan bahagian bekalan air JKR Perlis; dan
- (iv) kementerian ini bersama dengan juru perunding yang telah dilantik sedang menjalankan kajian pengkorporatan JBA Labuan berdasarkan pendekatan holistik iaitu penggabungan bekalan air dan perkhidmatan pembetulan. Setelah itu, kertas cadangan pengkorporatan JBA Labuan akan dikemukakan kepada UPE JPM untuk kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta IPA 2006 dijangka dikuatkuasakan kepada suku ketiga tahun ini. Memandangkan usaha pengkorporatan ini dijangka akan mengambil masa dan bergantung kepada kompleksiti sesebuah PBAN tersebut, klausa 188 di bawah Akta IPA 2006 membenarkan sesebuah entiti PBAN yang belum dikorporatkan untuk diberi kuasa atau *authorization*, dengan izin, bagi satu tempoh yang dinyatakan dalam akta ini untuk memiliki atau menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bekalan air di negeri tersebut.

Setelah proses pengkorporatan ini selesai, entiti korporat tersebut perlu memohon satu lesen yang dinyatakan dalam akta ini kepada menteri melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau SPAN. Terima kasih.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah kelebihan-kelebihan yang diperoleh daripada memperbadankan JBA ini? Serta adakah negeri yang masih lagi terhutang dengan kementerian atau hutang akan lupus apabila JBA telah diperbadankan? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Melalui pengkorporatan PBAN atau Pihak Berkuasa Air Negeri ini, secara tidak langsung pengurusan bekalan air di peringkat negeri akan menjadi lebih cekap.

Adalah lebih mudah bagi sesebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Air untuk memantau mana-mana syarikat itu sekiranya ia dikorporatkan, kalau nak dibandingkan untuk memantau syarikat bawah kerajaan negeri ataupun milik kerajaan negeri. Ini kerana seolah-olah abang jaga adik atau adik jaga abang. Agak sukar. Jadi lebih senang jika ia dikorporatkan dan ia juga akan meningkatkan lagi efisien syarikat ini dan memudahkan kawal selia.

■ 1100

Dari segi hutang dan sebagainya ini telah dipersetujui. Bermakna Kerajaan Pusat pada hari ini sedang berusaha untuk membantu negeri-negeri yang mempunyai masalah. Antaranya seperti di negeri Johor untuk mencari mekanisme yang sesuai bagaimana boleh membantu negeri ini

yang mempunyai masalah untuk membayar hutang tertunggak yang begitu besar kepada syarikat-syarikat pembekal air 'bulk' yang ada di negeri Johor. Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam proses perbadanan ini di mana kementerian bekerjasama dengan pihak negeri. Saya hendak tahu tahap semangat kerjasama ini sampai tahap mana? Adakah dengan baik atau tidak? Ada apakah masalah dan cabaran dalam proses perbadanan ini dalam kerjasama dengan pihak kementerian dan pihak negeri? Apakah masalah yang dihadapi sekarang dalam proses perbadanan ini? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, setakat hari ini kerajaan persekutuan atau kementerian ini menerima sokongan yang begitu baik daripada kerajaan negeri. Cuma terdapat kelewatan-kelewatan beberapa buah negeri kerana... sebagai contoh negeri Perak sebenarnya terdapat sedikit kelewatan bukan kerana apa, kerana negeri ini ingin meminta sedikit *tax insentive* - pengecualian cukai apabila dikorporatkan lagi syarikat kerajaan negeri ini. Maka secara tidak langsung memberi sedikit kelewatan. Jadi tidak ada masalah dari segi hubungan antara kerajaan negeri dengan kementerian ini untuk mempercepatkan pengkorporatan pihak berkuasa air negeri ini. Terima kasih.

Dato' Gooi Hoe Hin: Tuan Yang di-Pertua sebelum saya kemukakan soalan ini izinkan saya membuat sedikit pembetulan kesilapan *typo* mungkin. "GTT" sebenarnya adalah "G77". Terima kasih.

7. **Dato' Gooi Hoe Hin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, Dasar Luar Negara masa kini dalam alam *unipolar*, selepas Perang Dingin atau *Cold War*, sejajar dengan ASEAN, "G77" dan OIC.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, objektif Dasar Luar Malaysia semenjak kemerdekaan 50 tahun yang lalu adalah sama. Kita ingin berbaik-baik dengan semua negara. Sentiasa berusaha mempertingkatkan kerjasama dua hala dan pelbagai hala dalam semua bidang dan bekerjasama dengan semua pihak untuk mencapai kestabilan dan keamanan serantau dan antarabangsa demi kesejahteraan serta kemakmuran rakyat dan negara.

Walaupun keadaan politik antarabangsa hari ini dianggap sebagai dikuasai oleh satu kuasa besar, pada realitinya dunia tidaklah berciri *unipolar* dalam erti kata sebenar. Banyak entiti lain turut mempengaruhi persekitaran hubungan politik, ekonomi dan keselamatan antarabangsa seperti Kesatuan Eropah, kesatuan pertubuhan-pertubuhan serantau yang lain. Di samping itu, badan-badan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, WTO juga memainkan peranan termasuk juga G77 memainkan peranan dalam hubungan antarabangsa pada masa kini. Dalam hal sedemikian Malaysia akan terus memainkan peranan yang aktif dalam meningkatkan kerjasama di kalangan negara-negara anggota ASEAN, OIC, NAM, PBB dan juga WTO.

Penglibatan kita dalam organisasi ini banyak memberi peluang untuk kita menengahkan, membincang dan sama-sama mencari jalan penyelesaian kepada isu-isu semasa dalam satu komuniti antarabangsa dalam semangat kerjasama dan persahabatan. Sebagai sebuah negara yang menduduki taraf ke-18 terbesar di antara negara-negara dagang dunia adalah penting bagi Malaysia mengutamakan Dasar Ekonomi dan Dasar Luar yang aktif di peringkat dua hala dan pelbagai hala. Malaysia akan terus meningkatkan kerjasama dua hala dengan semua negara-negara sahabat dalam semua bidang terutamanya dari segi perdagangan dan pelaburan. Tidak kira negara tersebut merupakan kuasa besar, sederhana atau kecil demi kepentingan bersama.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Gooi Hoe Hin kemudian Dato' Tajul Urus.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, daripada jawapan Yang Berhormat tadi, perkataan-perkataan pokok yang saya dengar tadi adalah Dasar Luar Negara kita adalah baik-baik bekerjasama. Soalan tambahan saya adalah bagaimana dasar kita dapat seimbangkan dengan kedaulatan dan kepentingan ekonomi. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Soal menyeimbangkan antara isu kedaulatan dan kepentingan ekonomi adalah sepatutnya tidak menjadi masalah. Tidak bermakna apabila kita mempertahankan kedaulatan kita mengorbankan kepentingan ekonomi dan tidak bermakna dalam kita menjaga kepentingan ekonomi kita mengorbankan kedaulatan. Ianya sama seiring dan sentiasa berjalan bersama dalam dasar luar kita pada hari ini, tetapi sudah tentulah ada beberapa isu yang dikaitkan dengan kedaulatan. Kadang kalanya ditafsirkan bahawa kerana menjaga kepentingan ekonomi kita tidak menjaga kedaulatan kita.

Saya percaya dalam dunia sekarang ini dikatakan dunia tanpa sempadan. Isu sempadan sepatutnya bukanlah sebagai satu isu yang menjadi penghalang bagi kita untuk meneruskan kehidupan ini sehingga kita berperang, sehingga kita bermusuhan antara satu sama lain. Sebab itulah bila disebut tentang dasar luar negara.

Kita selalunya dikaitkan dengan mereka yang menjaga diplomasi ini adalah di barisan depan dalam mempertahankan kedaulatan kita kerana peperangan hanya berlaku sekiranya diplomasi gagal, perundingan gagal, tidak ada lagi kita dapat mempertahankan *treaty* ataupun perjanjian. Tidak ada kawan lagi yang ingin mempertahankan ataupun bersama dengan kita sebab akhirnya sekiranya kita berjaya dari segi dasar luar kita, diplomasi kita berjaya kita mempunyai ramai kawan. Apabila ramai kawan, kita tidak akan digugat dari segi kedaulatan kita juga. Terima kasih.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa Malaysia selaku pengerusi OIC bersedia menjadi tuan rumah kepada para ulama, diplomat dan cendekiawan Islam dari negara-negara Islam yang bersengketa khususnya di Asia Barat untuk membincang bagi mencari penyelesaian kepada sebarang masalah yang berlaku.

Soalan tambahan saya ialah Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang progresif dan sekali gus menjadi negara contoh bagi negara Islam yang lain. Apakah peranan yang dimainkan oleh negara kita supaya suara *the silent majority* dengan izin, dapat dikemukakan di persada dunia dan mengelakkan sebarang bentuk ancaman kepada agama Islam itu sendiri. Sekian terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih di atas soalan tambahan daripada Senator Tajul Urus, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga di atas ucapan tahniah terhadap apa yang telah diusahakan oleh pihak kerajaan sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi. Apabila disebutkan tentang soal bagaimana kita mempertahankan Islam yang dianggap sebagai suara majoriti kalau tidak silap saya *the silent majority* yang kadang kalanya tidak dapat disampaikan dengan cara yang berkesan pada hari ini.

Kita tahu melalui OIC dan melalui forum-forum lain Malaysia sentiasa memainkan peranannya. Pada hari ini terdapat beberapa isu yang besar di dalam konteks dunia yang *unipolar*. Dalam konteks dunia yang dikatakan *unipolar* ada suatu kuasa besar, ketiadaan pertembungan antara dua ideologi seperti dahulu Barat dan Timur, komunis dan kapitalis dan sebagainya.

■1110

Orang melihat tentang isu yang dikaitkan dengan pertembungan tamadun. Antara Islam dengan Barat adalah menjadi isu yang besar pada hari ini. Soal isu keganasan antarabangsa banyak dikaitkan dengan Islam dan kita merasakan mereka yang mengaitkan Islam dengan isu keganasan antarabangsa adalah mereka yang tidak memahami Islam, yang dangkal pandangan mereka tentang realiti Islam itu sebenar dan cuba mengetepikan punca keganasan itu ada banyak faktor-faktor lain bukan semata-mata dari segi agama semata-mata.

Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, Malaysia cuba mengetengahkan hal yang sebenar. Misalnya apa yang disebutkan dan dikembangkan tentang Islam Hadhari oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bukan sahaja diperkatakan dalam konteks negara kita, ia disebut dan diulangi dalam pelbagai forum antarabangsa, di dalam Institusi-institusi Akademik Antarabangsa di seluruh dunia pada hari ini. Sebab itulah hari ini kita sebutkan, dahulu banyak negara melihat Malaysia, dipertikaikan tentang beberapa perkara seperti Dasar Ekonomi Baru, tentang beberapa undang-undang yang dipanggil *draconian* dan sebagainya, tetapi hari ini Malaysia dianggap sebagai negara contoh kerana kita negara Islam tetapi soal keganasan tidak ada di sini. Keganasan ada negara jiran kita, di Filipina, di Thailand dan ada di tempat lain tetapi tidak ada di sini.

Jadi, kita katakana apa puncanya? Sebagai sebuah negara Islam yang pelbagai kaum tetapi dapat mempamerkan sebuah masyarakat yang begitu harmoni sekali. Sebab itulah dalam konteks hari ini melalui OIC, melalui pelbagai forum yang lain kita dapat menyampaikan, inilah Islam yang sepatutnya diamalkan dalam seluruh dunia.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Puan Wan Ubaidah.

8. Puan Wan Ubaidah binti Omar minta Menteri Kewangan menyatakan, anggaran kerugian pelaburan Internet yang ditanggung oleh rakyat Malaysia. Setakat ini, adakah apa-apa pendakwaan yang telah dibuat terhadap operator pelaburan Internet terlibat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah. Tuan Yang di-Pertua ada empat soalan yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan daripada Puan Wan Ubaidah binti Omar, yang dijadualkan akan dijawab pada hari ini, bersama dengan soalan dari Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu yang dijangka dijawab pada 19 Julai; dan Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie yang dijangkakan pada 23 Julai; Yang Berhormat Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin, yang dijangkakan akan dijawab pada 14 Julai; dan mereka adalah soalan yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Dibenarkan Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Jadi jawapannya agak panjang sedikit Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun mengambil tindakan melalui pelbagai agensi untuk menyelaras aktiviti-aktiviti pengawalan dan penguatkuasaan yang melibatkan agensi-agensi terbabit dalam usaha memantau dan menangani skim pelaburan internet yang tidak sah. Antara tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti atau pun SC ialah:

- (i) ambil langkah segera, menyedarkan dan memberi amaran kepada orang ramai melalui laman web SC, dan akhbar dan lain-lain saluran komunikasi yang berkenaan;
- (ii) laman web SC mempunyai senarai yang dikemas kini secara berkala, syarikat dan laman web yang diketahui tidak dilesenkan di bawah undang-undang sekuriti untuk berurusan dalam sekuriti, memberi nasihat pelaburan, perkhidmatan pengurusan dana atau niaga hadapan;
- (iii) laman web SC juga menyenaraikan nama individu-individu dan syarikat yang dilesenkan oleh SC;
- (iv) menyekat akses terhadap 10 laman web sejak 12 Jun 2007, yang mempengerusikan skim pelaburan yang tidak berlesen. Ini dijalankan dengan kerjasama Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi dan Siber City Malaysia bagi memantau laman-laman web lain untuk disekat dalam beberapa bulan yang akan datang ketika SC meneruskan siasatannya;
- (v) mengeluarkan satu set soalan lazim yang merangkumi pelbagai aspek mengenai langkah yang akan diambil untuk menyekat laman web pelaburan yang tidak sah sebagai panduan kepada pihak awam;
- (vi) bekerjasama dengan pengawal selia asing untuk mengenakan tindakan yang sewajarnya terhadap pengendali skim tersebut sekiranya terdapat kes-kes yang melibatkan negara-negara lain;

- (vii) menyelaras usaha pemantauan dengan Bank Negara Malaysia dan agensi-agensi penguatkuasaan lain; dan
- (viii) Jabatan Aduan SC juga telah menasihatkan individu-individu yang membuat pertanyaan mengenai pelaburan di internet untuk tidak membuat apa-apa pelaburan dengan syarikat yang tidak mempunyai lesen atau pun mendapat kelulusan daripada SC.

Walaupun SC dan kerajaan telah mengambil tindakan tersebut, namun demikian pihak pelabur juga harus bertanggungjawab untuk membuat semakan sendiri dan mengelak melabur dengan syarikat yang tidak berlesen.

Maklumat yang di terima oleh SC, berkaitan dengan pelaburan internet adalah menerusi pertanyaan dan aduan yang di terima melalui *e-mail* dan telefon. Terdapat segelintir pelabur yang terlibat dalam skim-skim tersebut yang tidak menghubungi SC atau enggan memberi maklumat tentang diri mereka serta kerugian yang dialami oleh mereka. Oleh yang demikian, maklumat yang diterima tidak mencerminkan keadaan yang komprehensif bagi memberi anggaran yang tepat dan konsisten kerugian yang ditanggung oleh rakyat Malaysia dalam skim pelaburan internet yang tidak sah ini.

Namun begitu, berdasarkan aduan yang diterima secara penyiasatan yang dijalankan ke atas kes-kes tertentu, jumlah pelaburan yang dilaburkan berbeza bagi setiap individu. Iaitu di antara puluhan ringgit sehingga ribuan ringgit bagi setiap individu. Sebagai contoh dalam satu skim pelaburan internet tidak sah yang sedang disiasat, pelaburan yang dimasukkan ke dalam akaun-akaun di Malaysia adalah sebanyak RM5.3 juta. Daripada jumlah tersebut SC berjaya membeku RM2.5 juta dengan menggunakan peruntukan Akta Pencegah Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 atau pun AMLA.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak SC juga telah menyenaraikan skim-skim pelaburan yang tidak berlesen yang diketahui beroperasi di Malaysia dan sehingga kini terdapat 67 laman web dan syarikat yang telah disenaraikan. Senarai ini adalah berdasarkan maklumat yang dikumpulkan kepada pertanyaan dan aduan awam. Senarai ini tidak terhad dan dikemas kini dari semasa ke semasa.

Terdapat beberapa tindakan penguatkuasaan atau pun pendakwaan yang telah dibuat terhadap operator skim pelaburan internet ini. Di antaranya:

- (i) menjalankan siasatan terperinci terhadap individu dan syarikat skim pelaburan intranet tidak sah yang tertentu;
- (ii) menjalankan operasi serbuan bersama dengan Bank Negara Malaysia dan Polis di Raja Malaysia ke atas *AB Fun* pada 12 Jun 2007 kerana disyaki menjalankan aktiviti pengambilan deposit dan pelaburan tidak sah melalui laman webnya iaitu www.ffun.us dan www.abfunfeder.biz; dan

- (iii) yang terbaru pihak SC telah berjaya memperoleh *injunction Mareva* di seluruh dunia iaitu *World Wide Mareva Injunction* dan individu-individu yang terlibat dalam skim pelaburan *internet Swiss cash* yang di antara lain menghalang mereka yang terlibat daripada jual aset mereka di dalam dan di luar negara serta mengambil tindakan yang selanjutnya ke atas individu atau syarikat yang menjalankan aktiviti-aktiviti skim pelaburan internat secara tidak sah jika bukti-bukti yang mencukupi diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, pihak SC akan bekerjasama dengan agensi-agensinya penguat kuasa yang berkenaan dan mengambil semua langkah untuk memerangi aktiviti-aktiviti pelaburan yang tidak sah ini untuk melindungi pelabur dan integriti pasaran modal Malaysia secara keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas penerangan yang begitu panjang lebar dan soalan tambahan saya ialah, adakah kerajaan pernah mengkaji apakah faktor-faktor yang menyebabkan rakyat Malaysia begitu mudah terpengaruh dengan pelaburan-pelaburan internat ini atau pun dengan skim-skim cepat kaya walaupun telah beberapa kali kerajaan telah mengadakan kempen untuk memberi kefahaman tentang bahaya pelaburan-pelaburan seperti ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sejarah pelaburan skim cepat kaya ini memang sudah banyak, dah ada dah. Dahulu pun kes Pak Man Telo, kes 350, ramai yang terlibat. Akhirnya Pak Man Telo kena tangkap dan saya ingat sudah meninggal.

Memanglah, skim ini memang menarik Tuan Yang di-Pertua, masuk duit dan dalam masa tiga bulan dapat pulangan dalam 100% balik. Ini memang amat menarik hati ramai mereka yang terlibat tetapi mereka yang memahami pasaran pelaburan sebegini, mereka bertanya dahulu dengan SC atau pun dengan mana-mana pihak dan jika didapati memang skim ini atau laman web itu tidak sah maka mereka tidak melabur tetapi kebanyakan pelabur-pelabur yang ada, saya sebut di sini bahawa majoriti adalah orang Melayu yang mereka ini memang mudah terpengaruh dengan duit cepat, program cepat dapat duit ini.

■1120

Jadi mereka tidak fikir panjang, mereka tidak *check* pun, tidak semak dengan mana-mana pihak, maka mereka terus melabur. Dan akhirnya, yang peringkat awal itu akan dapat pulangan balik, tapi yang *last* itu, yang itu yang rugi banyak. Jadi perkara ini walau apa pun kerajaan buat, segala kempen kerajaan buat tidak akan berkesan selagi mereka yang melabur ini bersikap demikian, bersikap tamak, tidak bertanggungjawab dan sebagainya, ini akan terus berlaku.

[Soalan No. 9 – Y.B. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain tidak hadir]

10. Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, apakah usaha yang dibuat oleh kementerian bagi membantu individu yang berjaya menghasilkan ciptaan terutama dalam bidang automotif dan elektronik.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. Kementerian sentiasa menggalakkan penemuan baru dalam bidang sains dan teknologi agar Malaysia berupaya menjadi pencipta produk yang tinggi nilai tambahnya dan mampu berdaya saing. Pembiayaan sokongan telah disediakan bagi pembangunan produk teknologi bina tempatan dan yang tinggi nilai tambahnya dan bukan hanya produk pasaran tempatan. Melalui Skim Dana Inno ataupun dengan izin, *InnoFund*, kerajaan telah menyediakan sebanyak RM200 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi menyokong aktiviti-aktiviti permohonan teknologi yang inovatif. Dana ini boleh dimanfaatkan oleh individu, *sole proprietors* dan juga syarikat industri kecil.

Sejak dilancarkan pada tahun 2006, seramai 11 orang individu telah mendapat faedah nilai RM246,617 daripada *InnoFund* ini. Produk-produk yang berjaya dihasilkan oleh individu-individu tersebut termasuklah dalam bidang industri, teknologi, komunikasi dan maklumat serta pertanian. Terima kasih.

11. Datuk Dr. Lee Chong Meng minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah kesan daripada wabak selesema burung (H5N1) yang berlaku di Sg. Buloh baru-baru ini. Apakah tindakan yang diambil kementerian selaras dengan dasar WHO.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini secara bersekali dengan soalan dari Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik bertarikh 17 Julai 2007; dan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah, bertarikh 23 Julai 2007, kerana pertanyaan-pertanyaan ini adalah berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kejadian *avian influenza* atau selesema burung yang berlaku baru-baru ini hanya disahkan berlaku di kalangan unggas di Kampung Paya Jaras Hilir, Sg. Buloh sahaja dan tiada kes disahkan berlaku di tempat-tempat lain. Tindakan pantas yang telah diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi lain telah mencegah penyakit ini daripada merebak ke tempat-tempat lain dan juga mencegah daripada menjangkiti manusia. Sehingga kini, tiada kes *avian influenza* telah berlaku di kalangan manusia di negara ini.

Semua tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan telah dimaklumkan kepada orang ramai melalui kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh kementerian ini secara berkala. Pihak kementerian berpendapat bahawa segala tindakan yang telah diambil bukanlah satu tindakan yang berlebihan atau *over reaction* yang boleh menjejaskan kehidupan orang ramai. Segala tindakan

yang diambil oleh kementerian adalah selaras dengan dasar Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang mahukan supaya penyakit ini dicegah dan dikawal pada peringkat awal. Sekian.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syabaslah kepada Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertanian tentang kawalan wabak selesema burung atau *bird flu*, tetapi Malaysia hendak menjadi hab untuk pengeksportan makanan halal kepada dunia, jadi kawalan wabak ini perlulah diperhebat kerana kalau tidak ia akan menjejaskan imej negara kita. Jadi saya haraplah, Kementerian Kesihatan bolehlah bekerjasama dengan Kementerian Pertanian untuk memastikan bahawa ayam laga tidak akan dibawa dari satu tempat ke tempat lain, kerana ini menjadi satu punca untuk wabak ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat, kementerian akan ambil ingatan atas cadangan itu, tetapi memanglah kerja kita untuk bekerjasama dengan semua kementerian dan juga agensi-agensi di negara kita supaya kita dapat memantau keadaan *avian influenza* ini daripada datang ke Malaysia, yang pertama.

Yang kedua, kalau ia berlaku kita akan ambil tindakan pantas untuk mengatasinya. Sekian.

12. Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, mengenai kandungan program televisyen berbentuk interaktif menerusi saluran televisyen berbayar Astro, iaitu ruangan sembang siber atau *chatting* terbuka di Saluran 15, Astro yang lebih menjurus kepada gejala tidak sihat iaitu mengaibkan orang dengan menyentuh hal peribadi secara terbuka.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siaran rancangan berbentuk interaktif terutamanya ruangan sembang ataupun *chatting* bertujuan untuk menyediakan satu ruang atau forum untuk para penonton memberi pandangan atau bertukar pendapat dengan penonton-penonton lain yang mempunyai minat yang sama.

Pihak Astro menawarkan tiga saluran interaktif iaitu Astro Saluran 15, *Astro Hitz TV* di Saluran 16 dan *Sun Music* di saluran 75 yang merupakan perkhidmatan yang boleh didapati melalui *decoder* serta perkhidmatan pesanan teks ringkas SMS sambil melihat pesanan tersebut di kaca televisyen. Mesej-mesej yang diterima tidak disiarkan secara langsung, tetapi ditapis terlebih dahulu bagi memastikan kandungan yang disiarkan tidak bersifat melampau dan mematuhi tatasusila dan juga menepati aspirasi nasional yang ditetapkan.

Pada peringkat pertama, mesej-mesej yang diterima akan ditapis melalui satu sistem tapisan di mana perkataan yang tidak sesuai akan dikeluarkan secara automatik.

Kemudian di peringkat kedua pula, saluran perkhidmatan interaktif ini dipantau dan dikawal selia 24 jam sehari oleh pegawai khas atau moderator yang bertugas untuk menapis mesej yang diterima, dan melakukan suntingan untuk mengeluarkan ayat-ayat yang tidak sesuai. Nama orang perseorangan dan lain-lain butir persendirian berdasarkan garis panduan penapisan Astro. Di samping itu, pihak Astro juga sentiasa memberi mesej peringatan kepada pengguna perkhidmatan ini

mengenai etika serta penggunaan perkataan yang sesuai di SMS agar tidak mengaibkan orang-orang dengan menyentuh isu peribadi.

Kementerian ini menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai badan pengawal selia sentiasa memantau dari masa ke semasa serta berinteraksi di saluran ini untuk memastikan sistem penapisan ini berjalan dengan baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin dan selepas itu Puan Nordiana. Silakan.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, tidakkah kementerian bercadang supaya semua program televisyen berbayar diwajibkan melalui Lembaga Penapis Filem atau LPF, di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sebelum ditayangkan kepada umum? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk pengetahuan Dewan, semua siaran televisyen berbayar memang melalui sistem penapisan Lembaga Penapis Filem cuma bezanya Astro, mereka mempunyai hak eksklusif, mereka melakukan penapisan mereka sendiri, *in-house*, dengan izin, yang mana sistem penapisan mereka juga sama dengan yang diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem Malaysia. Terima kasih.

Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun penapisan ini dilakukan, tetapi kalau dilihat kepada *Channel 15*, Astro terutamanya semasa *Akademi Fantasia*, terdapat masih banyak lagi ruangan ini membenarkan *chatting* di kalangan generasi muda ini lebih kepada mengaibkan sama ada artis itu sendiri ataupun dia bergaduh sesama sendiri. Jadi sejauh manakah penapisan ini dikuatkuasakan? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana saya katakan, semua program yang disiarkan ini melalui penapisan filem dan dalam program-program *chatting* ini, mereka juga perlu mendaftar nama mereka dahulu sebelum mereka dibenarkan membabitkan diri dalam *chatting* ini.

Cuma kadang-kadang dari segi sekiranya berlaku perkara-perkara ini, jika ada terdapat aduan-aduan spesifik, maka pihak Suruhanjaya Multimedia Malaysia akan pasti meminta stesen TV ini mengambil tindakan kepada mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan ini.

■ 1130

Cuma kadang-kadang tidak terdapat aduan-aduan spesifik maka agak sukar bagi stesen-stesen ini mengambil tindakan. Dalam masa yang sama bagi pihak kementerian, kami juga cuba menyeimbangkan kalau kami terlalu *rigid* maka akhirnya nanti semua kandungan ataupun siaran TV yang ada di negara ini tidak menyiarkan kandungan-kandungan tempatan dan akhirnya menjejaskan industri-industri perkhidmatan ataupun pengeluar-pengeluar *content* tempatan yang ada di negara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Gooi.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya perhatikan bahawa sembang siber ini *chatting*, *Interactive TV- Astro Channel 15* dan *75* adalah satu unsur bahawa bayaran *chatting* itu cukup tinggi di antara 50 sen hingga RM1, berbeza-beza. Sama ada KTAK akan mengawal satu bayaran yang lebih murah? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gooi. Dari segi bayaran, ini tidak di *regulate* oleh MCC ataupun Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, cuma kami memastikan bahawa setiap yang hendak dikenakan bayaran ini syarikat stesen TV itu perlu mempamerkan dengan jelas supaya tidak ada unsur-unsur menipu penonton-penonton yang ingin berurusan ataupun *chatting* dalam mana-mana siaran ataupun saluran yang diutarakan oleh mana-mana stesen televisyen swasta. Terima kasih.

13. Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta Perdana Menteri menyatakan, sama ada kerajaan berhasrat untuk memberi kakitangan kerajaan imbuhan melancong bersama keluarga ke negeri-negeri Malaysia sebagai insentif setiap tiga (3) tahun sekali atau pada tiap-tiap tempoh tertentu perkhidmatannya agar insentif tersebut mendorong pegawai-pegawai berkenaan mempertingkatkan tahap perkhidmatan dan prestasi, di samping itu membantu menghidupkan sektor pelancongan dalam negeri/perniagaan domestik dan memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Buat masa ini, kerajaan belum lagi bercadang memberikan imbuhan kepada pegawai perkhidmatan awam untuk melancong bersama ahli keluarga bagi tempoh-tempoh tertentu dalam negara ataupun dalam negeri. Walau bagaimanapun kerajaan telah melaksanakan lima hari bekerja seminggu mulai 1 Julai 2005, bagi memberi peluang kepada pegawai perkhidmatan awam untuk meluangkan lebih masa bersama keluarga selain menggalakkan industri pelancongan negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Idris.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan di dalam alaf baru ini di mana *human capital*, dengan izin ataupun modal insan menjadi begitu penting untuk menjayakan misi nasional dan sebagainya. Adakah pihak kerajaan ingin ataupun merancang untuk membuat kajian supaya perkara seperti ini memberi imbuhan bukan sebagai *privilege* atau *entitlement* dengan izin, tetapi sebagai insentif yang bersyarat untuk memperkayakan modal insan itu supaya dapat matlamat negara dicapai dengan baik. Sekian, terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Buat pengetahuan Ahli Yang Berhormat semua, sebenarnya pada masa ini kerajaan ada menyediakan berbagai-bagai insentif untuk meningkatkan modal insan. Sebagai contoh, pegawai-pegawai divisyen satu misalnya diberi peluang untuk membuat lanjutan belajar luar negara ataupun dalam negara di peringkat *master* ataupun Ph.D bukan sahaja kepada akademik staf tetapi pegawai penjawat am

biasa pun diberi peluang. Ini adalah merupakan salah satu kaedah kerajaan ingin membantu untuk meningkatkan modal insan secara yang lebih umum.

Sebenarnya ada juga insentif ataupun *privilege* bagi penjawat awam yang telah berjawatan JUSA 'A' dan ke atas, mereka mempunyai *privilege* untuk bercuti di luar negeri bersama keluarga tetapi dalam masa lima tahun hanya sekali. Mungkin kita Ahli Parlimen lain insentif yang diberi. Terima kasih.

14. Tuan Tay Puay Chuan minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, apakah tindakan kementerian ke atas masalah banjir di perkampungan yang mempunyai tali air dan sungai yang tidak dibersihkan oleh kakitangan kementerian hingga menyebabkan pokok buah-buahan dan kelapa sawit mati akibat banjir terutama sekali di daerah Muar Selatan, Johor.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan kampung di daerah Muar Selatan yang mempunyai sistem tali air, parit dan sungai adalah merupakan kawasan saliran yang diwartakan. Kawasan ini meliputi kawasan saliran Parit Jawa, Seri Menanti dan juga Sungai Sarang Buaya. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran, memang sentiasa menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan parit dan sungai-sungai secara berjadual sebanyak empat pusingan setahun.

Di samping itu juga, JPS menjalankan kerja pembersihan dan penggalan semula parit dan sungai bergantung pada tahap kecekatan parit dan sungai tersebut dan kerja-kerja ini dilaksanakan sekali di dalam tempoh satu hingga tiga tahun. Kementerian mengambil maklum akan masalah ini dan akan berusaha mengurangkan permasalahan yang dihadapi oleh penduduk setempat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Tay Puay Chuan.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah rasionalnya tugas-tugas untuk membersihkan tali air dan parit diberikan kepada ketua kampung ataupun JKKK sedangkan jelas mereka tidak mempunyai peralatan yang lengkap seperti jentera pengalir dan sebagainya untuk membersihkannya. Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya bukan kita serah tugas kepada JKKK dan sebagainya, itu hanyalah sebagai tambahan daripada apa yang kita lakukan secara berkala. Sememangnya kita tahu ini adalah tanggungjawab kita juga. Maksudnya kita tidak hanya boleh berharap kepada pihak kerajaan kerana masalah di kawasan tersebut ialah keadaan yang agak rata dan agak rendah berbanding dengan apabila air laut pasang. Sebab itu kita mempunyai pintu tutup air yang perlu dibuka dan ditutup sebanyak empat kali sehari. Jadi ini masalah utama apabila air pasang kita tidak hendak air masin mengalir masuk merosakkan tanaman.

Jadi apabila air surut kita buang air tersebut. Ini merupakan masalah semula jadi bagi kawasan tersebut. Jadi masalah cuci itu kita tidak serah tugas kepada ketua kampung tetapi minta tolong mereka untuk melakukan kerja-kerja tambahan tersebut. Terima kasih.

15. Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, jumlah penjualan unit kereta-kereta nasional jika dibandingkan dengan penjualan kereta-kereta import.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah jualan kereta nasional bagi tempoh masa Januari hingga Mei 2007 adalah sebanyak 98,059 unit iaitu Proton sebanyak 37,888 unit dan Perodua sebanyak 58,648 unit. Penjualan kereta nasional mencatat penurunan sebanyak 8.6% berbanding 116,542 unit kereta nasional yang dijual bagi tempoh yang sama tahun 2006, iaitu Proton sebanyak 51,918 unit dan Perodua sebanyak 64,624 unit.

Jumlah jualan kereta import bagi tempoh Januari hingga Mei 2007 adalah sebanyak 21,034 unit. Penjualan kereta import telah menurun sebanyak 5.3% daripada 22,215 unit untuk tempoh yang sama pada tahun 2006. Tuan Yang di-Pertua, antara faktor-faktor yang menyebabkan penurunan jualan kereta tempatan adalah:

- (i) kemudahan pembiayaan pembelian kenderaan;
- (ii) *trade in value*, dengan izin kereta tempatan yang rendah bagi menukar ganti kenderaan baru;
- (iii) persaingan harga daripada kereta import; dan
- (iv) kemudahan selepas jualan yang ditawarkan oleh syarikat pengeluar kenderaan tidak begitu menggalakkan.

Bagi menggalakkan jualan kereta-kereta nasional, kerajaan telah mengambil pendekatan seperti berikut:

- (i) mengkaji pengenalan mekanisme tempoh hayat bagi kenderaan untuk mewujudkan permintaan baru; dan
- 1140
- (ii) melaksanakan Tabung Pembangunan Automatif iaitu sebanyak RM450 juta dan Tabung Modenisasi dan Automasi sebanyak RM300 juta mulai 23 Februari 2007. Tabung Pembangunan Automatif yang merupakan skim pinjaman mudah, bertujuan untuk membantu meningkatkan daya saing industri pengeluar komponen dan alat ganti tempatan melalui rasionalisasi pembelian dan pembangunan perkakasan, meningkatkan produktiviti dan pertambahan eksport.
- Tabung Modenisasi dan Automasi terbuka kepada industri perkilangan adalah bagi memodenkan dan mengautomasikan proses-proses perkilangan,

mempelbagaikan aktiviti nilai tambah dan mengurangkan penggantungan kepada buruh asing dan juga konsolidasi jaringan pengedar bagi mengurangkan kos pengedaran dan memberi pelanggan perkhidmatan lepas jual yang bermutu tinggi melalui jaringan pengedar yang efisien dan berdaya saing.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan asal hanya Yang Berhormat Dr. Raja Ram Nadayson minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, jumlah penjualan unit kereta nasional jika dibandingkan dengan penjualan kereta-kereta import.

Jawapan yang terlalu panjang, macam-macam. Kita terlalu defensif. Kita hendak tutup, rasa semua orang hendak *attack* kita. Kita jawab berapa import, berapa nasional, cukuplah, kemudian tunggu pertanyaan tambahan. Datuk Yaakob.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berdasarkan kepada angka-angka tersebut ternyata penjualan kereta import menjadi saingan hebat kepada kereta tempatan. Apakah pandangan kementerian, dasar kereta import ini membawa keruntuhan kepada pengeluaran kereta tempatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar ada kelemahan dalam industri kenderaan tempatan dan untuk mengatasi pengimportan kereta dari negara asing, kita telah menghadkan jumlah pengimportan kepada 10% jumlah besar kereta tempatan yang dikeluarkan pada satu-satu tahun. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah menumpukan kepada dasar kereta tempatan sejak tahun lepas untuk menggalakkan pengeluaran kereta tempatan dan juga untuk menghadkan pengimportan kereta dari luar negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Masa cukup.

Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SISTEM PENGUKURAN KEBANGSAAN 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[16 Julai 2007]**

Tuan Yang di-Pertua: Sukacita saya meminta Yang Berhormat menyambung ucapan.

11.44 pagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menyambung pembentangan Rang Undang-undang Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007.

Mutual Recognition Arrangement atau MRA, secara rasmi dapat memudahkan penghapusan halangan terhadap perdagangan di antara satu negara dengan negara yang lain. Rangkaian perdagangan antarabangsa amat mementingkan kepada aspek kejituan (*precision*), ketepatan (*accuracy*) dan ketelusan (*transparency*) di dalam sistem pengukuran. Kejituan (*precision*) dan ketepatan (*accuracy*) di dalam pengukuran berkait rapat dengan keupayaan infrastruktur pengukuran sesebuah negara. Ini kerana kejituan (*precision*) di dalam pengukuran penting bagi menentukan jumlah barangan atau perkhidmatan yang dibayar. Sebagai contoh, jumlah petroleum yang dijual bergantung kepada isi padu, ketumpatan dan jisim petroleum tersebut. Parameter tersebut perlu diukur dengan tepat bagi mendapatkan kuantiti yang betul.

Ketelusan pula di dalam pengukuran bermaksud kebolehkesanan (*traceability*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) pelaksanaan pengukuran secara sistematik. Ini bermakna keputusan pengukuran adalah selaras dengan tuntutan standard pengukuran kebangsaan dan antarabangsa. Konsep kebolehkesanan membenarkan perbandingan ketepatan pengukuran dilakukan di seluruh dunia bagi menganggarkan ketidakpastian atau dengan izin, *uncertainty* di dalam pengukuran.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan untuk menyelaraskan infrastruktur sistem pengukuran amatlah penting untuk memenuhi kehendak dan tuntutan perdagangan global. Kebanyakan negara lain seperti Jepun, New Zealand, Thailand, Singapura dan Republik Korea Selatan telah ataupun sedang mengambil langkah untuk menyusun semula infrastruktur sistem pengukuran negara masing-masing melalui pemindaan akta mereka.

Justeru itu, Rang Undang-undang Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 yang sedang digubal ini adalah tepat pada masanya bagi meningkatkan keupayaan infrastruktur sistem pengukuran kebangsaan dan membolehkan perdagangan barangan negara agar lebih berdaya saing di pasaran antarabangsa di samping memenuhi kehendak perkembangan ekonomi negara.

Selain itu, apabila rang undang-undang ini diluluskan kelak, beberapa aktiviti promosi akan dirangka dan dilaksanakan oleh kementerian melalui Jabatan Standard Malaysia dengan kerjasama agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Kimia Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan lain-lain badan penguat kuasa yang terlibat dalam penggunaan sistem pengukuran metrik di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 yang dicadangkan ini bertujuan untuk mewujudkan suatu sistem pengukuran yang seragam dan untuk menyediakan unit pengukuran berasaskan Unit Sistem Antarabangsa ataupun SI Unit dan penubuhan standard

pengukuran dan untuk perkara-perkara yang berkaitan. Saya mohon izin membentangkan perkara-perkara yang terkandung dalam Rang Undang-undang Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007.

Bahagian I memperkatakan perkara-perkara permulaan yang mengandungi tiga fasal, iaitu fasal 1 sehingga fasal 3.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas Akta dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta.

Fasal 2 mengandungi peruntukan tentang pemakaian Akta.

Fasal 3 mengandungi takrif beberapa istilah tertentu yang digunakan di dalam Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian II memperkatakan unit-unit pengukuran. Bahagian ini mengandungi lima fasal, iaitu fasal 4 hingga fasal 8.

Fasal 4 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa unit-unit pengukuran yang digunakan pada mula berkuat kuasanya Akta ialah Unit Sistem Antarabangsa yang terdiri daripada unit asas, unit perolehan ataupun unit terbitan dan kesemua penggandaan dan pembahagian subgandaan unit asas.

Fasal 5 pula bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pada mula berkuat kuasanya Akta, tiap-tiap pengukuran yang dibuat yang bertentangan dengan kehendak di bawah Akta ini adalah batal dengan sendirinya. Walau bagaimanapun, peruntukan ini tidak akan menjejaskan kesahihan mana-mana pengukuran dalam unit pengukuran yang merupakan unit pengukuran kuantiti boleh ukur itu pada masa pengukuran sedang dibuat.

Fasal 6 pula mengadakan peruntukan bagi merealisasikan penyenggaraan Standard Pengukuran Kebangsaan dan tugas Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan bagi menyenggara atau menyebabkan disenggarakan bahan rujukan yang diperakui sebagaimana perlu.

Fasal 7 bertujuan memperuntukkan bahawa mana-mana pengukuran hendaklah boleh dikesan kepada Standard Pengukuran Kebangsaan seperti yang dinyatakan di bawah Akta.

Fasal 8 bertujuan memperuntukkan bahawa jika tidak terdapat kebolehesanan kepada Standard Pengukuran Kebangsaan, pengukuran hendaklah boleh dikesan kepada makmal pengukuran yang diiktiraf atau makmal tentukan negara lain.

■1150

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III memperkatakan mengenai fungsi dan kuasa Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan. Bahagian ini mengandungi empat fasal iaitu fasal 9 hingga fasal 12.

Fasal 9 memberi menteri kuasa untuk menetapkan suatu makmal sebagai Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan yang hendaklah bertanggungjawab bagi pelaksanaan peruntukan akta.

Fasal 10 dan 11 masing-masing menyatakan fungsi dan kuasa Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan.

Fasal 12 bertujuan memberi menteri kuasa dengan nasihat Majlis untuk menetapkan mana-mana organisasi untuk menjalankan fungsi-fungsi berkenaan dengan unit khusus pengukuran atau

bahan rujukan yang diperakui khusus atau kategori khusus unit pengukuran atau kategori khusus bahan rujukan diperakui dan memperuntukkan perkara-perkara berkaitan dengan penetapan organisasi itu.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV memperkatakan Majlis Pengukuran Kebangsaan. Bahagian ini mengandungi satu fasal iaitu fasal 13.

Fasal 13 bertujuan menubuhkan Majlis Pengukuran Kebangsaan ataupun Majlis dan mengandungi peruntukan tentang keanggotaan dan fungsi Majlis.

Berdasarkan Jadual Ketiga subseksyen 13(4) rang undang-undang ini, keanggotaan Majlis terdiri daripada seorang pengerusi, seorang wakil kementerian, seorang wakil Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan, dua orang wakil kerajaan yang terlibat dalam pengukuran dan tidak lebih daripada lima orang pakar standard dan teknologi pengukuran. Anggota Majlis yang terlibat akan dilantik oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan akan memegang jawatan tidak lebih tiga tahun serta mereka layak dilantik semula sekiranya khidmat mereka masih diperlukan.

Bahagian V memperuntukkan bagi perkara-perkara am. Bahagian ini mengandungi tiga fasal iaitu fasal 14 sehingga fasal 16.

Fasal 14 bertujuan memberi menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang wajar atau perlu bagi melaksanakan atau mencapai maksud akta.

Fasal 15 bertujuan memberi menteri kuasa dengan nasihat Majlis untuk meminda, mengubah, menukar, menambah, memotong atau menggantikan jadual kepada akta.

Fasal 16 mengandungi peruntukan kecualian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Dewan anggapkan pembentangan rang undang-undang ini merupakan satu langkah lagi Malaysia menuju ke arah negara maju?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Tentu Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat yang menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penyeragaman unit pengukuran berasaskan unit sistem antarabangsa, kewujudan standard pengukuran dan keboleherkesanan penyelarasan Sistem Pengukuran Kebangsaan Malaysia dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd. Puad.

11.53 pagi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin membangkitkan satu perkara sahaja kerana melalui akta ini, kita akan ada satu sistem pengukuran yang seragam dan kita ada tempat rujukan sebenarnya. Untuk mengaitkan dengan apa yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua tentang selangkah menuju ke negara yang maju, maka saya ingin bertanya apakah dengan adanya akta ini ia juga akan membabitkan soal pengukuran dari segi masa ataupun waktu sebab disebut semasa pembentangan itu ialah tentang pengukuran dari segi alam sekitar. Mungkin maksudnya dari segi suhu.

Apa yang saya ingin bangkitkan di sini ialah pengukuran dari segi waktu iaitu keseragaman dari segi waktu. Sebab ini membabitkan soal ketepatan waktu kerana sebagai sebuah negara yang ingin maju, kita juga mesti melahirkan satu bangsa yang tepat dari segi waktu. Kalau ini membabitkan soal waktu ataupun disebut sebagai UTC dalam akta ini iaitu waktu seragam sejagat, apakah kementerian nanti akan menyeragamkan balik waktu di Malaysia ini sebab kalau kita lihat kadangkala ada perbezaan walaupun sesaat. Antara RTM dengan TV3 ataupun NTV7 dan kita boleh pastikan ini berlaku sewaktu kita melihat warta berita. Kalau tidak ada penyeragaman waktu ini dari segi pengukuran yang sama, maka sudah tentulah ini tidak sesuai untuk menyatakan bahawa wujudnya sebuah negara yang maju. Barangkali melalui akta ini, kementerian boleh mewujudkan lebih banyak jam besar di setiap bandar ataupun pekan yang boleh menjadi rujukan kepada orang ramai bahawa itulah waktu yang paling tepat.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat bermaksud hendak mendapatkan penjelasan di antara GMT dengan UTC?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Pertama yang saya ingin mendapatkan penjelasan apakah maksudnya akta ini juga berperanan dari segi memastikan pengukuran dari segi penyeragaman waktu itu. Adakah ia terlibat sebenarnya dan kalau sekiranya akta ini memasukkan perkara ini, maka sudah tentulah kementerian yang sepatutnya berperanan menyeragamkan waktu ini yang banyak diwujudkan di semua tempat dan menjadi rujukan baik di jabatan kerajaan supaya tidak berlaku perbezaan. Bila kita telefon kawan kita di satu *department* lain, dia kata tempat dia *punch card* dia belum lagi 8.30, maksudnya lewat lagi dua minit.

Jadi, yang ini yang saya mengatakan bahawa nanti kesannya ialah dari segi ketepatan waktu. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua sebenarnya yang saya harap dapat penjelasan peranan akta ini sebagai tempat rujukan dari segi penyeragaman waktu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya Yang Berhormat ingin bertanya mengapa rang undang-undang ini tidak merangkumi soal waktu dan masa.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya tidak kata tidak, sebab saya terjumpa perkataan UTC dalam akta ini iaitu yang dimaksudkan sebagai waktu seragam sejagat, cuma tak banyak disebut dalam penghuraian tadi. Sebab itu saya perlukan penjelasan juga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nampaknya itu sahaja perkara Yang Berhormat boleh...

Puan Mumtaz binti Md Naw: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sila Puan Mumtaz.

11.57 pagi.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin mengemukakan beberapa isu yang berkaitan dengan rang undang-undang ini walaupun bukanlah *direct* berkaitan dengan perkataan-perkataan yang ditimbulkan di bawah rang undang-undang berkenaan dengan ukuran sukat ini.

Yang pertama berkaitan dengan dari segi perisytiharan. Bila kita menyatakan tentang sokongan kita kepada satu rang undang-undang yang membincangkan tentang ukur dan sukat ini, saya lebih suka sekiranya pihak kerajaan boleh membuat satu pendekatan dari sudut nilai keislaman yang boleh kita terapkan dalam urusan sukat dan ukur ini dalam mengaitkan keadilan. Ini kerana sekiranya kita melihat kepada beberapa ayat al-Quran menerangkan tentang sistem ini dengan secara jelas dari segi ayat-ayat al-Quran yang menunjukkan bahawa keadilan itu boleh kita dapat dalam bentuk ukur dan sukat.

Jadi sekiranya sistem pengukuran Islam dan sukat ini boleh kita terjemahkan kepada orang Islam dan kepada orang ramai bahawa perkara ini juga mempunyai nilai dan bentuk ibadah, ini mungkin akan lebih memberi kesan yang lain kepada rakyat dalam memahami dan mengamalkan kesemua perkara yang didapati daripada kelulusan rang undang-undang ini. Tambahan pula penglibatan dan kefahaman semua orang dalam sistem ini akan menyebabkan kita melihat satu kesan yang menyeluruh kepada semua perkara yang akan dibentangkan oleh kerajaan kerana kefahaman dan kawalan daripada pihak pentadbiran tertinggi ini akan diguna pakai oleh orang yang mempunyai pendidikan dan kefahaman yang rendah di peringkat bawah yang sebenarnya akan menjalankan sistem ini secara harian.

Jadi perkara ini kita mungkin bincangkan di peringkat tertinggi tetapi yang mengamalkannya mungkin orang yang kita anggap yang tidak mempunyai kemahiran dan orang ini bukanlah orang yang kita dedahkan secara betul-betul tentang apakah yang mereka perlu fahami daripada kelulusan rang undang-undang ini. Saya dengan demikian mengatakan bahawa cara kita berinteraksi dengan boleh mewujudkan integrasi kaum juga boleh kita amalkan bilamana kita meluluskan rang undang-undang seperti ini kerana bila kita membicarakan soal ukuran dan soal timbangan ini, ianya akan membabitkan kesemua kaum merentasi batas agama dan juga kaum masing-masing. Sekian, terima kasih.

■1200

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bolehlah menjawab dan menggulung, walaupun saya rasa agak sukar hendak mengikuti hujah-hujah Puan Mumtaz tadi.

12.00 tgh.

Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin memberikan respons kepada pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi iaitu adakah dengan adanya akta ini turut melibatkan masa dan waktu iaitu keseragaman waktu UTC. Sebenarnya ia memang turut melibatkan waktu standard Malaysia, tetapi di sini juga bukan itu sahaja. Kita meletakkan asas, bahawa waktu adalah berasaskan kepada saat. Jadi tidak ada lagi boleh menggunakan lain daripada itu dan sebagainya.

Jadi dengan adanya saat ini, jadi kita boleh menentukan yang dimaksudkan satu saat itu macam mana rupanya. Jadi kita ada sistem untuk menentukan makmal kita di Sepang untuk menentukan, mengukur, yang dikatakan waktu satu saat itu bagaimana kita mengukur satu saat. Jadi saat ataupun *second* adalah salah satu tujuh unit asas yang kita bentangkan di dalam rang undang-undang ini. Ini adalah unit asas, yang lain adalah; kuantiti panjang berasaskan simbol meter, jisim berasaskan unit asasnya adalah kilogram, arus elektrik unit asasnya adalah ampere, suhu unit asasnya adalah kelvin, walaupun kita biasa menggunakan darjah *centigrade*, tetapi kelvin adalah sebenarnya unit asasnya. Keamatan berluminesiti adalah kandela dan amaun bahan adalah dalam mol.

Jadi memang masa adalah merupakan salah satu unit asas yang kita letakkan sebagai di dalam akta ini. Ia juga memang berhubungan dengan waktu standard Malaysia. Di sini juga saya ingin memberikan respons bahawa walau bagaimanapun penyeragaman waktu di dunia kita, masih berasaskan kepada GMT. Kalau GMT bermula pada 00 maksudnya pada 12 tengah malam, jadi di Malaysia mengikut sekarang adalah *plus* lapan jam lebih dahulu. Mungkin di New York *minus* empat jam lebih kemudian. Jadi kita penyeragaman waktu mengikut standard masih berasaskan kepada GMT, itu untuk menentukan zon-zon waktu, tetapi kita di sini bukan itu sahaja mengambil kira, tetapi kita menentukan waktu ini mestilah berasaskan kepada ukuran saat itu sendiri.

Kedua kepada pertanyaan daripada Puan Mumtaz. Saya setuju dengan adanya satu sistem pengukuran yang betul-betul jitu dan tepat, ini akan memberikan satu sistem pengukuran yang baik. Dengan itu, dengan sendirinya keadilan kita tegakkan. Kalau orang menjual satu kilogram, bermakna mesin yang mereka gunakan sebagai mesin pemberat telah kita *calibrate*, kita tentukurkan bahawa jikalau berat satu kilogram, *mass* dia banyak ini, banyak ini. Tidak boleh kurang, ataupun tidak perlu lebih. Ini memang, dengan adanya sistem ini kita akan menegakkan keadilan. Memberikan satu pengukuran sama ada bahan ataupun masa, ataupun darjah dan sebagainya dengan tepat berasaskan kepada unit-unit asas ataupun unit-unit terbitan yang berasaskan kepada unit asas itu sendiri.

Jadi saya rasa memang saya setuju, dengan adanya makmal-makmal yang kita boleh membuat *calibration* ataupun penentukuran kepada sistem-sistem yang kita gunakan, ini akan memberikan kepada satu sukat dan timbang yang lebih tepat dari semasa ke semasa. Kita menggalakkan bahawa penggunaan mesin-mesin penimbang ataupun jentera-jentera yang

sebagainya yang menggunakan sukatan dan sebagainya perlulah di *calibrate*, kalau boleh sekali dalam masa setiap tahun.

Sebagai contohnya Polis Diraja Malaysia mereka menggunakan *laser detector* untuk men *detect speed* kenderaan. Kita pun cadangkan bahawa *laser detector* itu mesti kita *calibrate* setiap satu tahun sekali. Ini supaya apa yang ditunjukkan di monitor komputer itu kalau katakan 150 km/j *speed* kereta itu, itu adalah merupakan *speed* yang sebenar. Bukan 130 km/j tetapi di monitor dia bagi tahu 150 km/j. Itu sebagai contoh penggunaan bahawa perlunya ada sistem ini, bukan sahaja tentang unit asas ataupun berkaitan dengan unit terbitan, tetapi pentingnya kita ada makmal untuk membuat *calibration* kepada sistem sukat dan timbang kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa kedua-dua Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalahnya dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana berjaya memandu rang undang-undang hingga ke peringkat telah diluluskan.

Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■ 1210

RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG DAN SUKAT (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.11 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila huraikan Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sistem ekonomi pada zaman tamadun awal adalah untuk menyara diri dan keluarga sahaja. Apabila manusia memerlukan barang yang tidak ada padanya maka berlakulah perniagaan yang bermula dengan sistem barter atau tukar barang tanpa menggunakan sistem timbang dan sukat.

Oleh yang demikian, sistem timbang dan sukat mula diperkenalkan untuk perdagangan untuk menimbang dan menyukat barang yang diniagakan. Sehubungan itu, Akta Timbang dan Sukat telah diperkenalkan pada tahun 1972 di negara ini. Walau bagaimanapun akta ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1981. Objektif asal Akta Timbang dan Sukat 1972 ataupun Akta 71 adalah untuk mewujudkan unit pengukuran yang seragam dan standard-standard pengukuran di negara ini berdasarkan sistem unit antarabangsa ataupun SI ataupun unit metrik serta mengawal selia alat-alat timbang dan sukat yang digunakan bagi tujuan perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pewujudan Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 yang baru sahaja diluluskan yang akan bertindak sebagai akta payung kepada semua akta pengukuran di Malaysia. Ini yang merangkumi pihak industri, badan-badan penyelidikan, saintifik dan juga perubatan. Maka Akta Timbang dan Sukat 1972 akan dipinda untuk diselaraskan dengan Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 bagi mengelakkan pertindihan atau percanggahan.

Sehubungan itu Akta Timbang dan Sukat 1972 akan menekankan kepada pengawalseliaan timbang dan sukat dan alat timbang dan sukat yang digunakan untuk tujuan perdagangan. Pindaan ke atas Akta Timbang dan Sukat 1972, akan dikenali sebagai Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 2007. Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 2007 akan memberi penekanan khusus kepada pengawalseliaan timbang dan sukat, alat-alat timbang dan sukat. Justeru itu menentukan peruntukan mengenai kewujudan unit sukatan dan standard pengukuran akan dikawal selia di dalam Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna Yang Berhormat, kelulusan Rang Undang-undang Sistem Pengukuran Kebangsaan tadi dalam istilah legislatifnya adakah Yang Berhormat memaksudkan bahawa kelulusan tadi mempunyai kesan akibat langsung sebab itu undang-undang ini dibentangkan.

Tuan Hoo Seong Chang: Memang ia terlibat langsung.

Tuan Yang di-Pertua: Kesan akibat langsung.

Tuan Hoo Seong Chang: Kesan dia itu.

Tuan Yang di-Pertua: Harap Yang Berhormat maklum. Ada Ahli Yang Berhormat yang menyokong.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya saja kata gunakan ungkapan kesan dan akibat langsung tadi sebab kalau sudah rang undang-undang itu hanya dibentangkan kerana ada kesan akibat langsung tak usahlah cakap panjang-panjang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan masih terbuka untuk dibahaskan. Silakan Yang Berhormat.

12.14 tgh.

Tuan Cuan Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya peluang mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ...

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Chua Kim Chuan, ya?

Tuan Chua Kim Chuan: Ya. Timbang dan sukat, pindaan 2007.

Tuan Yang di-Pertua, setiap individu perlu tahu tentang hak-hak mereka sebagai pengguna bagi mengelakkan diri menjadi mangsa penipuan atau penganiayaan. Dalam pada itu pelbagai undang-undang telah diubah dan dikuatkuasakan bagi melindungi hak-hak pengguna dan kepentingan mereka.

Seorang pengguna yang baik dan bijak ialah pengguna yang membuat pertimbangan di antara tanggungjawabnya sebagai pengguna dan dalam masa yang sama menuntut apa yang sepatutnya menjadi hak mereka. Sebagai pengguna, kita mempunyai banyak pilihan. Bebas untuk memilih barangan yang dikehendaki dan perlu tahu bagaimana hendak membuat pilihan yang bijak dan tepat. Kesimpulannya pengguna boleh terdiri dari sesiapa sahaja sama ada terlibat dengan proses jual beli secara langsung atau hanya menggunakan barang serta perkhidmatan yang telah diperoleh oleh orang lain melalui urusan jual beli.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi persoalan sekarang ialah masalah pengguna yang kebiasaannya tidak sedar akan barangan yang dibeli itu tidak setimpal dengan apa yang diperoleh. Sebagai contoh yang saya ingin membangkitkan di sini ialah laporan akhbar seperti yang telah dilaporkan di *Harian Metro* pada 18 Mei 2007, di mana Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Wilayah Persekutuan berjaya mengesan satu kes meminda pelekat penentu sah alat timbang sukat yang didalangi sebuah premis menjual dan membaiki alat itu menerusi pemeriksaan di sekitar Sungai Besi.

Kata Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Wilayah Persekutuan, Encik Mohd Nasir Nor yakin di dalam laporan akhbar berkenaan, kes itu yang pertama dikesan sejak 2005 membabitkan pengusaha premis cuba menipu pembeli alat itu dengan meminda pelekat pada tarikh sah hak terima timbang.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 2006 lebih kurang 500 peniaga di seluruh negara dikenakan tindakan kerana didapati menipu orang ramai dengan menggunakan alat timbang dan sukat yang tidak sah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Dewan yang mulia ini perkhidmatan penentusahan dan pengujian alat-alat timbang dan sukat buat masa ini telah pun diswastakan oleh kementerian kepada syarikat Metrology Corporation Malaysia Sendirian Berhad sejak 4 April 2006. Persoalan sekarang ialah adakah wajar satu syarikat sahaja diswastakan setakat ini atau ada cadangan bagi memperluaskan kepada satu atau dua lagi syarikat swasta bagi menguruskan pengesahan alat-alat timbang dan sukat ini di negara ini.

Langkah mengambil lebih dari satu syarikat adalah sebagai menunjukkan ketelusan pihak kementerian sendiri bagi menjaga standard timbang dan suka kebangsaan yang berasaskan sistem unit antarabangsa. Saya bimbang walau pun alat timbang dan sukat perlu dihantar ke syarikat yang dilantik bagi menjalani pemeriksaan khas sebelum diberi pelekat pengesahan dalam tempoh 12 tahun namun adakah pengesahan pemeriksaan kedua dari pihak kementerian sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan tiada banyak kes membabitkan penipuan timbang dan sukat ini, orang ramai perlulah lebih cerewet dalam memilih atau membeli barangan keperluan harian termasuk melihat alat timbang dan sukat bagi memberikan pengajaran kepada peniaga. Apa lagi kakitangan awam yang akan mendapat kenaikan gaji pada bulan ini memperlihatkan suasana harga barangan keperluan harian dinaikkan sesuka hati akan terjadi lagi.

Walau pun saya percaya kementerian ada mengadakan operasi setiap hari bagi membanteras kenaikan harga namun saya masih percaya masih ada peniaga yang cuba mengambil kesempatan di atas kenaikan gaji kakitangan awam. Mungkin mereka tidak menaikkan harga barangan keperluan ...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Dewan Negara dikirakan kakitangan awam tak?

Tuan Chua Kim Chuan: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Dewan Negara adakah diiktiraf kakitangan awam.

Tuan Chua Kim Chuan: Oh, tidak, tidak. Tidak naik gaji pun. Tidak naik gaji pun Tuan Yang di-Pertua.

Mungkin mereka tidak menaikkan harga barangan keperluan tetapi mereka mengubahsuaikan alat timbang dan sukat tanpa disedari oleh pengguna. Saya berharap pihak penguat kuasa peka dan prihatin terhadap masalah demikian demi menjaga kepentingan pengguna terutama mereka yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Mohon laluan. Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mohon laluan sebelum mengakhiri ucapan.

Tuan Chua Kim Chuan: Okey.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat tentang hubung kait alat penimbang ini sejauh mana relevannya dengan alat penimbang di bawah akta pengangkutan jalan yang mana

sama ada lori barang, lori balak yang terpaksa dibawa untuk ditimbang oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan ianya memberi kesan dari segi implikasi komersial dan juga dari segi pengguna.

▪ 1220

Yang kedua, apakah pandangan Yang Berhormat dari segi penguatkuasaan kerana ini adalah merupakan isu yang sering diperkatakan. Kalau undang-undangnya cantik tetapi penguatkuasaannya tidak diperketat, ia akan nampak seperti undang-undang itu tidak berkesan, sama ada ini Yang Berhormat boleh berikan pandangan ataupun dijadikan sebagai soalan tambahan kepada kementerian. Terima kasih.

Tuan Chua Kim Chuan: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak kedua-dua soalan ini diserahkan kepada kementerian untuk menjawab. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Che' Puan.

12.22 tgh.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2007.

Semua rakyat Malaysia tanpa mengira kedudukan dalam masyarakat adalah pengguna yang menggunakan barangan atau perkhidmatan atau kurniaan alam semula jadi. Pengguna adalah asas segala kegiatan ekonomi. Sebagai pengguna kita mempunyai tanggungjawab terhadap kualiti hidup kita sendiri, di samping itu semua pengguna juga terlibat dalam membekalkan pembekalan khidmat dan barangan. Seperti mana kita mahu segala khidmat dan barangan yang kita guna hendaklah berkualiti, demikian juga apabila kita menjadi pembekal khidmat atau barangan kita hendaklah berkualiti juga.

Kita tidak akan mempunyai kredibiliti jika kita hanya menekankan kualiti bagi diri kita sahaja, tetapi kita tidak menekankan kualiti bagi orang lain yang secara langsung atau tidak langsung menjadi pelanggan kita.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita sentiasa sedar bahawa setiap pengguna adalah juga pembekal dan kita mengutamakan standard yang tinggi sama ada kita mengguna atau membekal, maka masalah khidmat atau barangan kurang bermutu tidak akan timbul. Yang menyebabkan timbulnya masalah mutu rendah ialah pengguna kerap lupa mengenai soal mutu apabila ia memberi khidmat atau membuat barangan yang akan digunakan oleh orang lain.

Sebelum ini pengguna memang sudah lama berasa tidak puas hati dengan mutu barangan atau khidmat yang mereka dapati, tetapi hanya dalam empat dekad yang lepas sahaja baharulah pengguna menuntut keadilan secara terusan dengan mengadakan persatuan-persatuan pengguna. Dengan berkembangnya gerakan pengguna, maka pembekal terpaksa menentukan pembekalan mereka menepati prestasi yang dijanjikan. Di samping itu mereka terpaksa meningkatkan standard bekalan mereka sepanjang masa, dengan itu kualiti hidup turut meningkat.

Sejak 1985 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengiktiraf bahawa pengguna perlu dilindungi. Dengan itu garis panduan telah diadakan bagi menentukan prinsip dan objektif asas perlindungan pengguna. Pada bulan Julai 1988, Majlis Ekonomi Sosial Bangsa-Bangsa Bersatu atau *United Nations Economic and Social Council* atau ECOSOC, dengan izin, telah menerima resolusi menggesa negara-negara menentukan dasar kepenggunaan dan menggubal undang-undang berkaitan dengan keselamatan dan perlindungan kepentingan pertubuhan-pertubuhan pengguna, pendidikan pengguna dan pampasan, serta kerjasama antara kerajaan di peringkat antarabangsa untuk membanteras *double standard* dan *dumping*, dengan izin yang berlaku dalam dunia perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, antara undang-undang yang melindungi pengguna ialah rang undang-undang yang kita sedang bahas di Dewan Negara yang mulia ini. Saya melihat banyak penipuan membabitkan timbang dan sukat di pasaran sekarang, bukan sahaja di pasar biasa atau pasar malam, tetapi banyak berlaku di pasar raya besar dan *supermarket*. Ini perkara serius dan mendapati pihak penguat kuasa KPDNHEP hanya menumpukan ini di pasar biasa dan tidak kepada pasar raya besar...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dan sambil mengalu-alukan kehadiran beliau di Dewan Negara, sama ada beliau bercadang untuk membenteng rang undang-undang di bawah kementerian beliau sebelum pukul 1.00 atau semasa sebelah petang?

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Mengikut keadaan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Sila teruskan.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Pengguna sekarang terutama di bandar-bandar besar kebiasaannya pergi ke pasar raya besar dan mereka ini tidak sempat pun memeriksa alat timbang dan sukat terutama sekarang yang menggunakan sukat digital.

Tuan Yang di-Pertua, pengguna berhak memeriksa dan membandingkan timbangan di antara satu kedai dengan kedai yang lain ketika membeli barangan menggunakan alat timbang dan sukat, tetapi bagaimana dengan sukat yang menggunakan digital ini, yang saya mahu kementerian perelaskan. Langkah ini penting berikutan dengan sikap positif dari segi kepenggunaan dalam usaha membanteras penipuan melalui alat timbang dan sukat. Kalau dulu sesetengah peniaga ikan dan sayur di pasar basah dan pasar malam dikatakan menipu berat dengan hanya menggunakan piring penimbang tanpa disedari pembeli, tetapi kini kegiatan itu lebih canggih. Penggunaan perkiraan digital kadangkala sukar untuk dikesan dan saya ingin bertanya, adakah pihak kementerian mempunyai kaedah untuk membanterasnya.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah saya ada menerima banyak aduan di kalangan pengguna terutama di kawasan pantai timur ini yang mendakwa tertipu dengan tindakan peniaga

menggunakan alat penimbang import dari negara jiran, yang dikatakan tidak mengikut Akta Timbang dan Sukat. Saya dimaklumkan bahawa pengguna mendakwa sebahagian besar peniaga lebih gemar menggunakan alat timbang yang dibeli dari negara jiran berkenaan kerana ia boleh memberi untung segera. Selain harga alat timbang itu murah ia menguntungkan peniaga terbabit, kerana mempunyai perbezaan timbangan ketara berbanding alat penimbang buatan tempatan. Pengguna merungut kerana tindakan itu dianggap satu penipuan dan menganiayai mereka yang terpaksa menanggung kerugian apabila membeli barang-barang yang menggunakan alat penimbang berkenaan.

Jadi, adakah alat timbang dan sukat dari negara luar dibenarkan? Sejauh mana penjualan unit alat timbangan dan sukat dari negara luar sekiranya ada setakat ini. Soal ini penting kerana peniaga harus memahami bahawa pengguna adalah menentu kuasa kepada jualan yang ditawarkan dan sekiranya pengguna boikot, maka peniaga juga harus memahami bahawa mereka turut bakal menghadapi peniagaannya yang merudum.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sukacita saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memandangkan Yang Berhormat Menteri sudah ada, saya akan selesai penggulangan ini sebelum pukul 1.00.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sama parti dengan Yang Berhormat Menteri, ya?

Tuan Hoo Seong Chang: ...[Ketawa] Presiden.

Tuan Yang di-Pertua: Atau bahasa kolokialnya, "bos" lah.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih. Sebenarnya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan marahlah, saya seloroh sahaja.

Tuan Hoo Seong Chang: Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya dengan pewujudan Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan yang baru kita luluskan tadi, kita pinda Akta Timbang dan Sukat 2007 ini supaya peruntukan-peruntukan di dalam kedua-dua akta ini dapat diselaraskan dan juga kita mengelakkan daripada pertindihan dan percanggahan.

■1230

Saya bagi pihak kementerian ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang turut serta mengambil bahagian untuk membahaskan rang undang-undang ini.

Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chua Kim Chuan iaitu ada timbul dua perkara. Yang pertama, mengenai kerajaan apabila mengadakan penswastan ini, mengapa cuma memberi satu syarikat sahaja untuk menyertai penswastan ini. Sukacita saya ingin maklumkan di sini, sebenarnya apabila kita menawarkan ataupun semasa

tawaran penswastaan ini diutarakan, ada 14 syarikat sebenarnya yang berminat untuk menjalankan perkhidmatan penentusahkan dalam program penswastaan ini.

Di samping itu, ada satu jawatankuasa yang dianggotai oleh Unit Perancang Ekonomi ataupun EPU dan juga Peguam Negara serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang telah dibentuk untuk memilih syarikat yang layak untuk dianugerahkan dalam program penswastaan ini. Pemilihan syarikat ini juga berdasarkan kepada kepakaran, pengalaman dan juga peralatan yang dipunyai oleh syarikat berkenaan yang merupakan alat-alat yang lebih canggih ataupun mempunyai pengalaman dalam sektor ini. Kita bersetuju untuk meningkatkan, mereka juga bersetuju untuk meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan juga memberi kualiti perkhidmatan pengujian dan pemusatan yang lebih berkesan.

Maka dengan faktor-faktor yang saya sebutkan tadi, maka jawatankuasa telah pun menjalankan banyak perbincangan dan juga akhirnya memilih syarikat Metrologi Corporation Malaysia Sdn. Bhd. untuk dapatkan program penswastaan pada tahun 2004. Soalan yang ditimbulkan yang kedua ini ialah Yang Berhormat Tuan Chua Kim Chuan juga bimbang dari segi pemantauan yang tidak cukup kerana cuma satu syarikat yang menjalankan tugas. Para peniaga akan juga mengambil kesempatan apabila menjalankan perniagaan mereka untuk menipu pengguna.

Saya ingin menegaskan di sini iaitu dari segi penguatkuasaan, ia masih dijalankan oleh pegawai penguat kuasa kementerian dan saya ingin memberi satu data di sini iaitu dari segi keberkesanan untuk kita menjalankan tugas untuk memeriksa. Misalnya pada tahun 2006, tindakan yang diambil atas kes-kes yang melibatkan langgar syarat adalah 2,403 kes. Di antara 2,403 kes ini, 1,810 kes telah pun diselesaikan dan dikenakan kompaun sebanyak RM359,656.00 dan nilai rampasan yang dipungut adalah sebanyak RM70,503.25.

Kalau kita lihat dari segi tahun, ini iaitu sejak Januari hingga 8 Julai 2007, tindakan kes yang diambil adalah sebanyak 889 kes. Kes yang telah pun diselesaikan adalah sebanyak 387 dan kompaun yang dikenakan adalah sebanyak RM96,920 dan nilai kompaun adalah sebanyak RM236,996.10.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jentera penguatkuasaan di kementerian, sebenarnya kita mempunyai 2,174 orang pegawai penguatkuasaan di seluruh Malaysia di semua peringkat. Maka saya yakin dengan adanya tenaga penguat kuasa yang ada di seluruh negara, kita pasti dapat menjalankan tugas dengan sempurna dan mengelakkan para peniaga untuk mengambil kesempatan ataupun menipu pengguna yang ada di negara kita ini.

MCM ataupun syarikat yang ditawarkan cuma menjalankan tugas-tugas pengujian dan juga menentusahkan alat-alat timbang dan sukat sahaja. Jadi Yang Berhormat tidak payah bimbang sangat kerana penguatkuasaan masih dijalankan oleh penguat kuasa di kementerian.

Satu lagi tentang masalah pengguna yang tidak sedar tentang keadaan sama ada ia perlu ataupun mereka tidak faham tentang keadaan yang ditimbulkan kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, ingin saya menegaskan di sini ataupun

mengingatkan kepada semua peniaga, sebenarnya kalau kata kurang faham tentang menukar pelekat, ia merupakan satu kesalahan sebenarnya di bawah Akta Timbang Sukat seksyen 20A, iaitu penalti RM4,000.00 ataupun penjara selama tiga tahun boleh dikenakan ataupun kedua-duanya.

Maka saya ingin mengingatkan kepada semua peniaga supaya perlu faham tentang akta ini dan jangan melanggar peraturan di bawah akta ini.

Yang Berhormat Datuk Yaakob yang tumpang bertanya tentang sama ada relevan ataupun tidak tentang alat timbang sukat yang melibatkan lori ataupun bas dan sebagainya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, alat timbang kepunyaan JPJ sebenarnya juga di bawah kementerian untuk menentusahkan iaitu setiap 12 bulan harus memastikan alat timbang tersebut betul dan juga dalam keadaan yang baik manakala walaupun urusan adalah di bawah JPJ, tetapi dari segi proses penentusahkan masih di bawah kementerian dan juga melalui syarikat yang kita tawarkan ini.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, laluan.

Tuan Hoo Seong Chang: sila.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya ingin bertanya, apakah kementerian juga memantau peralatan timbang dan sukat yang digunakan di kedai-kedai emas?

Tuan Hoo Seong Chang: Kedai apa?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Peralatan timbang dan sukat yang diguna di kedai emas. Apakah ada kes di mana mereka ini, peniaga ini yang menggunakan alat, yang tujuannya untuk menipu. Maksud saya ialah, sebab harga emas ini mahal. Jadi, saya takut ada kedai yang cuba mengeksploitasi peralatan tersebut dengan tujuan untuk menipu pengguna.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya semua jenis timbang dan sukat termasuk alat-alat timbang di kedai-kedai emas juga di bawah kawalan akta ini. Maka sama juga dengan alat-alat timbang yang lain, ia harus juga dihantar ke syarikat ini untuk pastikan penentusahkan timbang di kedai emas itu mengikut peraturan yang ditetapkan, iaitu setahun sekali harus mereka hantar dan pegawai penguat kuasa juga menjalankan tugas atau pemeriksaan di semua premis perniagaan termasuk kedai-kedai emas yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Che Puan Sri Hajah Nik Azizah yang bertanya tentang sama ada mutu barangan yang patut diambil kira apabila kita membuat suatu belian atau apabila membeli barang seharian. Ini, bagaimana perlindungan yang ada di bawah akta-akta yang ada di kementerian?

Ingin saya sebutkan di sini iaitu saya cukup sokong tentang pandangan ini, iaitu pengguna sendiri harus mengambil kira bukan setakat harganya haruslah murah, tetapi mutu barangan harus juga kita ambil kira, supaya kita beli satu barang, bukan sahaja mutu barangannya tinggi, buat masa yang sama harganya adalah berpatutan. Di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999, cukup untuk kita melindungi hak-hak pengguna. Di bawah akta ini juga, kita wujudkan satu tribunal yang dinamakan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia yang memberi satu saluran yang terakhir untuk mereka menuntut keadilan apabila membeli satu barangan. Bukan setakat harganya sahaja, tetapi

dari segi mutu barangan ataupun dari segi perkhidmatan. Juga mereka boleh menuntut keadilan melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.

▪ 1240

Saya ambil kesempatan ini untuk menerangkan di sini sebenarnya melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia ini, ia adalah satu cara yang lebih mudah, murah dan berkesan. Setiap kes yang dibicarakan harus diselesaikan dalam tempoh masa 60 hari dan setakat ini saya boleh katakan 95% kes-kes yang dibawa kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia adalah berjaya dan tidak ada apa-apa kes tunggakan yang ada berlaku di Tribunal ini dan akhir sekali saya ingin menekankan di sini iaitu setiap alat timbang dan sukat yang diimport, tadi pun ada disebut tentang barang yang diimport ini melalui timbang dan sukat di negara luar, ia juga mesti mendapat kelulusan perintah bentuk daripada penyimpan ataupun melalui SIRIM untuk kita akui iaitu sebelum boleh ditentukan sahkan oleh MCM ataupun syarikat metrologi ini untuk tujuan perdagangan. Erti kata, ia perlu juga dapat kelulusan daripada SIRIM sebelum ia dapat dijalankan perniagaan di negara kita ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya fikir setakat itu yang saya dapat jawab semua soalan yang dibangkitkan dan pada kesimpulan ini dengan wujudnya Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan dan juga dengan pindaan ke atas Akta Timbang dan Sukat 1972, saya cukup yakin sistem pengukuran di negara kita ini adalah lebih sempurna dan berkesan demi memberi faedah dan kebaikan kepada masyarakat dan negara kita ini. Jadi terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya ucapkan terima kasih, sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana berjaya memandu rang undang-undang ini,

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: ...Sehingga diluluskan oleh Dewan Negara.

**RANG UNDANG-UNDANG
PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.45 tgh.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perlembagaan Persekutuan, urusan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah terletak di bawah perkara kebersihan dalam Senarai Bersama.

Ini bermakna, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri mempunyai kuasa legislatif mengenai perkara-perkara yang berkenaan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Dalam hal ini, dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pengurusan sisa pepejal, Jemaah Menteri pada 8 April 1998 bersetuju supaya penswastaaan pengurusan sisa pepejal seluruh negara dilaksanakan secara interim sementara menunggu penswastaaan sepenuhnya dilaksanakan. Dalam proses penswastaaan secara interim ini, dua buah syarikat konsesi iaitu Alam Flora Sdn. Bhd. dan Southern Waste Management Sdn. Bhd. Masing-masing telah mengambil alih tugas dan tanggungjawab mengurus sisa pepejal dan pembersihan awam daripada 48 buah pihak berkuasa tempatan di Wilayah Tengah dan Selatan.

Bagi Wilayah Utara pula, konsesi tersebut diberi kepada Syarikat E Idaman Sdn. Bhd. Pada ketika ini, Syarikat E-Idaman masih belum mengambil alih perkhidmatan tersebut. Bagi Kelantan, masih diurus oleh pihak berkuasa tempatannya. Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan bermesyuarat pada 22 Jun 2007 telah bersetuju supaya perkhidmatan sisa pepejal dan pembersihan awam di Terengganu dan Wilayah Utara diswastakan kepada Alam Flora Sdn. Bhd. bagi Terengganu dan Syarikat E-Idaman secara interim. Kedua-duanya secara interim selama setahun bagi masing-masing.

Bagi Sabah dan Sarawak pula, mereka dikecualikan kerana masing-masing mempunyai perundangan tersendiri bagi maksud pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Namun begitu, sekiranya kedua-dua kerajaan negeri berhasrat untuk melibatkan secara langsung dalam skop rang undang-undang ini, kerajaan persekutuan tiada halangan dan akan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengembangkan bidang kuasa undang-undang ini di kedua-dua negeri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak faktor telah dikenal pasti menyumbang kepada ketidakberkesanan pihak berkuasa tempatan dalam mengurus sisa pepejal dan pembersihan awam di negara ini. Pertamanya pihak PBT mengalami kesulitan kewangan dan masalah kekurangan kakitangan dan tenaga kerja terlatih untuk memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Kebanyakan PBT tidak memperoleh pendapatan yang mencukupi bagi memastikan keberkesanan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Akibatnya banyak PBT tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyelenggarakan dan membina kemudahan-kemudahan pengurusan sisa pepejal.

Bagi menangani masalah ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyalurkan peruntukkan kewangan kepada PBT bagi membantu mereka membina dan menaik taraf kemudahan-kemudahan pengurusan sisa pepejal. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga telah membekalkan kenderaan-kenderaan bagi mengutip sisa pepejal. PBT bukan sahaja tidak dapat menyelenggarakan dan membina kemudahan pengurusan sisa pepejal, tetapi menghadapi kesulitan untuk membayar kepada syarikat konsesi akan perkhidmatan yang telah diberikan. Sejak pelaksanaan penswastaan secara interim, terdapat PBT yang tidak membuat pembayaran kepada syarikat konsesi sehingga menyebabkan bayaran tertunggak bagi tempoh yang lama.

■1250

Oleh itu, bantuan kewangan juga terpaksa diberikan bagi membantu PBT melunaskan hutang mereka kepada syarikat-syarikat konsesi yang berkenaan. Dalam hal ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memberikan bantuan lebih kurang RM50 juta dari tahun 1998 hingga tahun 2005.

Malangnya, keadaan sedemikian masih berlarutan sehingga kini. Sehingga 31 Disember 2006, masih terdapat bil-bil berjumlah RM162 juta yang masih belum dibayar kepada pihak konsesi bagi perkhidmatan yang telah diberikan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang telah dikenal pasti menyumbang kepada perkhidmatan sisa pepejal dan kebersihan awam yang tidak memuaskan adalah kerana tiada satu sistem yang bersepadu dan menyeluruh dilaksanakan di seluruh negara. Setiap PBT dan syarikat konsesi mempunyai pendekatan-pendekatan yang berbeza tanpa satu indeks penunjuk utama dengan izin, *key performance indexs*, yang jelas.

Isu ketiga yang menyumbang kepada masalah mutu perkhidmatan yang tidak memuaskan pihak konsesi adalah tempoh penswastaan secara interim telah berlarutan terlalu lama. Dalam hubungan ini, kerajaan telah membuat keputusan untuk melaksanakan penswastaan pengurusan sisa pepejal sejak tahun 1998 lagi. Sehingga kini, iaitu hampir lebih sembilan tahun berlalu proses penswastaan masih lagi kekal di tahap interim di mana tiada perjanjian konsesi ditandatangani. Keadaan tidak menentu ini telah mengakibatkan syarikat-syarikat konsesi sukar untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan untuk terus melabur dalam infrastruktur-infrastruktur yang diperlukan.

Oleh yang demikian, mereka tidak dapat membuat perancangan menyeluruh dan juga untuk melabur dengan cukupnya kerana masa hadapan yang kabur. Hasilnya, perkhidmatan yang diberikan oleh mereka tidak mencapai tahap yang memuaskan.

Pelbagai kelemahan dalam pengurusan sisa pepejal tersebut telah mengakibatkan pencemaran alam sekitar seperti pencemaran kualiti air dan udara di samping bau busuk telah berlaku. Akibatnya, sungai-sungai dicemari dengan air larut resap dengan izin, *leaches* yang mengalir tidak dirawat daripada tapak pelupusan berkenaan. Tanpa kepakaran dan peruntukan

kewangan yang mencukupi, pihak PBT tidak berupaya untuk membendung pencemaran alam sekitar yang terhasil daripada tapak pelupusan tidak *sanitary* berkaitan.

Sehingga April 2007, terdapat 261 tapak pelupusan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Daripada jumlah tersebut sebanyak 111 tapak pelupusan telah ditutup manakala 150 masih beroperasi dan 37 daripadanya merupakan tapak yang berada sama ada di hulu muka sauk tepi sungai atau laut.

Selain itu, daripada 150 tapak yang masih beroperasi 140 tapak adalah tidak *sanitary*. Peruntukan kewangan yang banyak diperlukan untuk menjalankan operasi menutup secara selamat dengan izin, *safe closer* tapak-tapak pelupusan yang tidak *sanitary* ini terutama yang berada dekat dengan sungai dan muka sauk dan untuk menaik taraf tapak-tapak pelupusan sedia ada.

Dalam hal ini, anggaran kos bagi projek-projek menutup secara selamat sebanyak 48 tapak-tapak pelupusan sisa pepejal mencecah hampir RM200 juta. Ini tidak termasuk membina kemudahan-kemudahan baru, menaik taraf dan sebagainya.

Pada kesimpulannya, pihak berkuasa tempatan tidak mampu untuk mengambil langkah-langkah yang diperlukan tanpa bantuan kerajaan persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan sisa pepejal semakin menjadi kian mencabar terutama dengan kuantiti sisa pepejal yang dikeluarkan semakin meningkat dari setahun ke setahun adalah diunjurkan bahawa lebih daripada 31 000 tan sisa pepejal akan dikeluarkan dalam sehari dalam tahun 2020.

Oleh yang demikian, dalam menuju ke arah mencapai status negara maju dalam 2020, kita tidak boleh membiarkan kesihatan dan kualiti hidup penduduk terjejas. Kita juga tidak boleh membiarkan alam sekitar termasuk sungai-sungai kita musnah dan kualiti udara menurun akibat sistem kutipan dan pengangkutan sisa pepejal yang tidak bermutu dan kemudahan rawatan dan pelupusan yang tidak diselenggarakan dan tidak dibina menepati standard-standard ditetapkan.

Menyedari hakikat ini, satu Dasar Pengurusan Sisa Pepejal telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 13 September 2006 bagi menentukan hala tuju pengurusan sisa pepejal negara dan sebagai asas pelaksanaan penswastaaan pengurusan sisa pepejal. Dasar ini antara lain bertujuan untuk mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepadu, kos efektif fungsi mapan serta melaksanakan pengurusan sisa pepejal dengan memberi keutamaan kepada pengurangan sisa melalui 3R. Maksud 3R ialah *reuse*, *reduce* dan *recycle*, dengan izin.

Dengan mengambil pendekatan 3R, kita dapat menjamin supaya hanya sisa pepejal yang tidak boleh diguna semula atau dikitarkan semula sahaja masuk ke dalam tapak pelupusan. Ini akan mengurangkan kuantiti sisa pepejal untuk dilupuskan dan seterusnya dapat memanjangkan tempoh hayat tapak pelupusan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar ini mempunyai enam teras dan teras ketiga adalah untuk mewujudkan undang-undang, peraturan dan institusi. Oleh yang demikian, di Dewan yang mulia ini saya akan membentangkan rang undang-undang bernama suatu Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan

Pembersihan Awam 2007. Rang undang-undang ini membolehkan Kerajaan Persekutuan mengambil alih tugas PBT berkaitan dengan menunaikan tanggungjawabnya memulihara alam sekitar melalui pengurusan sisa pepejal yang berkesan dan cekap.

Kerajaan percaya, dengan tergubalnya Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam...., saya akan menggunakan perkataan ringkas iaitu "PSPPA" kerana kena ulang banyak kali nama ini. Isu dan masalah yang saya yang nyatakan sebentar tadi dapat ditangani sebaik mungkin. Dalam hal ini satu sistem bersepadu akan diwujudkan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dijalankan dengan lancar dan berkesan. Dalam sistem bersepadu ini, tugas mengutip, mengangkut dan pembersihan awam sama ada akan dijalankan oleh syarikat konsesi tersebut ataupun mereka melantik pihak lain untuk menjalankannya, tetapi di bawah pengawasan mereka.

Pusat pemindahan dan kemudahan dan pelupusan dan rawatan sisa pepejal adalah terbuka sama ada kepada syarikat konsesi ataupun pihak-pihak lain yang berminat. Sistem bersepadu di sini membawa maksud bahawa pengurusan sisa pepejal oleh syarikat-syarikat berkenaan mempunyai jaringan dan aliran kerja yang jelas.

Saya juga ingin menarik perhatian terhadap satu kategori sisa pepejal yang akan dikawal di bawah rang undang-undang ini. Kategori yang saya maksudkan adalah sisa pepejal dari industri dan sisa pembinaan dengan izin, *construction and demolition waste* ataupun C&D.

Di bawah skop penswastaan interim sekarang, sisa pepejal sedemikian tidak dikendalikan oleh syarikat konsesi. Ia dikendalikan oleh penghasil dan pemberi perkhidmatan secara kontraktual. Di bawah sistem bersepadu, pengurusan sisa pepejal dari industri dan C&D tidak dimasukkan dalam skop konsesi dan dibenarkan berjalan seperti sedia ada, tetapi di bawah kawalan pelesenan daripada Jabatan PSP. Ini akan memastikan semua aktiviti berkaitan kutipan, pengangkutan dan pelupusan tidak terlepas daripada pemantauan dan kawalan jabatan dan juga perbadanan pengurusan sisa pepejal.

Penggubalan Rang Undang-undang PSPPA 2007 akan juga menamatkan tempoh interim penswastaan dan membolehkan penswastaan keseluruhannya dilaksanakan. Keadaan sedemikian akan menjadi pemangkin pada pelaksanaan pengurusan sisa pepejal yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya jangka tentu... *[Masalah sistem rakaman]* rehat dahulu. Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan sekarang dan Dewan bersidang semula pada 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri untuk meneruskan huraian.

2.32 ptg.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjayakan pelaksanaan rang undang-undang ini, syarikat-syarikat konsesi berkaitan serta kementerian akan menjalankan pelbagai kempen kesedaran awam bagi menyedarkan penduduk tentang betapa pentingnya mereka perlu mengasingkan sisa pepejal mereka dan juga menerangkan tentang kaedah kutipan dan pengangkutan yang akan mereka laksanakan.

Di samping itu, mutu perkhidmatan yang akan diberikan oleh pihak syarikat akan dipantau melalui indeks penunjuk utama atau *key performance indexs*. Oleh yang demikian, saya percaya dengan kempen kesedaran intensif dan juga dengan adanya indeks penunjuk utama kita dapat membuat anjakan paradigma dalam pengurusan sisa pepejal di negara ini.

Sementara menanti jabatan dan perbadanan operasi pada keupayaan optimumnya, pihak berkuasa tempatan akan terus memberi bantuan untuk memantau pengurusan sisa-sisa pepejal. Ini adalah penting bagi memastikan aktiviti pelupusan haram tidak dilakukan sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Pada masa yang sama, orang awam boleh memainkan peranan sebagai mata dan telinga pihak berkuasa dengan melaporkan sebarang kejadian pelupusan haram sisa pepejal. Dalam pada itu rang undang-undang ini memberi kekuatan kepada aktiviti penguatkuasaan. Ia mengenakan penalti yang setimpal kepada mereka yang melakukan kesalahan di bawah rang undang-undang ini. Aktiviti penguatkuasaan yang berterusan dan kemampuan amatlah penting kerana kos yang terlibat dalam membersihkan kawasan, di mana sisa pepejal diletakkan secara haram dan juga kesan sampingan kepada alam sekitar adalah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini bahawa pelaksanaan rang undang-undang ini kelak tidak akan membebankan orang awam dengan apa-apa pertambahan kos kepada mereka.

Saya juga ingin menegaskan bahawa dalam masa dua tahun peringkat pelaksanaan perbelanjaan pengurusan sisa pepejal akan ditampung melalui sumbangan yang akan diberikan oleh pihak berkuasa tempatan dan juga peruntukan Kerajaan Persekutuan. Sebarang *shortfall* atau kekurangan daripada sumbangan pihak berkuasa tempatan akan ditanggung oleh perbadanan. Sumbangan PBT tersebut adalah merupakan sebahagian daripada cukai pintu yang dibayar oleh penduduk, yang telah pun selama ini diguna untuk membiayai kos perkhidmatan pengutipan, pengangkutan, penghantaran sisa pepejal serta pembersihan awam.

Ini bermakna orang awam hanya dikekalkan dengan bayaran cukai pintu seperti sedia ada. Sementara kerajaan akan berurusan dengan syarikat konsesi dan memastikan supaya satu sistem pengurusan sisa pepejal yang bersepadu, berkesan dan melindungi alam sekitar dapat diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang PISPA 2007 ini dibuat menurut Perlembagaan fasal (1) Perkara 74 iaitu mengenai Kuasa Perundangan antara Persekutuan dan Negeri. Fasal (2), Perkara 80 iaitu Pembahagian Kuasa Eksekutif antara Persekutuan dan Negeri. Ia terpakai kepada seluruh Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

Rang undang-undang ini bertujuan untuk memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan berhubung dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang ada pada kerajaan-kerajaan negeri. Rang undang-undang ini terbahagi kepada 12 bahagian. Antara fasal-fasal penting yang termaktub dalam bahagian-bahagian tersebut adalah seperti berikut:

Fasal (2) Bahagian I - yang memberi tafsiran sisa pepejal terkawal kepada lapan kategori iaitu sisa pepejal komersial, sisa pepejal awam, sisa pepejal pembinaan, sisa pepejal isi rumah, sisa pepejal industri, sisa pepejal institusi, sisa pepejal yang diimport dan sisa pepejal yang boleh ditetapkan oleh menteri dari semasa ke semasa;

Fasal (2) Bahagian I - juga mentafsirkan perkhidmatan sisa pepejal sebagai pengasingan, penstoran, pemungutan, pengangkutan, pemindahan, pemprosesan, pengitaran semula, pengolahan dan pelupusan sisa pepejal terkawal;

Fasal (2) Bahagian I - turut mentafsirkan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam sebagai perkhidmatan yang berikut;

- (a) membersihkan jalan awam, tempat awam, tandas awam dan longkang awam;
- (b) membersihkan -
 - (i) pusat penjaja kecuali medan makan yang dipunyai dan diselenggarakan secara persendirian; dan
 - (ii) pasar kecuali pasar yang dipunyai dan diselenggarakan secara persendirian;
- (c) membersihkan sisa pepejal terkawal yang dibuang dengan menyalahi undang-undang di atas jalan awam dan di tempat awam;
- (d) membersihkan pantai;
- (e) memotong rumput di tepi berbendul di jalan awam;
- (f) memotong rumput di tempat awam; dan mengalihkan bangkai tetapi tidak termasuk pelandskapan dan penyelenggaraan jalan awam dan tempat awam.

Fasal (4) Bahagian I - memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk membuat perjanjian dengan mana-mana orang untuk mengusahakan, menguruskan, mengendalikan dan menjalankan apa-apa perkhidmatan pengurusan sisa pepejal atau perkhidmatan pengurusan pembersihan awam;

Fasal (6) Bahagian II - memberi kuasa kepada ketua pengarah untuk mencadangkan dasar, rancangan dan strategi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam;

Fasal 6 - juga memberi kuasa kepada ketua pengarah untuk melaksanakan fungsi pengawal seliaan, menetapkan standard signifikan dan tata amalan berhubung dengan perkhidmatan sisa pepejal, pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam;

Fasal (8) Bahagian III - memperuntukkan hanya kemudahan-kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan diberi kelulusan oleh ketua pengarah sahaja yang boleh dibina, diubah atau ditutup. Peruntukan ini memastikan kawalan yang ketat dibuat ke atas kemudahan-kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan supaya tidak berlaku keadaan yang tidak diingini seperti pencemaran alam sekitar;

■1440

Fasal 12, Bahagian III - memperuntukkan supaya mana-mana pihak yang berhasrat untuk menutup kemudahan pengurusan sisa pepejal yang telah ditetapkan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada ketua pengarah. Permohonan untuk menutup kemudahan pengurusan sisa pepejal hendaklah dikemukakan bersama dengan suatu cadangan pelan penutupan pada perbadanan. Peruntukan ini adalah bertujuan untuk memastikan sebarang tapak pelupusan yang hendak ditutup mempunyai kaedah-kaedah tertentu bagi mengelakkan tapak-tapak pelupusan yang ditutup memudaratkan kesihatan penduduk setempat dan alam sekitarnya. Ia juga bagi memastikan perancangan dibuat ke atas sisa pepejal yang terpaksa dilupuskan ke tempat lain.

Fasal 14 Bahagian IV - memperuntukkan hanya mereka yang telah diberi lesen sahaja boleh mengusahakan atau menyediakan apa-apa perkhidmatan pengurusan sisa pepejal, menguruskan atau mengendalikan apa-apa kemudahan sisa pepejal atau mengusahakan atau menyediakan apa-apa perkhidmatan pengurusan pembersihan awam. Pemberian lesen adalah untuk mengawal pengurusan sisa pepejal supaya perkhidmatan yang diberikan selaras dengan yang ditetapkan oleh kerajaan melalui jabatan.

Fasal 34 Bahagian VI - memberi peruntukan bagi menubuhkan tribunal.

Fasal 45 dan 46 - memperuntukkan bidang kuasa dan batas bidang kuasa tribunal untuk mendengar kes-kes terutamanya berkaitan dengan tuntutan untuk mendapatkan semula caj-caj, fi-fi atau levi oleh perbadanan atau pemegang lesen. Atau tuntutan yang timbul daripada apa-apa pertikaian antara apa-apa caj, fi atau levi yang dikenakan untuk perkhidmatan sisa pepejal di antara pemegang lesen atau perbadanan dengan penghuni PBT atau penghasil sisa pepejal. Peruntukan ini bagi membolehkan orang-orang berkepentingan seperti badan PSPPA, pemegang lesen, penghuni PBT dan penghasil sisa pepejal membuat tuntutan mengenai kepentingannya atau apa-apa kerugian yang ditanggung termasuk mendapat caj, fi atau levi di bawah rang undang-undang ini.

Fasal 70 Bahagian VII - memperuntukkan padanan dengan persetujuan terlebih dahulu daripada menteri dan juga setelah pihak yang terlibat telah diberikan peluang yang munasabah untuk membuat representasi, mengambil beberapa tindakan tertentu ke atas pemegang lesen yang tidak *solvent* atau yang telah menggantungkan pembayaran pada apa-apa takat sehingga menjejaskan

pengendaliannya atau telah berlaku pelanggaran oleh pemegang lesen yang serius sehingga menyebabkan pemegang lesen tidak wajar untuk terus memegang lesennya.

Di antara tindakan tersebut adalah menghendaki pemegang lesen untuk mengambil langkah pembaikan sewajarnya. Melantik seorang atau lebih sebagai pengarah pemegang lesen, mengambil alih kawalan ke atas keseluruhan atau sebahagian harta perniagaan dan hal ehwal pemegang lesen dan menjalankan keseluruhan atau sebahagian perniagaan dan hal ehwalnya atau melantik mana-mana orang untuk menjalankan mana-mana kuasa perbadanan bagi pihak perbadanan.

Fasal 74 Bahagian VIII - memperuntukkan kuasa kepada ketua pengarah untuk mengarahkan supaya apa-apa sisa pepejal terkawal diasingkan. Peruntukan ini amat penting bagi memastikan supaya sisa pepejal boleh dikitari semula, tidak berakhir di tapak pelupusan.

Fasal 101 dan Fasal 102, Bahagian X - memperuntukkan kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan bagi mengurangkan dan meminimumkan pengeluaran sisa pepejal melalui kaedah 3R dan sistem terima balik dan sistem bayaran balik deposit yang bertujuan memantapkan aktiviti kitar semula.

Fasal 103 Bahagian XI - memberi peruntukan bagi menubuhkan Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang bertujuan antara lain menerima sumbangan daripada kerajaan negeri dan PBT berkaitan dengan perkiraan yang dibuat di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Segala wang yang diterima daripada caj, fi atau levi yang dikenakan di bawah fasal 30 dan segala wang yang diperuntukkan daripada Kerajaan Persekutuan bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Kumpulan wang ini akan dikawal dan dikendalikan oleh perbadanan bagi membayar antara lain kos yang terlibat dalam perjanjian-perjanjian yang dibuat di bawah rang undang-undang ini.

Fasal 108 Bahagian XI pula memberi kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang suai, manfaat atau perlu bagi perjalanan lebih baik peruntukan akta ini.

Bahagian XII - memperuntukkan tentang kecualian dan peralihan terutamanya yang melibatkan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, perjanjian dan perjanjian tambahan dan kemudahan sisa-sisa pepejal yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi dan mengawal selia pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam bagi maksud menyelenggarakan yang sepatutnya dan bagi perkara-perkara yang bersampingannya dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Dato' Hajah Saripah Aminah; Dato' Yip Kum Fook; Dato' Rizuan; Puan Hajah Wan Hazani; Dato' Gooi Hoe Hin; Ir. Hiang A Li; Tuan M. Munusamy; dan Tuan Tay Puay Chuan. Jadi apabila sudah ramai yang hendak bercakap, harap Ahli-ahli Yang Berhormat masing-masing beri kerjasamalah.

2.47 ptg.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun rang undang-undang ini telah diluluskan di Dewan Rakyat, sebelum ia mendapat kelulusan di Dewan yang mulia ini, saya mohon mendapat penjelasan kepada beberapa kemusykilan yang dirasakan perlu diperjelaskan oleh pihak kementerian. Saya beranggapan bebanan akan *at the end of the day* dengan izin, akan disalurkan kepada orang-orang awam.

Rang undang-undang ini memberi tumpuan kepada usaha menangani isu alam sekitar dan pengurusan sisa pepejal secara bersepadu dan menyeluruh dan rang undang-undang ini juga bertujuan untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan membuat perjanjian untuk menswastakan pengurusan sisa pepejal dengan konsesi-konsesi, kononnya bagi menambahbaikkan sistem. Apa yang penting ialah sama ada rang undang-undang akan menambahbaikkan sistem yang sedia ada? Apakah kebaikannya kepada rakyat? Adakah dengan memperkenalkan suatu perbadanan yang akan mengambil alih kakitangan PBT dapat menangani isu alam sekitar? Di sini, dilihat kakitangan masih sama dan konsesi juga masih sama.

Tuan Yang di-Pertua, perbadanan ini akan berkemungkinan berpusat di Kuala Lumpur, sebuah pejabat urusan yang kecil akan diadakan di negeri-negeri dengan kakitangan yang tidak lebih dua atau tiga orang. Konsesi yang sedia ada akan diambil alih oleh perbadanan dan yang terbaik akan dijadikan tekong. Selepas itu, tekong inilah akan diberi kuasa dan dengan kakitangan dan peralatan yang sedia ada sekarang, untuk membuat kerja-kerja mengangkut sisa pepejal.

Akhirnya, kita akan kembali ke *square one* dengan izin, dan yang akan terima bebanan adalah orang awam sebab bayaran tentunya akan naik selepas masa interim yang telah ditetapkan sedangkan perkhidmatannya akan duduk di takuk yang sama dan orang awam dibebankan dengan bayaran yang lebih untuk membayar pegawai-pegawai perbadanan yang akan berpusat di ibu pejabatnya.

■ 1450

Walaupun dalam pembentangan oleh pihak menteri tadi cukai pintu tidak akan dinaikkan. Taklimat daripada E-Idaman di PBT di Pulau Pinang telah pun dibuat dan soalan-soalan seperti mana yang dibangkitkan oleh pihak menteri telah pun dibangkitkan dan jawapan yang diterima kenaikan tetap akan berlaku.

Caj, fi dan levi, rang undang-undang memberi kuasa kepada menteri untuk menetapkan caj, fi atau levi sisa pepejal terkawal yang hendak dibayar oleh pemunya, penghuni PBT dan mana-mana orang lain. Asas pengiraan caj, fi atau levi juga tidak dinyatakan dalam rang undang-undang ini. Menteri memberi kuasa untuk mana-mana orang untuk memungut caj. Menteri boleh melalui

perintah yang disiarkan dalam warta memberi kuasa kepada perbadanan atau orang yang dengannya. Perjanjian telah dibuat di bawah seksyen 4, untuk menuntut, memungut dan menyimpan caj, fi atau levi sisa pepejal terkawal yang telah ditetapkan di bawah subseksyen 1 berkenaan dengan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal yang sedia ada oleh orang itu di bawah perjanjian ini. Sesiapa yang enggan membayar caj, fi atau levi sisa pepejal terkawal boleh didenda tidak melebihi RM5,000 dan juga boleh didenda selanjutnya tidak melebihi RM50 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan. Menteri telah menerangkan caj tidak akan dikenakan buat masa penguatkuasaan akta, akan tetapi tetap selepas satu tempoh.

Pada masa sekarang konsesi dibayar oleh PBT dari cukai pintu yang diperolehi. Rang undang-undang tidak menjelaskan formula atau asas pengiraan caj, fi dan levi ini dan juga kuantum kenaikan caj, fi dan levi yang akan dikenakan. Apakah formula pengiraan fi dan levi dan mengapakah dia tidak termasuk di dalam rang undang-undang? Pemilik pangsapuri telah dibebankan dengan caj penyelenggaraan iaitu *maintenance* dengan izin, cukai pintu dan akan dicajkan pengurusan sisa pepejal, *maintenance* akan datang. Jadi perlu apakah sesuatu ketetapan dan mekanisme supaya ia tetap tidak akan menjadi beban kepada rakyat dan pembayar cukai. Saya pohon dengan beberapa soalan yang telah saya pohon terdapat minta penjelasan daripada pihak menteri dan saya juga ingin menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Yip Kum Fook.

2.53 ptg.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang untuk turut sama dalam perbincangan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awan 2007. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan kerajaan persekutuan kerana berani membentangkan rang undang-undang ini di Dewan yang mulia ini. Rang undang-undang ini telah digubal dengan penuh jiwa kerakyatan. Menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat ada satu wawasan mengenai masalah yang akan timbul jika perkara ini tidak diuruskan oleh kerajaan pusat.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini pembuangan sisa pepejal mendatangkan sakit kepala kepada kebanyakan majlis PBT. Rang undang-undang ini adalah tepat pada masanya. Di dapati ianya telah mengambil kira sama-sama atau *grey area* dengan izin, dan kekurangan yang telah berlaku sebelum ini. Maklumlah tahun 90-an ketika itu kita baru mula mengadakan penswastaan atau dikontrakkan kerja-kerja sebelum ini diselenggarakan oleh PBT masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon penjelasan di bahagian taksiran fasal 2 - Perkhidmatan Pengurusan Pembersihan Awan subfasal (b)(i) dan (ii). Memberi pengecualian kepada pusat penjaja dan pasar persendirian ini adalah kurang memuaskan. Mereka ini akan memberi masalah kepada PBT kelak. Cadangan saya pasar persendirian dan pusat penjaja hendaklah memungut sisa mereka dengan bayaran yang ditetapkan. Kerja-kerja ini tidak harus di biar dan ditinggalkan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 73 – sentuh mengenai sisa pepejal dengan bekas. Warga PBT kadang-kadang juga tidak puas hati kerana dipaksa membeli tong sampah. Bolehkah perbadanan yang kita akan wujud ini membekalkan tong sampah yang seragam kepada para pembayar cukai pintu ini. Jadi dapat menyenangkan lagi pembuangan sampah sarap dan mengurangkan bebanan tenaga pekerja kerana bekas yang banyak digunakan oleh banyak warga PBT tidak sesuai sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini pembuangan sisa pepejal khasnya di kawasan perindustrian ringan khasnya *terrace factory* dengan izin, juga tidak diambil oleh kontraktor PBT. Saya berharap sekurang-kurangnya sampah pejabat atau *domestic waste* dengan izin, harus dipungut juga.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 97 – iaitu penyampaian dokumen. Saya tidak berapa setuju dengan perkataan atau di hujung fasal 97(b). Ia sepatutnya menggunakan perkataan “dan” demi mengelakkan salah guna kuasa oleh mana-mana pihak dan ini adalah selaras dengan seksyen 12(a) Interpretation Act [Akta 388] yang menyatakan penyampaian dokumen kerajaan hendaklah secara berdaftar. Apa yang tidak begitu jelas dalam seksyen 106 Akta Kerajaan Tempatan hendaklah dibaca dengan Interpretation Act ini.

Kawasan-kawasan baru yang siap dibina diambil alih oleh PBT, tarikh bilakah yang akan ditetapkan oleh PBT dan diberitahu kepada *cooperation* iaitu perbadanan untuk memulakan kerja-kerja pembersihan. Ini adalah untuk mengelakkan tempoh *grey area* iaitu sama ada ia akan dipungut atau di selenggara oleh pemaju atau PBT. Saya bercadang pihak perbadanan mesti diberitahu untuk bersiap sedia mengambil alih pungutan sisa pepejal sebaik sahaja borang E diterima oleh PBT dan bukan selepas CF dikeluarkan.

Fasal 15, Tuan Yang di-Pertua, tahniah dan syabas di atas kuasa yang diberi kepada menteri agar dapat mengecualikan seseorang daripada memohon lesen. Ini adalah satu langkah yang bijak kerana banyak persatuan kini telah menjalankan kerja-kerja kitar semula secara amal. Pendapatan mereka akan disalurkan untuk kerja-kerja *charity*, dengan izin. Mereka harus dikecualikan daripada bayaran untuk dilesenkan. Mereka ini seharusnya dikeluarkan satu lesen yang tidak dikenakan bayaran.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 17 memberi kuasa terlalu luas kepada perbadanan untuk meminta dokumen tambahan. Saya khawatir perbadanan akan membuat banyak peraturan dan menyusahkan pemohon lesen. Ini telah berlaku di banyak perbadanan seperti PUAS dan lain-lain, kerana apabila mereka telah diberi kuasa mereka akan menambah dengan sesuka hati menukar borang-borang yang ditetapkan sebelum ini. Terdapat di PUAS yang telah berlaku. Justeru itu dokumen yang diminta mestilah ada kaitan di bawah fasal 19.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ada sebut tentang kempen 3R iaitu *reduce, reuse, recycles* dengan izin dan kita semua mesti sokong kempen ini tetapi untuk mendapatkan sokongan orang ramai strategi kempen ini mesti ditukar. Apa yang dapat tonton di TV, ialah budak-budak membalik sampah ke dalam tong sampah yang sedia ada mengikut kategori sampah.

■1500

Malangnya itu dilihat sebagai satu hiburan semata-mata dan tidak sebagai satu tunjuk ajar. Apa yang perlu dibuat oleh ketua pengarah yang akan dilantik ialah untuk mengubah cara berkempen. Kempen melalui iklan TV dan akhbar akan lebih berkesan jika mereka yang bertanggungjawab turun ke padang untuk bersama-sama dengan para penduduk. Berikan sedikit peruntukan kepada mereka dan menyediakan VCD yang kreatif dan adakan sesi tunjuk ajar kepada penduduk, pembantu rumah dan orang ramai mengenai apa yang patut dilakukan untuk menjayakan kempen itu. Sesi penerangan itu mesti diadakan beberapa kali sebelum orang ramai dapat memahami dan menerima tujuan kempen itu. Selepas itu barulah mereka dapat mengubah sikap dan tindakan mereka dalam hal pelupusan sampah sarap.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh faham mengapa penduduk kawasan dan sekitar Broga menentang kehadiran pusat pembakaran sampah *incinerator*. Mereka membantah bukan kerana tidak percayakan atau tidak berkeyakinan mengenai teknologi baru, apa yang mereka tidak sanggup terima ialah apabila lori sampah itu lalu semua orang tahu, lori sampah akan membawa bau busuk. Ada dua aspek yang ketua pengarah yang akan dilantik mesti kaji; yang pertama ialah mengenai lori yang digunakan. Saya dapat lihat ada dua jenis lori yang digunakan sekarang iaitu satu jenis yang terdedah, dan satu lagi jenis *compactor*. Dalam jenis terbuka, sampah dicampak ke dalam lori, air yang ada di dalam tong juga turut masuk ke dalam lori. Inilah yang menyebabkan rakyat kita selalu tertekan kerana lori ini telah membawa bau busuk ini tanpa disedari oleh mereka sendiri. Ketua Pengarah perlu kaji juga reka bentuk lori yang akan digunakan untuk sampah supaya dapat mengatasi masalah ini. Mungkin lori sampah yang sesuai dan berteknologi tinggi patut digunakan selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, hal yang kedua yang ketua pengarah mesti selesaikan ialah mengenai masalah air sisa sampah yang terkandung dalam sampah yang dibuang oleh isi rumah. Tidak dapat dinafikan orang Malaysia yang memasak ada banyak meninggalkan air sisa makanan dan inilah yang menyebabkan bau busuk yang keluar dari lori sampah yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa kaedah *sanitary landfill*, bukanlah suatu kaedah yang praktikal dan *sanitary* untuk pelupusan sampah. Kawasan yang sesuai untuk *sanitary landfill* juga lambat laun akan kehabisan. Tak akan pula kita mahu merobohkan bangunan yang sedia ada untuk dijadikan *landfill*. Kerajaan mesti mencari kaedah yang lebih *high tech* untuk menguruskan pelupusan sisa pepejal dengan kaedah yang lebih mesra alam. Kajian perlu dibuat, mengapa di luar negara penggunaan *incinerator* tidak di bantah oleh penduduk negara itu. Adakah mereka sedar bahawa teknologi itu selamat dan tidak mencemarkan alam sekitar dan mereka tidak ada pilihan dalam pelupusan sampah atau mereka sedar bahawa *landfill* itu juga boleh mencemarkan alam sekitar dan tanah itu tidak ternilai harganya untuk dijadikan *landfill*. Ketua pengarah perlu mencari jawapan untuk menyelesaikan masalah pelupusan sisa pepejal. Tambahan lagi kos untuk memindahkan sisa pepejal ke tempat yang lebih jauh akan membebankan warga PBT. Akhirnya

semua orang tidak mahu *landfill* dekat kerana semua orang tidak mahu *landfill* dekat dengan rumah mereka. Maka *landfill* itu akan dihantar lebih jauh dan itu memerlukan kos yang lebih tinggi.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, perlu diingatkan satu daripada penyebab banjir di ibu kota, bandar dan pekan ialah parit dan longkang yang tersumbat kerana negara Malaysia adalah dalam kawasan tropika. Kita banyak pokok, daun semua akan masuk ke longkang, parit apabila hari hujan. Perbuatan orang ramai yang membuang sampah merata-rata juga menyumbang kepada parit yang tersumbat. Akan tetapi pembersihan parit yang tidak mengikut jadual juga boleh menyebabkan banjir berlaku. Jadi kementerian perlu memastikan pembersihan dijalankan mengikut jadual dengan kerjasama JPS. Kita tidak mahu sampah yang dikorek dari parit dan longkang, dilonggokkan di tepi parit dan selepas itu apabila hari hujan, sampah sarap itu masuk semula ke dalam parit. Kementerian mesti menjalankan kempen serampang dua mata dalam hal ini iaitu mendidik orang ramai mengenai menjaga kebersihan tempat awam dan pekerja menjalankan tugas dengan penuh komitmen, dengan itu barulah kebersihan dapat dijaga dan bandar raya akan menjadi tempat bersih dan indah.

*Banjir besar di kota raya,
Akibat pengaliran tidak sempurna,
Kebersihan wajib kita jaga,
Agar semua hidup ceria.*

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong rang undang-undang ini.

3.07 ptg.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Pertama sekali saya mahu ucapkan syabas dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana datang sendiri ke Dewan Negara untuk membentangkannya dengan penuh teliti dan penjelasan-penjelasan atau keterangan-keterangan yang diberi tadi amat memuaskan. Sebelum saya pergi lebih lanjut, saya hendak menyokong dahulu. Sebelum saya cakap, saya sokong sebab ini amat penting. Di samping saya menyokong rang undang-undang ini, saya menyokong dengan adanya beberapa cadangan.

Yang pertama sekali berasaskan kepada pengalaman saya yang agak lama juga dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur iaitu selama sembilan tahun daripada tahun 1991 sehingga tahun 2000 sebagai Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya kerana penswastan atau *interim privatization* ini dibuat dalam tahun 1995 dan telah diberi peluang kepada syarikat konsesi pada tahun 1998 di Kuala Lumpur iaitu kepada Alam Flora. Yang pertamanya memang bidang ini bidang yang saya minati dan saya belajar sedikit dulu bidang ini iaitu *solid waste management* dan *waste water management*, dengan izin, dan apabila saya bekerja memang kerja saya bersangkutan paut dengan bidang ini.

Jadi dalam perbincangan ini, yang paling bermasalah sebenarnya ialah masalah kewangan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat konsesi di mana pihak PBT banyak berhutang dengan syarikat konsesi iaitu saya difahamkan RM163 juta. Yang mampu dibayar oleh PBT lebih kurang RM42 juta, yang selainnya RM121 juta saya difahamkan pihak menteri akan mencadangkan kepada kerajaan untuk memberi geran untuk menyelesaikan hutang-hutang ini. Kalau syarikat konsesi ini bermasalah maka pengurusannya bermasalah.

■1510

Bagaimana ia hendak mentadbirkan sesuatu syarikat jika bila dia buat kerja tak ada bayaran. Sebab itu saya percaya dengan adanya pindaan rang undang-undang ini membolehkan kerajaan bertanggungjawab dengan tertubuhnya perbadanan ini, maka syarikat-syarikat macam di Kuala Lumpur ini Alam Flora, di Johor dipanggil *Southern Water Management*, dan di utara, E-Idaman. Syarikat-syarikat ini mempunyai banyak hutang dan akhirnya kalau tidak dibantu, pengurusan sisa pepejal ini akan menjadi masalah besar. Kita hanya dapat bergantung dengan adanya cukai pintu.

Cukai Pintu ini berapa banyak sangat kita boleh kutip. Kalau kita nak mengharap duit Cukai Pintu dan kita bayar kepada pengurusan sisa pepejal, saya rasa benda-benda lain pun kena bayar juga kerana cukai pintu ia mengandungi – kalau kita bayar Cukai Pintu, bayaran itu untuk kita *maintain* jalan, turap jalan. Yang kedua potong rumput dan yang ketiganya baiki longkang. Tempat-tempat awam seperti kawasan lapang harus diselenggarakan, tandas-tandas awam dan lain-lain. Jadi kutip sampah tu yang di bawah. Jadi kalau komponen yang hendak dibayar melalui duit cukai pintu itu ada 10 komponen, duit yang kutip sampah itu sedikit, 1/10, jadi bagaimana kita hendak bayar kepada kontraktor ini sebab itu ia menjadi masalah besar.

Kalaulah seseorang itu mempunyai *property* ataupun rumah tiga hingga empat buah, mungkin setahun dia kena bayar RM1,000 ataupun RM2,000 kalau rumah dia besar. Jadi dia mengharap jalan di depan rumahnya mesti elok, tidak ada rosak ataupun bila hujan banyak yang rosak, kena tampal. Dia mengharap longkang-longkang dibersihkan. Dia mengharap sampah di depan rumahnya dikutip selalu, tetapi apa yang berlaku sekarang ini Yang Berhormat, amat menyedihkan kerana masa Dewan Bandaraya dulu buat kerja kita tengok Alam Flora ambil alih, lebih kurang sama sahaja, tidak ada bezanya. Bezanya hanya diswastakan, diswastakan di peringkat *interim*. Kita tidak tahu kenapa diswastakan di peringkat *interim*.

Yang Berhormat boleh tolong jelaskan kenapa tidak diswastakan penuh. Saya difahamkan mungkin kerana tidak cukup duit sebab itu kena buat begitu. Saya tidak tahu jenis penswastakan apa yang dipanggil, kerana yang kita tahu kalau swasta itu, semua syarikat kena tanggung. Dia cari duit, dia uruskan kakitangan, dia beli lori, tidak membebaskan kerajaan. Hanya kerajaan bagi terus kepadanya, tetapi penswastakan macam ini..

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat minta laluan. Saya hendak tanya Yang Berhormat sedikit tentang penswastakan seperti Yang Berhormat bangkitkan tadi, sebab setiap kali bila kita menswastakan sesuatu projek dalam PBT, selalunya kos yang naik itu akan ditanggung oleh

rakyat sendiri. Seperti yang kita tengok dalam isu IWK. IWK kalau dulu bila pemaju hendak menyiapkan satu-satu projek itu, dia bayar mengikut jumlah tandas yang ada di dalam rumah ataupun jumlah penghuni rumah, tetapi setelah diswastakan kepada IWK, IWK caj mengikut harga jualan rumah, tidak mengikut jumlah penduduk yang ada di dalam sesebuah rumah.

Jadi kalau saya bina satu banglo, saya jual 1 *million*, maksudnya saya kena bayar 1% daripada satu *million* kepada IWK. Selepas kita bayar tidak apa juga. Apabila IWK telah timbul masalah, selepas dia ambil tanah-tanah yang strategik, dibangunkan projek-projek perumahan dan sebagainya, akhirnya IWK menjadi masalah dan diserahkan balik kepada khazanah. Ini yang saya takut akan jadi perkara yang sama. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Saya memang amat faham tentang penswastan IWK, tetapi apabila ramai rakyat membantah dan yang paling kita bantah kerana ada rumah, rumah sendiri kemudian *septic tank* di belakang rumah. Kenapa kita harus bayar kepada IWK. Kita tidak perlu bayar kalau *septic tank* itu akan masuk kepada saluran *sewage system* kerajaan di depan jalan besar, bolehlah kita bayar kepada IWK. Sebab itu ramai orang membantah, jadi oleh sebab banyak bantahan maka kerajaan telah pun memberitahu kepada kita bahawa yang di rumah, yang individual, rumah individu yang pakai satu *tank* tidak perlu bayar.

Saya percaya penswastan yang akan dilakukan oleh kerajaan untuk pengurusan sistem pepejal, ini pun satu penswastan yang berlainan daripada IWK kerana kita tahu pengalaman IWK itu amat perit. Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Senator Dato' Omar tadi, sebab itu saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana yang akan datang ini, cuba kita tidak payah lagi fikir soal *interim privatization* ataupun penswastan interim. Cari penswastan yang betul. Maknanya kerajaan tidak tanggung, kerajaan tidak bagi geran kepada pihak perbadanan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya dalam isu *landfill* ini, Batu Pahat memang melalui satu pengalaman yang cukup perit seperti mana yang berlaku dalam kes tempat pembuangan sisa pepejal di Seri Wangi sampai berlaku tunjuk perasaan, sudah begitu lama dan saya setuju bila adanya rang undang-undang ini, maka sekarang ia diambil alih oleh Kerajaan Pusat sebab masih tidak boleh diselesaikan sudah begitu lama oleh *Southern Waste* ini. SWC, SWM minta maaf.

Jadi sebab itulah sebenarnya alasan kewangan sudah tidak patut timbul dan tidak boleh ditimbulkan lagi sebab apabila diambil alih oleh Kerajaan Pusat, maka mereka yang mahu membina *landfill* ini, dia boleh menggunakan pendekatan seperti PF5. Untuk mengatasi masalah kewangan, untuk mereka membuat *landfill* yang baru, dan ini memang diperlukan, kalau tidak ini tidak akan selesai. Saya tengok kalau kita ambil contoh macam di Bandar Kuching, yang penting bagi saya ialah soal teknologinya. Teknologinya dan juga syarikat yang mampu melaksanakan tanpa menyusahkan kerajaan.

Kalau di Bandar Kuching itu saya melihat dari segi teknologinya pun memang cukup baik. Baik dari segi *garbage bank* nya itu semua dia sediakan, dia *collect* dan cukup teratur. Jadi saya fikir

barangkali dalam isu ini ialah jangan lagi bagi pada syarikat-syarikat yang sudah mempunyai rekod buruk ini, tetapi beri kepada yang baru dan yang berkemampuan ada prestasi dan boleh menggunakan pendekatan yang tidak membebankan kerajaan dari segi kewangan, terutamanya PF5, apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Saya bersetuju, tetapi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad tadi, ada dua benda, satu syarikat yang menguruskan *landfill* dan syarikat lain pula yang menguruskan untuk kutipan. Jadi ada dua benda di sini. Yang menguruskan *landfill* mungkin dia akan mendapat faedah tapi yang menguruskan kutipan ini, faedah mana yang dia dapat? Ini sebab cukai pintu ini harus dibayar kepada syarikat yang mengutip sampah ini. Jadi, pandangan saya di sini, dalam sembilan tahun ini kerana penswastaan ini sudah hampir sembilan tahun *interim*, sembilan tahun saya duduk di Kepong, ada dua tempat *landfill*.

Betul tidak Yang Berhormat, satu di Jinjang, tinggi dan macam bukit, saya ingat dalam 200 kaki. Sampai sekarang tidak buat apa-apa pun. Satu lagi di Taman Beringin di Kepong juga telah ditutup dan telah dibina taman atas bukit. Ini di sebelah Fadason yang disebutkan tadi itu, tidak buat apa-apa sampai sekarang, tetapi baunya sampai sekarang masih ada. Yang di Bukit Jalil pun sama, tutup buat taman atas bukit, bukan main tinggi, gas dalam tanah keluar tetapi berapa kerat orang yang hendak pergi, kerana walaupun 20 tahun sampah ditinggalkan, dilonggokkan di situ, *dumping ground* 20 tahun masih bau, berapa kerat orang yang hendak pergi ke taman itu. Jadi...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Penjelasan Yang Berhormat. Kalau yang di Kuching itu semua dibuat daripada *collect garbage* ini sampai kepada *landfill*, semua dibuat. Dia komprehensif, bukan maksudnya *collect* satu pihak lain, *maintain* satu pihak lain. Dia menyeluruh.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Ya itu di Kuching, tapi yang saya cerita ini di Kuala Lumpur. Di Kuala Lumpur Alam Flora untuk *collection*, tapi di *landfill* dia bagi kepada Berjaya dan KUB betul tak, di Bukit Tagar iaitu *different* syarikat?

■1520

Saya hendak cerita di Kepong. Saya jadi Ketua Bahagian sudah 18 tahun. Sembilan tahun saya dok bau busuk ini hari-hari. Apabila pergi melawat cawangan, orang cawangan kompelin, kompelin begitu. Mereka panggil apa? "Kilang minyak wangi!" Bau busuk tiga, empat batu. Bila lepas hujan sahaja, kilang minyak wangi pun akan mengeluarkan minyaknya dan orang miskin yang tinggal di rumah panjang itu sengsara kerana lalat yang besar-besar ini akan berterbangan. Macam mana hendak makan nasi dalam rumah kalau lalat berterbangan? Inilah menjadi masalah.

Jadi apa yang saya ingin cadangkan di sini kepada Yang Berhormat, yang pertama sekali ialah bagaimanakah kerajaan harus fikir hendak bantu untuk menyelesaikan masalah kewangan supaya syarikat konsesi ini boleh menjalankan perkhidmatan yang berkesan dan tidak banyak kompelin. Kalau kompelin yang kita dengar, asyik kompelin bila bulan cuti hari raya, Alam Flora tidak datang. Hendak telefon Alam Flora, kadang-kadang *toll-free line* dia pun tidak ada orang angkat. Alam Flora pun cuti.

Mahu atau tidak mahu, DBKL yang menyerahkan pengurusan ini kepada Alam Flora, mereka pula kena menyediakan tiga buah lori dan pergi mengangkut di tempat orang kompelin itu. Tiga, empat buah kalau satu tempat, bermaknanya apa yang DBKL buat itu, Alam Flora kena bayar balik servis yang dia buat itu. Potong punya potong, apa yang Alam Flora hendak makan?

Apa yang saya hendak cadang di sini kepada Yang Berhormat, saya tahu sudah sembilan tahun, kenapa kerajaan tidak pergi belajar dengan negara Jepun? Kenapa kerajaan sembilan tahun tidak pergi belajar dengan Taiwan dan Singapura? Singapura sudah ada *incinerator*. Kita tahu orang bantah *incinerator* ini. Mula-mula orang setuju kerana *incinerator* ini *generate electricity*. Boleh dijual balik kepada TNB, tetapi oleh kerana orang politik masuk campur, maka *incinerator* di Broga itu dimansuhkan dan dibatalkan, tetapi sebenarnya kalau kita tidak pergi kepada *incinerator* pun ada satu kaedah lain dan ini yang saya hendak beritahu.

Mungkin Yang Berhormat tahu, tetapi kalaulah macam Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad cerita tadi memang betul. Kalaulah kita fikir betul-betul supaya tidak membebankan kerajaan dan tidak mahu lihat pengurusan sisa pepejal ini tergendala, ada satu kaedah dipanggil pembangunan taman ekologi. Yang pertamanya, sampah-sampah yang dikutip ini dibawa kepada satu tempat, diasingkan atau dikitarkan semula. Kita tidak perlu lagi *landfill*. *Landfill* memerlukan kawasan yang luas, 10 ekar tidak cukup, 20 ekar mungkin, tetapi apa yang hendak saya cadangkan di sini ialah taman ekologi ini adalah satu kawasan yang di mana kadang-kadang saya tengok kitar semula ini, 3R yang disebut, macam Yang Berhormat Dato' Yip bercakap tadi, dalam TV memang tidak berkesan pun.

Kalau kita katakan mungkin sudah berjaya 10%, tetapi hendak tunggu berapa tahun baru orang hendak faham? Yang dok tengok yang lori bawa, ini beg untuk plastik, ini beg untuk sisa-sisa lain, ini botol dan sebagainya, tetapi di rumah kita, di *flat*, ada tak? Kalau di *flat*, katalah kondominium itu, ada disediakan tak? Tidak ada pun. Kita pakai longgok dalam itu, orang Alam Flora datang asing-asingkan. Batu dan kayu dia tidak ambil, dia tinggal sahaja. Apa hendak jadi dengan benda-benda yang lain? Kita hendak panggil atau telefon PBT untuk datang ambil?

Jadi seelok-eloknya kita kena belajar daripada negara Jepun kerana konsep ataupun satu industri kitar semula yang dibuat di Jepun cukup baik dan boleh menjana pendapatan kepada negara. Jikalau kita bagi kepada Alam Flora, Alam Flora boleh sanggup untuk menjalankan projek ini, memang dia tidak ada masalah. Maknanya apa yang saya hendak sebut di sini, sampah yang dikutip di kawasan-kawasan rumah, kediaman ataupun kawasan-kawasan kilang dibawa ke tempat pelupusan. Ia bukan pelupusan sahaja, tetapi tempat untuk dikitarkan semula.

Di situ tidak perlu sepuluh ekar, tidak perlu 20 ekar, hanya perlu lima ekar sahaja. Apa yang dibuat di Jepun ini hanya perlu lima ekar dan di situ ada kilang besi, kilang pasir ada, kilang simen ada dan kilang plastik ada, diasing-asingkan di situ. Kemudian benda yang plastik masuk ke kilang plastik, dikitarkan semula untuk dijadikan barang-barang lain dan dijual semula kepada orang ramai. Ini dibuat di Jepun dan di India pun tengah hendak buat.

Saya percaya kalau kita fikir soal kewangan, memang tidak cukup tetapi kalau kita fikir 10 tahun atau 20 tahun lagi, kita harus fikir kaedah ini kerana saya lihat apa yang saya baca dalam penjelasan ataupun artikel yang diberi ini cukup baik. Di Singapura, *incinerator* orang sudah terima. Di negara kita mungkin tidak terima. Kita buat kaedah ini.

Saya percaya apabila perkara ini dilakukan, projek satu tempat katalah dalam 10 ekar atau lima ekar ini hanya mungkin RM100 juta atau RM200 juta tetapi yang menjanakan pendapatan kerana kita buat *factories* - *factory* 'A', *factory* 'B', *factory* 'C' dan ia akan menghasilkan kewangan. Pihak yang menguruskan pengurusan mengutip sisa pepejal ini tidak ada masalah kerana dia akan mendapat pendapatan daripada industri kitar semula ini. Jadi...

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Yaakob.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya. Yang Berhormat tadi telah menyentuh dari segi keberkesanan proses kitar semula. Kalau dari segi angka, kita lihat kejayaan Kempen Kitar Semula hanya berjaya sekitar 5% sahaja jika dibandingkan dengan negara-negara maju iaitu antara 40% hingga 50%. Daripada apa Yang Berhormat Menteri bentangkan tadi, ada menyentuh sekitar 31 ribu tan sehari sisa pepejal yang perlu ditangani. Kalau sebulan, ertinya hampir 1 juta tan dan kalau setahun 12 juta tan sisa pepejal yang harus ditangani.

Mengikut rekod analisis yang dibuat, hanya 45% sisa pepejal ini terdiri daripada bahan makanan, plastik 24%, kertas 7%, besi 6%, kaca dan lain-lain 3%. Di sini kalau dilihat punca satu tan sebulan, ertinya sekitar 400 tan sisa pepejal hasil makanan yang mana rata-ratanya hasil makanan ini berasal daripada rumah dan dapur. Kalau rumah dan dapur, orang yang menangani dapur adalah terdiri daripada kalangan wanita.

Di sini saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, sejauh mana kempen yang perlu disasarkan kerana *source* yang mengeluarkan sisa pepejal ini kalau dilihat adalah dari dapur dan ditangani oleh suri rumah iaitu 45% sisa pepejal. Apa pandangan Yang Berhormat kalau kempen juga disasarkan kepada suri-suri rumah yang mana 45% daripada sisa pepejal itu adalah bahan makanan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Ya, saya memang menyokong penuhlah saranan Yang Berhormat Datuk Yaakob, tetapi apa yang kita risau masyarakat Malaysia ini, masyarakat kitalah, kita buat kempen macam mana pun, satu sahaja yang masuk, yang sembilan lagi memang tidak masuk dalam kepala. Walaupun kita bagi cadangan seperti kempen ini, kita bagi tong yang boleh asing-asing macam dalam TV, kalau macam Datuk Yaakob cakap suri rumah yang menjaga dapur itu, kalau kita kempen kepada suri rumah ini pun, ada suri rumah yang hebat dan pandai, tetapi ada yang mentalitinya *very low*.

Jadi kempen ini tidak mungkin berkesan tetapi tidak tahulah, saya ingat Yang Berhormat Menteri boleh jawablah. Saya hendak habiskan penjelasan saya ini mengenai taman ekologi ini.

Kalau boleh kita belajarlah dari negara Jepun, Taiwan, Singapura dan India, bagaimana mereka menjana pendapatan daripada kitar semula ini.

▪ 1530

Tidak perlu buat *landfill* lagi. *Landfill* kita buat di Bukit Tagar masalah lain pula berlaku. *Landfill* kita buat di sebelah Kuala Selangor masalah macam-macam berlaku. di kawasan bandar lagi *problem* berlaku. Tiga masalah di Sungai Besi, di Kepong kemudian satu lagi di Shah Alam semuanya kompelin daripada rakyat. Jadi untuk mengelak daripada ini lebih baiklah kita fikir satu teknologi yang lebih mudah, kitar semula tak payah kita hendak kempen dalam TV, kitar semula ini. Syarikat ini ambil semua daripada tepi jalan, tepi rumah ambil ini pergi satu tempat yang saya sebut tadi, buat sendiri. Tak perlu lagi kita hendak kempen besar-besaran merugikan sahaja. Saya ingat dah sembilan tahun kita kempen ini apa hasilnya. Yang Berhormat boleh jawab apa hasilnya.

Mungkin tadi Datuk Yaakob cakap tapi 5% tapi sebenarnya dari angka yang saya dapat ini 1.5% sahaja. Jadi saya sekali lagilah ucap tahniah dan terima kasih atas kehadiran Yang Berhormat Menteri dan saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Puan Hajah Wan Hazani.
3.31 ptg.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang Pengurusan Sistem Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Tujuan penggubalan undang-undang ini, nombor satu mewujudkan peruntukan undang-undang bagi mengawal selia pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam dengan memberikan kuasa eksekutif kepada persekutuan dengan memastikan keseragaman undang-undang dan dasar untuk membuat undang-undang bagi mengawal dan mengawal seliaan dan perkara-perkara berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal terkawal di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu berkaitan bahagian satu tafsiran iaitu mengenai kemudahan pengurusan sisa pepejal ertinya mana-mana tanah, loji tetap atau bergerak dan sistem yang menggabungkan sektor kelengkapan. Mohon penjelasan mengenai makna perkataan mana-mana tanah. Adakah merujuk kepada maksud apa-apa jenis tanah. Tanah gambut, tanah berpasir atau mana-mana tempat. Ini kerana pada pandangan saya perkataan mana-mana tanah sebagai kemudahan pengurusan sisa pepejal akan memberi impak yang kurang elok kepada pemikiran orang-orang awam dan juga boleh memberi ruang kepada pihak yang tidak bertanggungjawab di dalam pengurusan buangan sisa pepejal untuk membuang sisa-sisa pepejal mereka sesuka hati.

Justeru itu saya mencadangkan agar perkataan mana-mana tanah ini diteliti semula atau mungkin boleh ditukar kepada perkataan mana-mana lokasi yang telah diluluskan. Tafsiran mengenai isu pepejal khas yang di bawah rang undang-undang ini adalah merujuk kepada sisa berbahaya atau boleh membahayakan kesihatan awam atau sisa yang sukar diolah, disimpan atau dilupuskan. Persoalan di sini adakah sisa khas ini juga boleh dirujuk sebagai buangan terjadual. Ini kerana dari

segi makna sisa buangan khas ini adalah sama erti dengan tafsiran buangan terjadual iaitu buangan yang boleh membahayakan kepada alam sekitar dan manusia. Oleh yang demikian juga pihak manakah yang akan menguruskan buangan khas ini, adakah di bawah tanggungjawab Jabatan Alam Sekitar atau tertakluk kepada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian tiga, kelulusan bagi pembinaan penggubahan atau penutupan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan. Satu seksyen 8(2b) iaitu mengenai tiada seseorang pun boleh mengusahakan apa-apa pengubahan mana-mana kemudahan pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan oleh pendatang yang mendatangkan kesan buruk terhadap alam sekitar. Persoalan di sini apakah garis panduan yang akan diguna pakai kepada pemohon kemudahan pengurusan sisa pepejal bagi memastikan alam sekitar tidak akan dicemari atau tercemar. Adakah elemen penilaian impak alam sekitar atau EIA, akan diguna pakai atau dijadikan satu kemestian di dalam memberi kelulusan sesuatu pusat kemudahan pengurusan sisa pepejal.

Dalam seksyen 10(3) iaitu mengenai keputusan ketua-pengarah untuk memberikan atau tidak memberikan kelulusan hendaklah disampaikan kepada orang tersebut secepat yang dapat dilaksanakan. Bagi memberi keadilan kepada pengusaha pusat kemudahan pengurusan sisa pepejal dan juga mengelakkan adanya ruang yang membenarkan berlaku unsur-unsur rasuah dalam usaha memberi kelulusan ini, saya ingin mencadangkan supaya maksud secepat yang dapat dilaksanakan ditetapkan dengan tempoh yang tetap seperti di dalam masa dua minggu atau selewat-lewatnya satu bulan atau lain-lain tempoh yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 11 iaitu mengenai kajian semula kelulusan. Pohon penjelasan mengenai maksud kajian semula kelulusan adakah ia memberi makna proses operasi sementara atau proses percubaan atau proses pra kelulusan ataupun proses imonitori atau perbadanan dan apakah justifikasi seksyen ini diadakan. Ini kerana secara mudah ia menggambarkan seolah-olah perbadanan boleh memberi kelulusan pengurusan buangan sisa pepejal dengan mudah dan masih boleh memberi ruang kepada pihak pengurusan melakukan perkara-perkara ini secara tidak serius.

Saya juga ingin mencadangkan perkataan dari semasa ke semasa perbadanan boleh mengkaji semula kelulusan di seksyen 11(1) diganti kepada satu tempoh masa yang tetap seperti selepas tempoh enam bulan atau setahun beroperasi atau sebagainya dan dilakukan secara berkala supaya tidaklah setelah melakukannya permasalahan seperti pencemaran sumber air atau pencemaran sungai barulah dikaji semula kelulusan dilakukan. Bagi tujuan pemantauan kesan kepada alam sekitar pula saya mencadangkan agar pihak pengurusan sisa pepejal diwajibkan menyedia dan menyerahkan kepada perbadanan satu laporan bulanan atau tiga bulan sekali mengenai status pematuhan standard alam sekitar yang berkaitan.

Saya juga ingin memohon penjelasan apakah tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan sekiranya 'pendeperasian' pihak pengurusan tidak menepati apa-apa kehendak mengenai kesan alam sekitar, kualiti dan tahap perkhidmatan atau kesihatan awam ini kerana jika diteliti di seluruh seksyen 11 ketua pengarah dengan syor perbadanan boleh memutuskan sama ada, ada atau tidak

untuk mengehendaki kesemua pemunya pengurusan sisa pepejal supaya membuat permohonan baru. Adakah ini memberi maksud bahawa kelulusan itu terbatal atau pengoperasian pusat pelupusan sisa pepejal ini boleh dihentikan serta-merta.

■1540

Apakah tindakan undang-undang yang boleh dikenakan kepada penemunya pengurusan kewangan sisa pepejal ini sekiranya terbukti bahawa telah berlakunya pencemaran alam sekitar yang telah memudaratkan orang awam selain daripada menutup pusat pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V, dan caj. Minta menteri menjelaskan apakah kadar fi, caj atau levi akan dikenakan dan bilakah akan dilaksanakan. Apakah formula yang diguna pakai untuk pengiraan caj yang akan digunakan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Dato' Gooi Hoe Hin.

3.51 ptg.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih sekali lagi kerana diberi peluang untuk menyertai dalam perbahasan Rang undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pemeriksaan Awam 2007, yang sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri di Dewan yang mulia ini. Ini dengan sendirinya mencerminkan betapa pentingnya rang undang-undang ini yang mana pada masa 10 tahun yang lalu, sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam boleh dikatakan dalam keadaan serba tidak menentu atau dengan izin, *in the twilight zone*. Harapnya dengan rang undang-undang ini terowong yang gelap itu akan terang. Saya tidak berhajat untuk menggariskan setiap segi terhadap rang undang-undang ini, memadai secara dasar.

Jadi apabila rang undang-undang ini diluluskan kelak, bagi saya ianya merupakan; saya harap, saya percaya dan saya yakin suatu permulaan titik perkembangan yang lebih baik dan sempurna dalam sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan. Di samping itu, nampaknya rang undang-undang ini sebenarnya akan memberi kuasa asas bagi kerajaan persekutuan dari segi undang-undang untuk mengambil alih sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Sering kali kita dengar, bukan sahaja dengar, saya percaya Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini juga pernah lihat sendiri sampah sarap yang dibuang di merata-rata tanpa suatu keputusan yang boleh dikatakan baik dan sempurna. Kadang-kadang cukup menjijikkan mata memandang.

Namun, apabila rang undang-undang ini menjadi akta, bermakna Kerajaan Persekutuan akan mengambil alih tanggungjawab dan tugas kebersihan ini. Saya beranggapan ianya akan menimbulkan suatu kesan atau impak yang agak besar. Seperti mana Yang Berhormat Menteri dalam huraianya sebentar tadi, kesungguhan Kerajaan Persekutuan dalam usaha mengambil alih

sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam berkisar antara lain faktor-faktor seperti berikut. Perlu ada suatu sistem bersepadu.

Tempoh penswastan interim yang tidak menentu yang mengakibatkan kurang pelaburan untuk tindakan meningkatkan pelaburan kemudahan infrastruktur dan prasarana. Saya berkesempatan untuk mendengar dengan cukup teliti huraian bernas Yang Berhormat Menteri, khususnya tentang kebaikan apabila kerajaan persekutuan akan mengambil alih tugas dan tanggungjawab sedemikian. Namun beberapa persoalan terlintas dalam fikiran dan otak saya seperti berikut. Apakah jadi kepada pihak berkuasa tempatan sama ada mereka masih mempunyai peranan seperti penguatkuasaan atau pemantauan atau pengawalan.

Kedua, sama ada...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Gooi Hoe Hin: Biar saya habiskan, satu *point* sahaja.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Okey, okey.

Dato' Gooi Hoe Hin:Sama ada pekerja-pekerja di pihak berkuasa tempatan, jabatannya yang menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab sedemikian dipupuskan, disarankan atau diambil oleh konsesi atau perbadanan yang akan diwujudkan kelak....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: [*Bangun*]

Dato' Gooi Hoe Hin: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat tentang sisa pepejal ini. Kita lihat sekarang ini apabila suatu diambil alih oleh Kerajaan Pusat apabila diswastakan memberi banyak masalah. Jadi kita berharaplah apabila Kerajaan Pusat mengambil alih sisa pepejal ini, apabila diswastakan, perjanjian yang hendak ditandatangani itu biarlah berpihak kepada kerajaan.

Kita lihat hari ini banyak perjanjian yang ditandatangani oleh kerajaan dengan pihak swasta merugikan kerajaan. Apabila tindakan pihak swasta hendak ambil, mereka boleh lakukan sewenang-wenangnya. Menaikkan harga, menaikkan yuran sewenang-wenangnya. Jadi kita berharap apabila Kerajaan Pusat mengambil alih dan diswastakan sisa pepejal ini biarlah usaha-usaha ini dijalankan dengan lancar dan perkhidmatan ini lebih baik lagi daripada yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan dahulu.

Kedua, kita hendak menteri sendiri bertanggungjawab di atas setiap kementerian. Kita lihat, Tuan Yang di-Pertua saya hendak bagi satu, dua misalan. Hari ini panas tentang pasukan bola sepak kita yang kalah teruk dan memalukan negara. Menteri sendiri yang bertanggungjawab iaitu Menteri Belia dan Sukan menuding jari kepada pihak lain, pada FAM. FAM yang bertanggungjawab, FAM yang patut letak jawatan, orang itu letak jawatan. Padahal menteri sendiri kelemahan dia, kementerian dia, dia tidak mahu memperbetulkan.

Jadi saya berharaplah, biarlah setiap menteri itu kalau ada masalah, bertanggungjawab. Jangan bila pasukan sukan kita menang, menteri kata ini saya yang buat. Bila kelemahan jadi,

masalah ini bukan kerja saya. Saya minta ini Tuan Yang di-Pertua, menteri yang ini akan bertanggungjawab di atas apa yang berlaku, apa pandangan Yang Berhormat.

Dato' Gooi Hoe Hin: Saya ingat seeloknya soalan ini ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri yang ada di sini untuk jawab. Namun saya setuju bahawa walaupun penswastaan itu menjadi satu langkah kerajaan untuk menambahbaikkan khidmat kerajaan yang tidak dapat ditanggung oleh jabatan-jabatan, pada pendapat saya, harap penswastaan itu, *privatization* itu seolah-olah tidak jadi *piratization*, jawapan saya.

Ketiga, kebanyakan PBT di negara melibatkan kehilangan antara 25% hingga 40% bajetnya, mereka secara langsung atau tidak langsung dan juga ratusan pekerja.

Keempat, peranan PBT dalam pengurusan globalisasi akan dihakis dengan usaha. Adakah jaminan supaya dengan pengambilan alih tugas, tanggungjawab oleh Kerajaan Persekutuan ianya akan menjalankan tugas ini dengan baik dan memuaskan lagi. Persoalan-persoalan yang terlintas dalam fikiran saya ini bukannya berniat untuk menyoal semata-mata suka menyoal, tetapi bagi pandangan saya, ini merupakan beberapa soal pokok, soal asas agar Kerajaan Persekutuan saya yakin semua perkara ini telah pun diambil kira semasa menggubal rang undang-undang ini, tambahan pula Perbadanan Pembangunan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 ditubuhkan kelak, saya harap pegawai-pegawai yang akan dilantik bukan sahaja fasih dengan undang-undang sisa pepejal dan pembersihan awam tetapi yang penting juga harus mempunyai pengetahuan serta kepakaran dalam hal ini dan ditokok tambah lagi supaya memahami perangai aneh rakyat di Malaysia dalam hal kebersihan awam.

■ 1550

Kita tidak harus timbulnya perkara Broga *incinerator* yang mana kerajaan perlu bayar balik kerana pembatalan projek. Tanggungan berapa, saya tidak tahu. Kemungkinan RM350 juta atau RM400 juta, saya tidak tahu. Teknologi mesti betul, diuji lagi harganya perlu berpatutan. Oleh itu pegawai kita harus berpengetahuan serta penuh dengan kepakaran agar orang-orang tertentu tidak dapat kelentong.

Macam-macam orang ada, tetapi kalau kita mahir, susah orang hendak tipu kita dan hak kerajaan dilindungi. Kadang kala saya kurang faham kerana segelintir rakyat Malaysia bantah sana, bantah sini *incinerator* telah diuji. Kalau saya tidak silap di Singapura, ada empat *incinerator*. Di Jepun saya ingat lebih daripada seratus mungkin.

Kalau *incinerator* itu mengeluarkan *dioxin*, bermakna semua orang rakyat Jepun sudah mati seterusnya orang Singapura jiran kita yang kita cintai, semua pun sudah mati tetapi hairannya, mengapa kita mesti ada *political will*? *Political will* bahawa lambat laun saya setuju dengan Yang Berhormat Dato' Ridzuan, *landfill* itu tidak akan jadi satu sistem berkekalan atau mapan. Bagi pendapat saya, *incinerator* suka atau tidak suka, akan datang.

Saya juga dapati dan difahamkan bahawa lebih kurang RM1 bilion akan bagi maksud perbadanan ini dengan lebih kurang 2,000 pekerja. Namun Yang Berhormat Menteri tadi sebut tiga

konsesi telah atau akan dilantik iaitu Alam Flora untuk Wilayah Tengah, *Southern Waste*, Wilayah Selatan dan E-Idaman untuk Wilayah Utara. Ini bermakna, pelantikan pun sudah jadi. Apa sudah jadi telah pun jadi. Tidak apa, tetapi saya hanya ingin mengemukakan beberapa pertanyaan iaitu, apakah mekanisme untuk menetapkan bayaran? Siapakah yang akan menentukan supaya rakyat tidak akan dibebani dengan tiba-tiba suatu bayaran yang begitu besar. Saya pernah baca prinsip Yang Berhormat Menteri bahawa bayar apabila buang sampah, betul prinsip itu kita boleh pegang tetapi jika prinsip bayar apabila buang sampah memihak kepada konsesi seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Musa, nanti rakyat akan menderita.

Saya harap Yang Berhormat Menteri akan memberi jaminan di Dewan yang mulia ini supaya rakyat itu lebih penting daripada pihak swasta dan saya yakin Yang Berhormat Menteri prihatin terhadap rakyat akan membuat suatu keputusan yang memuaskan.

Yang kedua, jika konsesi itu tidak menjalankan tanggungjawab yang baik, kerajaan boleh gantung atau membatalkannya mengikut seksyen 23, tetapi apabila digantung atau batal, tempoh masa itu siapa yang akan menjalankan tugas mengutip sampah. Itu yang menjadi suatu perkara yang penting juga.

Yang ketiga, kini PBT masukkan kos sisa pepejal dalam kadar taksiran tahunan seperti Yang Berhormat Dato' Ridzuan katakan dan apakah formula yang akan digunakan kelak.

Yang keempat, bilakah sistem bayaran baru ini akan dilaksanakan. Saya cadangkan supaya biasanya apabila kita melakukan sesuatu yang baik, kelemahan kerajaan biasanya tidak memberi keterangan dan penjelasan yang seluas-luasnya. Apa yang baik itu nanti diterima dan dimainkan oleh pihak-pihak tertentu dan rakyat tidak memahami dengan mendalam dan apa yang baik menjadi tidak baik.

Itu seharusnya mulai sekarang apabila rang undang-undang itu diluluskan kelak perlu memberi penjelasan dengan seluas-luasnya kepada semua pihak PBT agar sistem baru dijalankan dengan baik dan sempurna.

Akhir sekali saya ingin menegaskan bahawa apa jua kerajaan murni untuk memperkenalkan sesuatu sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan jika rakyat Malaysia hendak dididik tentang betapa pentingnya alam sekitar dan sekelilingnya yang bersih ataupun tanggungjawab siviknya amat kurang maka usaha-usaha kerajaan akan terbantut sahaja.

Oleh yang demikian, kita harus bersama-sama bertekad bekerjasama untuk menjayakan usaha murni kerajaan di bawah kepimpinan Yang Berhormat menteri sendiri, alam sekitar bersih, hidup sihat *walafiat*.

Dengan kata-kata sedemikian, saya pohon untuk menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Ir. Hiang A Li.

3.57 ptg.

Ir. Hiang A Li: Terima kasih saya mengucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Kebersihan Awam 2007 pada petang ini dan juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Sri Menteri kerana ambil berat atas perkara ini dan membentangkan rang undang-undang ini sendiri di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan akta ini adalah suatu akta yang baru dan saya ingin menyentuh beberapa isu dan cadangan-cadangan seperti berikut sebelum saya memohon menyokong.

Pertama dalam rang undang-undang ini, PBT akan dilepaskan tanggungjawab dan tugas dalam pengurusan sisa pepejal di tempatan dan kawasan PBT yang berkenaan. Soalan saya ialah PBT itu apakah peranan PBT masih boleh dimainkan dalam pengurusan sisa pepejal ini. Saya nampak tidak disebutkan dengan jelas dalam rang undang-undang ini. Saya sendiri percaya pihak PBT masih boleh memainkan peranan yang baik yang berkesan dalam hal ini.

Yang kedua, dalam tafsiran fasal dua iaitu sisa pepejal khas telah disebutkan dengan ertinya apa-apa jenis sisa pepejal terkawal yang ditetapkan. Di sini saya ingin minta penjelasan dari kementerian bahawa adakah sisa pepejal khas ini sama dengan *schedule waste* dengan izin, atau sisa pepejal berjadual yang dimaksudkan oleh Jabatan Alam Sekitar, saya percaya, ini perlu dijelaskan dengan tepat sebelum kita dapat menguruskan dalam akta ini.

■1600

Perkara yang ketiga dalam fasal 14, kehendak bagi permohonan lesen telah tidak merangkumi sisa pepejal khas yang disebutkan tadi dalam Tafsiran 2. Saya ingin tahu siapa akan bertanggungjawab ke atas sisa pepejal khas yang disebutkan tadi itu. Nampaknya sisa pepejal khas dan berjadual itu memang satu masalah yang besar kepada alam sekitar kita.

Yang keempat, dalam kajian semula kelulusan pula di fasal 11 (1) dan (2), Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal atas syor bertulis daripada perbadanan boleh mengkaji semula kelulusan atas alasan kemudahan pengurusan sisa pepejal yang diluluskan, tidak menepati kehendak-kehendak mengenai kesan alam sekitar, kualiti dan tahap perkhidmatan pengurusan sisa pepejal atau kesihatan awam tetapi dalam akta ini telah tidak menyebutkan dengan jelasnya, apakah piawai atau standard mengenai kehendak-kehendak yang disebutkan tadi.

Saya percaya standard-standard atau piawai-piawai ini adalah penting kerana ia akan menjadi satu rujukan kepada perbandaran dan juga ketua pengarah dalam mengkaji semula kelulusan. Ini, saya khuatir akan menimbulkan kekeliruan dan juga *grey area*, dengan izin, apabila perbandaran dan jabatan pengurusan itu mengesyorkan atau mengkaji semula kelulusan demikian dan kemungkinan akan menyebabkan penyalahgunaan kuasa dalam hal ini. Saya harap sebelum berkuat kuasa akta ini, senarai piawai atau standard yang jelas bagi kehendak-kehendak yang

disebutkan ini dapat ditetapkan untuk dirujukkan apabila mengambil tindakan mengkaji semula kelulusan yang disyorkan oleh perbandaran.

Kelima, akta ini tidak mempunyai peruntukan berkenaan dengan tanggungjawab atas kerosakan kemudahan-kemudahan awam yang telah diakibatkan oleh pemborong atau konsesi pengurusan sisa pepejal. Saya ingin mencadangkan supaya pemborong atau konsesi itu haruslah bertanggungjawab di atas kerosakan ini dan juga perlu menyebut tempoh untuk membaikinya apabila menghadapi kerosakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa akta ini adalah satu pengubahan dasar besar yang baik dan tepat pada masanya. Oleh itu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian kerana dapat membentangkan akta ini dengan tujuan meningkatkan keberkesanan pengurusan sisa pepejal di negara kita.

Dengan perkataan sedemikian, saya ingin mohon menyokong rang undang-undang pada petang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Terdapat tiga Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersenarai yang bangun tetapi masih belum dapat peluang berucap. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, yang kami di Dewan Negara merasa bangga kerana Yang Berhormat sendiri datang untuk memandu rang undang-undang ini. Adakah Yang Berhormat ingin supaya perkara ini diselesaikan pada petang ini?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Esok ada mesyuarat Jemaah Menteri, kalau dapat saya selesaikan hari lebih elok, supaya saya dapat menjawab sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, Yang Berhormat telah dapat mendengar pernyataan Yang Berhormat Menteri tadi, pertimbanglah supaya memberi peluang kepada beliau, satu jangka masa yang cukup untuk beliau menjawab semua isu kerana sudah tentu esok beliau tidak akan dapat hadir dan kita cuba selesaikan masalah yang dibangkitkan pada hari ini.

Dengan itu saya menjemput Tuan Munusamy.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya dengan beberapa saranan. Saya akan mengambil kira perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian khususnya Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang membentangkan satu rang undang-undang yang sangat mustahak ini. Saya rasa masa sudah sampai bagi menyemak semula sistem pengurusan sampah sarap yang menjadi masalah besar dalam negara kita.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa dengan adanya rang undang-undang ini kualiti pengurusan dari segi pembuangan, pengasingan, kutipan, pengangkutan dan akhir sekali pelupusan akan meningkat khususnya dengan satu sistem yang seragam di seluruh negara.

Memang benar, kebanyakan PBT terutama PBT-PBT kecil tidak mempunyai kapasiti bagi menguruskan sisa pepejal yang sistematik dan teratur. Saya yakin apabila Kerajaan Pusat melalui

Perbadanan mengambil alih tanggungjawab ini beban PBT akan dikurangkan khususnya dalam meringankan pembiayaan kos dan kepakaran.

Saya cuma hendak membangkitkan satu, dua perkara dan nampaknya saya kena pakai 3R jugalah iaitu *reduce*. *Reuse* dan *recycle* tidak boleh pakailah, jadi saya pakai *reduce*.

Berkenaan dengan fungsi PBT, nampaknya fungsi PBT sangat berkurangan. Cuma satu perkara yang saya ingin bangkitkan di sini berhubung dengan aduan daripada rakyat. Saya khuatir apabila pelantikan syarikat konsesi dibuat dan dipantau oleh pihak Kerajaan Pusat, pihak PBT akan lepas tangan berkenaan dengan aduan. Mungkin kita boleh dengar daripada pihak PBT apabila ada aduan daripada rakyat mereka akan kata, ini adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat ataupun syarikat konsesi. Kita perlu mengadakan satu mekanisme bagi mengambil kira aduan-aduan dan menyelesaikan segala aduan daripada pihak penduduk yang juga pembayar cukai.

Berkenaan dengan *landfill* dan *dumping site*, apakah mekanisme yang dipakai untuk menguruskan sisa pepejal yang terletak di luar kemudahan pengurusan sisa pepejal seperti *industrial waste* dan *waste* pembinaan. Satu lagi ialah pesalah *illegal dumping* biasanya sukar disabitkan dengan kesalahan kerana *illegal dumping* bersifat sementara ataupun *ad hoc basis*. Walaupun seseorang mungkin disabitkan dengan kesalahan tetapi dari segi pelaksanaan siapakah yang akan menguruskan sisa pepejal di luar kemudahan pengurusan sisa pepejal. Perlu ditetapkan satu mekanisme supaya penduduk yang tinggal berdekatan tidak menjadi mangsa perbuatan yang tidak bertanggungjawab seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan tadi.

Satu lagi perkara adalah berkaitan dengan penggunaan beg-beg plastik. Tadi kita dengar bahawa pihak *concessionary* akan bertanggungjawab untuk memberi kesedaran kepada pihak penduduk berkenaan dengan penggunaan beg-beg plastik supaya mereka boleh mengurangkan penggunaan beg-beg plastik. Apakah *role* PBT dalam hal ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya mohon mengganggu sebentar. Saya telah mengikut perbahasan dan mendapati hujah-hujah yang diketengahkan boleh dipakai, apabila sebagai susulan kita akan membahaskan Rang Undang-Undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 nanti selepas ini. Semua hujah-hujah yang Yang Berhormat ketengahkan boleh dan relevan dan tepat dipakai apabila rang undang-undang yang berikut akan dibentangkan kerana Yang Berhormat telah memberi fokus kepada perkara-perkara khusus di bawah rang undang-undang ini. Yang tidak boleh dibahaskan mungkin ialah perkara-perkara perundangan; kuasa-kuasa Persekutuan, kuasa-kuasa negeri dan sebagainya.

■1610

Jadi saya tidak akan memberi yang lain untuk berucap selepas Tuan M. Munusamy, Tuan Tay Puay Chuan dan Puan Heng Seai Kie, saya akan menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab dan menggulung. Sesiapa yang tidak berpeluang untuk bercakap, boleh teruskan apa yang ditulis sekarang itu, apabila kita bahas dalam mana-mana rang undang-undang yang berikutnya. Terima kasih, sila teruskan Tuan M. Munusamy.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma satu perkara lagi sahaja berkenaan dengan hutang yang dihutang kepada PBT terhadap syarikat *concessionaire*. Adakah pihak pusat akan menanggung hutang ini? Ini sahajalah satu, dua perkara yang saya ingin bangkitkan di sini. Dengan ini, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Tay Puay Chuan.

4.11 ptg.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Syabas saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah membentangkan satu rang undang-undang yang begitu komprehensif, terutama sekali dalam menyelesaikan masalah pengurusan sisa pepejal. Terutama sekali ke atas bahan-bahan kimia yang membahayakan nyawa manusia dan juga mengelakkan alam sekitar kita terus dicemari dan juga mengelakkan pencemaran sungai seterusnya.

Banyak telah diperkatakan oleh sahabat-sahabat saya sebentar tadi. Cuma izinkan saya menokok tambah sedikit masalah di hadapan kita ini. Mengikut seksyen 4, Kerajaan Persekutuan berhak untuk memeterai apa-apa perjanjian dengan mana-mana pihak dalam bab pengurusan sisa pepejal ini. Jadi, saya merayu kepada kementerian supaya sesuatu perjanjian yang bakal ditandatangani haruslah berpihak kepada kerajaan, yang pertama.

Yang kedua, pihak-pihak yang bakal menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Persekutuan dalam menyediakan kemudahan dan juga pengurusan sisa pepejal, hendaklah pihak-pihak yang berkewibawaan untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang dan memuaskan kerana pada masa kini, rata-rata keluhan dan rungutan pengguna-pengguna ataupun penduduk terutama sekali isi rumah ialah tidak puas hati dengan prestasi, dan juga mutu perkhidmatan yang disediakan oleh PBT mengenai pengurusan sisa pepejal dan sekiranya perkara ini berlarutan, maka imej PBT dan juga imej kerajaan akan terjejas Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, izinkan saya menyentuh tentang seksyen 30 yang mengatakan, bahawa menteri berhak untuk mengenakan apa-apa caj fi ataupun levi ke atas perkhidmatan pengurusan sisa pepejal terkawal. Mujurlah kita mendapat jaminan daripada Yang Berhormat Menteri yang mengatakan, bahawa kerajaan dalam masa dua tahun, tidak akan memindahkan bebanan tersebut kepada pengguna dan PBT dan juga perbadanan akan disalurkan dengan peruntukan yang secukupnya ke dalam hal pengurusan sisa pepejal dalam dua tahun yang akan datang ini.

Kita faham bahawa Yang Berhormat Menteri memang prihatin ke atas masalah fi yang bakal dikenakan. Sekiranya Yang Berhormat Menteri dinaikkan pangkat ataupun ditukarkan ke jabatan atau kementerian yang lebih kanan, maka kita harap Yang Berhormat Menteri yang bakal mengambil alih tempat Yang Berhormat Menteri Dato' Seri Ong Ka Ting, dapat juga seperti beliau, prihatin dengan caj ataupun fi yang bakal dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua: ...Tetapi Yang Berhormat, apabila diluluskan rang undang-undang ini, kementerian tersebut menjadi cukup kanan secara automatik. Maka, soal perpindahan kekananan,

kalau dipindah, mungkin sudah tak jadi kanan. Sebab kuasa-kuasa yang diberi di bawah rang undang-undang ini membuatkan Kementerian tersebut cukup kanan. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Tay Puay Chuan: Saya rasa saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua kerana lebih arif dalam bidang kekananan ini. Jadi, izinkan saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat perlu saya kah?

Tuan Tay Puay Chuan: Kerana kalau kita lihat secara teliti semangat undang-undang ini dan juga peruntukannya, tidak semata-mata PBT akan ditugaskan untuk pengurusan sisa pepejal. Malah mana-mana pihak boleh diberikan lesen untuk menyediakan, membina kemudahan dan juga menyediakan atau menguruskan sisa pepejal. Jadi, sekiranya tanggungjawab ini diberikan kepada pihak yang lain, maka menteri terpaksa menentukan caj ataupun fi yang bakal dikenakan. Jadi, dalam *chapter* ini saya berharap, merayu kepada menteri supaya caj ataupun bayaran yang dikenakan hendaklah:-

- (i) munasabah;
- (ii) untuk kenaikan fi tersebut dari setahun ke setahun ataupun tidak secara automatik, hendaklah berdasarkan peningkatan kos pengendalian dan juga berdasarkan prestasi mutu perkhidmatan yang telah diberikan, dan kita tidak seharusnya meng *contract out* dengan izin, hal kenaikan bayaran tersebut seperti yang berlaku ke atas kontrak dengan operator-operator lebuhraya.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi kah Yang Berhormat hendak berhujah?

Tuan Tay Puay Chuan: Ya, panjang.

- (iii) berkenaan dengan, adakah kemungkinan Yang Berhormat Menteri mengecualikan bayaran ke atas warga yang miskin terutama sekali ibu tunggal, di mana memang dipelopori oleh Yang Berhormat Menteri sekarang untuk membasmi kemiskinan bandar, terutamanya. Jadi kalau boleh golongan tersebut dapat dikecualikan untuk membayar apa-apa fi ke atas pengurusan sisa pepejal kelak.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar? Saya mohon maaf. Saya bercadang untuk beri Yang Berhormat Menteri sekurang-kurangnya satu jam dan oleh sebab Yang Berhormat telah berucap beberapa jam, jadi Yang Berhormat Menteri perlukan sekurang-kurangnya satu jam untuk menjawab dan menggulung. Saya diberi kuasa untuk tambah lagi 15 minit.

Jadi, kalau Yang Berhormat dapat habiskan dalam dua, tiga minit lagi, saya boleh beri 10 minit kepada pembahas yang berikut. Namun, selepas rang undang-undang ini kita akan membahaskan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan perbadanan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dengan kuasa untuk mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam

dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, maka cambahlah segala hujah yang relevan kepada rang undang-undang yang berikut.

Yang perlu dibahaskan sekarang ialah soal kuasa. Mungkin itu kurang relevan kepada rang undang-undang yang berikut. Kalau menyentuh sisa pepejal sama ada bahas di bawah rang undang-undang ini, atau bahas di bawah rang undang-undang yang berikutnya, tepat. Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi izinkan saya teruskan kepada saranan Tuan Yang di-Pertua menyentuh perkara yang terakhir, iaitu seksyen 84 mengenai kuasa pegawai yang diberi kuasa untuk memberhentikan dan juga menyita sesebuah kenderaan.

■1620

Jadi ini adalah satu kuasa yang begitu besar diberikan kepada pegawai di mana kalau kita teliti peruntukan rang undang-undang ini, seseorang ataupun saya memberi satu senario sebagai satu contoh. Sekiranya sesebuah kilang mereka menghasilkan sisa pepejal bagi industri kayu-kayan dalam bentuk habuk kayu ataupun serpihan kayu. Maka jika mereka menggunakan sebuah lori untuk memindahkan habuk ataupun serpihan kayu tersebut, dari segi teknikalnya mengikut peruntukan undang-undang ini, mereka harus memberi ataupun mendapat kelulusan daripada kementerian ataupun ketua pengarah.

Jadi dalam keadaan demikian saya rasa pegawai yang bertanggungjawab haruslah menggunakan budi bicaranya untuk sama ada menahan ataupun menyita kenderaan tersebut kerana saya rasa adalah tidak praktikal sekiranya dalam keadaan demikian mereka diambil tindakan yang tegas. Cuma sekiranya terpaksa tindakan diambil maka saya pohon dan rayu kepada Yang Berhormat Menteri menggunakan kuasa yang diberikan kepada Yang Berhormat Menteri di bawah seksyen 15 dan juga seksyen 104 untuk memberikan pengecualian ke atas perkara-perkara ataupun keadaan-keadaan yang saya sebutkan tadi. Dengan itu saya pohon turut menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, di atas kerjasama Yang Berhormat. Berikutnya saya jemput Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie, 10 minit.

4.22 ptg.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Pertama sekali ingin saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana cukup prihatin dan bersikap proaktif dengan mengambil inisiatif untuk menggubal rang undang-undang yang bertujuan untuk memastikan keberkesanan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator-senator yang lain tadi, berikut ialah isu dan cadangan yang ingin saya ketengahkan untuk pertimbangan kementerian iaitu berhubung dengan kawalan kemudahan pengurusan sisa pepejal

seperti yang diperuntukkan dalam fasal 8(9), fasal 14(1), (2), (3) dan fasal 108. Persoalannya ialah apakah langkah yang akan diambil kerajaan supaya harga *biodegradable produced*, dengan izin, akan dapat dikurangkan dan inisiatif kepada orang ramai untuk menggalakkan pengasingan dari awal supaya ia dapat dijalankan dengan berkesan. Sebagai cadangan, semua pangsapuri dan kawasan perumahan setempat seperti *townhouse* dengan izin, harus menyediakan pusat pengitaran semula dengan mengambil kira nisbah penduduk kepada satu pusat pengitaran semula.

Selain itu, saya cadangkan juga supaya kerajaan mewajibkan semua projek pangsapuri ataupun kawasan perumahan baru supaya menyediakan sistem saluran pembuangan sisa pepejal mengikut kategorinya semasa bangunan atau projek itu dibina. Selain itu, saya juga bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Senator Yip bahawa satu strategi kempen kitar semula dan pelupusan sisa pepejal yang lebih komprehensif dan agresif perlu dilancarkan untuk memastikan keberkesanan pengurusan sisa pepejal setelah rang undang-undang ini diluluskan dan dikuatkuasakan. Ini kerana kita sedia maklum bahawa masalah pokok di dalam pengurusan sisa pepejal adalah disebabkan oleh tabiat masyarakat yang tidak bertanggungjawab terhadap kesejahteraan alam sekitar.

Maka dengan itu saya mencadangkan bahawa selain daripada memfokuskan kepada sistem pengurusan sisa pepejal, kita juga perlu memfokuskan kepada orang yang membuang sisa pepejal itu. Oleh itu, saya cadangkan di sini antara usaha-usaha yang boleh dijalankan ialah yang pertama; melancarkan program komuniti sama ada melalui JKK ataupun pertubuhan setempat untuk mendidik masyarakat awam khususnya kaum suri rumah tangga tentang kategori sisa pepejal itu sendiri, cara pelupusan sisa pepejal yang berasaskan konsep kitar semula 3R dan sebagainya.

Selain itu, yang kedua ialah menggalakkan industri bagi menyediakan beg plastik buangan sisa pepejal yang berwarna-warni selain daripada warna hitam yang kini kita gunakan dan dikhaskanlah setiap warna untuk kategori sisa pepejal tertentu, contohnya warna merah untuk sisa pepejal yang beracun atau berbahaya, warna hijau untuk mengisi sisa pepejal makanan berbentuk organik dan sebagainya. Ini bagi memudahkan kerja pengasingan dari awal oleh masyarakat awam sendiri sebelum pelupusan dibuat mereka. Dan dengan itu akan menjimatkan tenaga, kos dan masa kementerian dalam proses pengurusan pelupusan kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, pepatah Melayu “ andai melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Oleh itu seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato’ Gooi tadi, saya menyarankan supaya kerajaan mewajibkan supaya pengetahuan dan kemahiran asas tentang pelupusan sisa pepejal ini dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah iaitu sebaik-baiknya di peringkat sekolah rendah lagi. Maka dengan itu kita berharap dengan semangat cintai alam dan kesedaran sivik yang dipupuk sejak kecil, kita dapat memastikan sekurang-kurangnya generasi muda kita akan lebih arif dengan amalan dan tabiat pembuangan sisa pepejal yang diinginkan.

Maka dengan itu, saya mohon untuk menyokong Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat menghargai masa Yang Berhormat di sini dan saya sukacitanya menjemput Yang Berhormat untuk menjawab dan menggulung perbahasan.

4.28 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan, memberi banyak cadangan dan ulasan. Banyak perkara yang dikatakan sesuai dan baik untuk diambil perhatian. Kementerian saya tetap akan mengambil kira apa-apa yang telah dibangkitkan. Kalau sekiranya tidak dapat saya jawab dengan terperinci satu persatu, saya menjamin terlebih dahulu bahawa adalah jadi kebiasaan saya akan gunakan *hansard* kemudian untuk meneliti semula apa yang telah dibangkitkan di sini apabila kita merancang, pertamanya dalam peringkat menyediakan peraturan-peraturan, garis-garis panduan dan juga merancang program-program yang selanjutnya untuk melaksanakan ataupun mengamalkan rang undang-undang ini apabila rang undang-undang ini diluluskan dan boleh dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah meneliti ada beberapa perkara yang telah dapat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat yang adalah menjadi dengan izin, *common concern*. Pertamanya mengenai caj, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini dan juga di Dewan Rakyat sebelum ini telah bangkit dan mengingatkan kerajaan supaya jangan bebankan rakyat, jangan kita ulang apa kelemahan yang telah berlaku terutamanya dalam proses penswastaan.

▪ 1630

Jangan berlaku apa-apa kesilapan. Kalau sekiranya kita sudah tengok kadang-kadang ada sesuatu yang kita tidak begitu berpuas hati pada masa dahulu, ingin saya menjamin di sini bahawa apa yang telah diambil kira apabila kerajaan terutamanya kementerian saya dengan dibantu oleh Jabatan Peguam Negara dan juga mendapat input daripada agensi-agensi kerajaan lain.

Semasa kita menggubal rang undang-undang ini, memang kami telah sedaya upaya, seboleh-bolehnya telah mengambil kira banyak perkara yang pernah timbul pada masa dahulu. Salah seorang Yang Berhormat Tay Puay Chuan berkata, tiba-tiba ada rang undang-undang ini. Sebenarnya ia bukan tiba-tiba. Rang undang-undang ini telah disediakan, telah ditimbang, telah diubahsuai, telah pun ditunggu, ditangguhkan sudah 9 tahun, jadi ia bukan tiba-tiba.

Sepanjang syarikat-syarikat konsesi Alam Flora dan juga Southern Waste dapat penswastaan secara interim dan masa itu kerajaan sudah mula menggubal rang undang-undang ini. Banyak kali kita telah ubahsuai ataupun tangguhkan dan sebagainya kerana kerajaan amat prihatin dan berhati-hati kali ini supaya jangan kita membenteng satu rang undang-undang yang tidak cukup lengkap dan mengabaikan sesuatu aspek dan pada akhirnya ia akan membebankan rakyat.

Mengenai caj, ini adalah satu perkara yang terutama yang saya dapat rasa apabila saya dengar perbahasan. Ingin saya maklumkan pada Dewan yang mulia ini mekanisme ataupun asas yang akan digunakan untuk menetapkan caj adalah, ia akan berdasarkan... ini bentuk konsesi.

Syarikat konsesi dengan kerajaan, apabila satu perjanjian itu dirangka untuk dimeterai, kita kena ambil kira jumlah sisa pepejal akan diuruskan, frekuensi kutipan, jarak tempat kutipan dan lokasi pelupusan, jenis kenderaan akan digunakan, bilangan pekerja akan digunakan, yang paling penting sekali ialah KPI atau *Key Performance Index*, yang akan ditetapkan oleh kerajaan. Itu pun mekanisme ini akan diguna sebagai asas untuk menetapkan bagaimana kerajaan akan membayar syarikat konsesi. Syarikat konsesi tidak akan dikenakan apa-apa *direct billing* kepada *household*, pada isi rumah yang mereka kutip sampah daripada setiap rumah. Perbadanan yang akan ditubuhkan akan jadi agensi yang bertanggungjawab untuk membayar mereka.

Seperti mana telah saya terangkan bahawa sebahagian daripada cukai pintu yang dikutip oleh semua PBT yang terlibat akan diserahkan kepada, disumbangkan kepada perbadanan dan perbadanan akan gunakan sebahagian cukai pintu itu sebagai sebahagian bayaran. Bakinya, perbadanan akan gunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan ataupun apa-apa wang yang akan dapat disumbangkan kepada perbadanan untuk membayar pada syarikat konsesi.

Maka tidak wujudlah bahawa konsesi akan dikenakan bayaran pada orang miskin, pada orang perseorangan dan sebagainya. Cuma konsesi mungkin hanya dikenakan bayaran seperti mana sekarang sudah pun diamalkan kepada mereka yang bukan daripada *household*. Sebagai contoh kalau dia mempunyai *bulky waste*.. dia ada sesuatu yang lebih daripada biasa. Katakan dia buat *house renovation*, dan dia ada *construction waste* ataupun ada kilang dan ada sampah yang banyak dalam lori, *loads* nya, dia mintak perkhidmatan tambahan. Dia minta perkhidmatan tambahan bukan rutin dan itu akan jadi satu perkhidmatan tambahan dan mereka kena bayar caj tambahan. Itu bukan kira caj biasa yang kita sebut di sini.

Dengan cara itu, kerajaan mesti dan terpaksa berhati-hati. Kalau perjanjian itu dibuat dan akan merugikan ataupun sangat membebankan kerajaan, kerajaan sendiri kena tanggung. Jadi takkan kerajaan buat satu perjanjian yang merugikan kerajaan sendiri kerana kita kena ambil kira pada masa akan datang apa-apa beban yang ditambah, kerajaan sendiri kena pikul beban itu.

Ini adalah satu perkara yang agak lain kalau kita banding dengan lain-lain. Saya tidak mahu sebutlah apa dia projek-projek penswastan lain, memang ini amat memihak kepada rakyat. Kita tidak mahu mengusik rakyat dan kita memastikan dua tahun diberi bukan untuk masa menunggu naik caj. Dua tahun tidak pernah saya kata, dua tahun itu adalah untuk caj ini selepas itu dia akan melambung naik, tidak pernah saya kata macam itu. Dua tahun yang disebutkan itu ialah untuk memastikan selepas syarikat-syarikat konsesi telah memeterai perjanjian penswastan mereka kena betul-betul membaiki perkhidmatan mengikut KPI yang ditetapkan. Mereka dahulunya kata dia tidak ada mempunyai cukup wang untuk melabur dengan secukupnya kerana kerajaan tidak menandatangani perjanjian penswastan dengan mereka untuk satu tempoh begitu lama.

Sekarang apabila kerajaan menandatangani perjanjian itu, kita akan mengukur mereka dengan KPI dan diberi dua tahun dari masa mereka sudah mulakan perjanjian itu dan memastikan kita nampak satu perubahan yang jelas. Kita hendak tengok satu perubahan yang betul-betul

menunjukkan satu perkhidmatan telah pun lain iaitu kebersihan dijaga, sampah dikutip mengikut jadual dan tidak ada dikatakan aduan yang terlalu kerap dan sebagainya.

Maka dengan dua tahun yang diberi kepada mereka, kita tidak kata itu interim kerana tempoh interim selama sembilan tahun ini dikira sudah lepas. Dengan adanya undang-undang ini, dengan adanya perjanjian, maka tamatlah tempoh interim dan penswastaan sepenuhnya dimulakan. Dua tahun itu kita ukur perkhidmatan dan dalam dua tahun itu juga kerajaan akan dapat betul-betul memahami dan mengetahui apakah kelemahan, apa lagi kerajaan boleh buat, bagaimana kita menjayakan program kitar semula, bagaimana 3R jadi keutamaan dan mengikut dasar pengurusan sisa pepejal yang telah ditetapkan, diluluskan oleh Jemaah Menteri yang disediakan oleh kementerian saya, selepas mengambil kira banyak pandangan daripada NGO, daripada pakar-pakar, daripada mereka yang ada pengalaman termasuk rujukan daripada *success story*, apa-apa yang telah berjaya di Switzerland, di Sweden, di Denmark, di Jepun, di Australia sudah pun kami rujuk semuanya, baru kami aturkan satu dasar strategi.

Di bawah dasar strategi itulah telah ditetapkan kita perlu ada satu dasar undang-undang, bahawa dasar itu menetapkan bukan sahaja perlu ada satu undang-undang yang lengkap, yang betul-betul berkesan. Di bawah undang-undang itu mesti membolehkan, *enable*, supaya penubuhan institusi seperti perbadanan, seperti jabatan dan seperti tribunal.

Jadi sebenarnya, apa yang saya bentangkan hari ini adalah sebahagian daripada dasar yang telah digubal selama ini. Beberapa tahun kebelakangan ini memang kerajaan tidak tunggu dan tidak berbuat apa-apa. Setiap tahun kami bincang, dapatkan *feed back*, cuba memahami apa sebenarnya berlaku dan yang sedang diuruskan oleh syarikat konsesi dan juga masalah-masalah PBT yang timbul selama ini.

■1640

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya ingin menjamin bahawa apa yang kita sebut tentang caj, sampai sekarang kerajaan belum ada apa-apa perancangan dan belum ada apa-apa pelan untuk mengatakan bahawa selepas dua tahun akan membebaskan rakyat. Tidak ada apa-apa integrasi untuk hala tuju bagi makna itu. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat janganlah risau bahawa kerajaan akan membuat sesuatu yang akan membebaskan rakyat. Ini yang secara umum saya jawab untuk beberapa perkara yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Mengenai perbadanan, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua telah sebut ada lagi satu rang undang-undang yang berkaitan dengan perbadanan dan banyak perkara mengenai perbadanan telah pun dibahaskan hari ini. Saya cuba bagi gambaran yang menyeluruh kalau sekiranya ada apa lagi *detail* mengenai perbadanan masih boleh dibangkitkan apabila rang undang-undang yang kedua selepas rang undang-undang ini akan dibentangkan.

Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah telah pun bertanya beberapa soalan dan saya telah pun menjawab apakah kebaikan rang undang-undang ini. Dengan adanya rang undang-undang ini, kebersihan tetap akan terjamin dan pembuangan sampah secara haram dapat dikuatkuasakan

dengan betul. Semua PBT yang jumlahnya 95 PBT di Semenanjung Malaysia termasuk di Labuan, Putrajaya dan Kuala Lumpur akan mempunyai satu sistem sisa pepejal yang bersepadu dan dapat dikoordinasi dengan baik. Ia tidak lagi dibuat secara berasingan. Dengan adanya sistem *integrated*, bersepadu ini, maka ia akan mempunyai *economy of scale*, dengan izin, yang akan dapat kita uruskan sumber-sumber dengan baik kerana semuanya akan diseragamkan dari segi cara, dari segi strategi dan dari segi mekanisme.

Banyak lagi kebaikan. Ingin saya memperjelaskan bahawa jabatan yang akan ditubuhkan adalah seperti biasa - sebuah jabatan kerajaan yang mencadangkan, merangka dasar untuk diluluskan oleh kerajaan dan jabatan ini mempunyai ketua pengarah. Mengikut undang-undang ini, boleh menurunkan kuasa-kuasa yang tertentu kepada perbadanan, pegawai-pegawai di perbadanan dan sebahagian kuasa juga boleh diturunkan oleh ketua pengarah kepada sebahagian pegawai di PBT.

Maka dengan itu, PBT masih mempunyai peranan kerana PBT lah yang lebih tahu di kawasan mereka di mana dan apa telah terjadi pada setiap hari. Jadi sebahagian pegawai PBT masih perlu membantu Kerajaan Pusat untuk memantau, untuk memastikan tahap kebersihan terjaga dan untuk memastikan sampah atau sisa pepejal itu telah dikutip mengikut jadual. Kalau sekiranya ada apa-apa aduan, mereka masih boleh menerima aduan, mereka boleh memaklumkan kepada perbadanan dan perbadanan tetap akan mengambil tindakan dengan cepat.

Perbadanan bukan satu jabatan. Perbadanan akan ditubuhkan di bawah satu rang undang-undang baru. Jadi perbadanan ini mempunyai fleksibiliti. Ia lain daripada jabatan. Kalau jabatan, ia ikut birokrasi kerajaan, biasanya ia ada banyak prosedur tetapi perbadanan ini ia akan lebih fleksibel dan ia dapat memantau syarikat-syarikat konsesi. Perbadanan ini akan boleh memainkan beberapa fungsi yang biasanya fungsi itu tidak dijalankan oleh jabatan biasa. Ini sepatutnya dibentangkan rang undang-undang yang akan datang, tetapi ia saling berkaitan dan saya cuba melengkapi gambaran itu.

Jabatan ini akan dimulakan dengan satu saiz yang agak besar iaitu kira-kira 2,100 jawatan akan diisi. Pegawai yang mempunyai kepakaran sebagai contoh jurutera, *technician* dan mereka yang boleh memainkan peranan yang strategik dalam pengurusan sisa pepejal akan ditempatkan di jabatan ini. Sebahagian daripada kakitangan PBT yang sesuai untuk memainkan peranan dalam perbadanan ini akan diberi opsyen sama ada mereka hendak menyertai perbadanan ini ataupun mereka hendak memainkan peranan di syarikat konsesi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kedua-dua konsesi Alam Flora dan Syarikat Southern Waste, dalam tempoh sembilan tahun ini kedua-duanya telah pun mengambil alih lebih daripada 4,000 lebih kakitangan daripada PBT yang mereka beri perkhidmatan. Jadi dengan cara yang sama, bagi E-Idaman pada masa akan datang mereka akan runding dengan kerajaan-kerajaan negeri yang berkenaan untuk meneliti sejauh mana mereka boleh menyerap sebahagian daripada kakitangan PBT yang sedang berurusan tentang pengurusan sisa pepejal.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah tepat jika mengatakan pejabat kecil akan ditempatkan di negeri. Pejabat yang agak berkesan akan diadakan di peringkat negeri dan ada juga di peringkat daerah. Dengan bantuan PBT bersama, saya yakin satu jaringan penguatkuasaan, *networking* dan juga perkhidmatan tetap akan diwujudkan.

Dengan adanya semua ini, tentulah ia akan membawa satu perubahan yang besar dan ia tidak sama lagi dengan sekarang. Semasa saya membentangkan rang undang-undang ini, telah pun saya sebut apakah kelemahan PBT. Kalau kita teruskan apa yang sedia ada, kelemahan PBT itu tetap diteruskan. Selepas kita ambil alih, masalah kekurangan sumber kewangan telah diatasi kerana Kerajaan Persekutuan akan memulakan operasi ini dengan satu *launching grant* sebanyak RM1 bilion telah pun diluluskan bersama dengan rang undang-undang ini oleh Jemaah Menteri.

Maknanya kita akan mula dengan sumber kewangan, bukan mula dengan hutang. Masalah hutang itu, kita akan uruskan dengan sebaik mungkin iaitu daripada RM162 juta yang masih hutang itu, PBT yang mampu sebenarnya adalah majlis perbandaran, majlis bandar raya dan Dewan Bandaraya. Sebenarnya mereka mampu, cuma mereka lambat bayar ataupun mereka tunggu-tunggu dan tengok mungkin Kerajaan Persekutuan akan mengambil alih, tidak payah bayar.

Saya ingin memberitahu di sini bahawa PBT yang mampu kena bayar. Ia tak boleh tak bayar. Kerajaan akan bantu PBT yang kurang mampu sebagai contoh majlis-majlis daerah yang hasil tahunannya kurang daripada RM5 juta. Bagaimana ia kutip pun, tak dapat RM5 juta. Wang untuk menguruskan sisa pepejal kalau betul-betul nak kira, RM5 juta itu kena diambil habis semua daripada mereka. Jadi bagaimana mereka boleh beri perkhidmatan yang lain.

Jadi PBT jenis kategori beginilah yang Kerajaan Persekutuan akan bantu. Ini bermakna daripada RM162 juta yang hutang menjelang penghujung tahun lepas itu, terdapat RM42 juta kira-kiranya adalah di hutang oleh PBT yang kurang mampu. Kategori RM42 juta ini, Kerajaan Pusat akan cuba bantu dan selebihnya mereka kena bayar sebelum Kerajaan Persekutuan ambil alih. Ini adalah satu pesan yang saya hendak jelaskan.

■1650

Kerajaan Persekutuan hendak pastikan kita mula dengan baik, tidak mahu ada gambaran negatif, *starting clean* dengan izin. Jadi, tidak sampailah hendak orang beli tong sampah. Kalau mula dengan suruh orang beli tong sampah, itu sudah mula dengan satu imej yang tidak begitu baik. Seolah-olah kita hendak buat *business* tong sampah.

Syarikat konsesi akan dikehendaki untuk menyediakan tong sampah yang reka bentuknya betul-betul boleh diguna secara sepadan dengan lori baru. Kalau kita pergi tengok di negara yang maju, hanya seorang saja bekerja. Orang itu bawa *compactor* atau lori, orang itu juga kendalikan tong sampah dengan alat-alat automatik. Itulah sepatutnya, bukan sepuluh orang jaga satu lori. Semua pergi ambil, pikul tong sampah. Itu adalah satu cara yang sudah *outdated*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga sebut tentang Dato' Yip Kum Fook menyentuh tentang pasar persendirian ataupun tempat-tempat persendirian. Secara prinsipnya kerajaan tidak

sepatutnya gunakan wang orang awam, *tax payers money* untuk bersihkan kawasan swasta. Mereka sendiri kena uruskan. Kalau mereka tidak mahu uruskan, mereka mintalah perkhidmatan secara bayaran. Itulah akan jadi amalan kemudian.

Bagi Yang Berhormat Dato' Yip telah sebut seksyen 97(b) bagaimana penyampaian dokumen. Sebenarnya seksyen ini telah teliti oleh Jabatan Peguam Negara. Kita perlu dengan tiga cara untuk menyampaikan dokumen secara lebih fleksibel. Kalau kita menjadikan penyerahan dokumen itu terlalu *rigid*, maka amat sukar untuk dokumen itu diserahkan kepada orang yang berkenaan. Mungkin orang itu akan buat *hide and seek*. Kita tidak boleh dapat orang itu. Kita telah semak bahawa dia tidak bercanggah dengan Akta Tafsiran 1948 ataupun 1967 mengikut Jabatan Peguam Negara. Bagi tempat ataupun kawasan yang baru diambil alih ataupun baru dikeluarkan CFO, terdapat *grey area*, kita akan beri perhatian.

Banyak *detail* sebegini akan dibincangkan dengan baik-baik sebelum kita amalkan. Hanya *detail* yang dibangkit hari ini mungkin saya tidak dapat jawab secara *detail*. Kementerian saya tetap akan ambil, catit. Sebagai contoh, *grey area* bagaimana sampah, jenis apa, siapa hendak ambil itu saya hanya jawab dasar saja, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai perbadanan mungkin menyusahkan pemohon lesen dan juga borang mungkin rumit dan sebagainya, kami akan ambil perhatian supaya jangan kita terlalu menyusahkan mereka. Ingin saya beri satu gambaran, semua yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam industri pengurusan sisa pepejal selama ini, kerajaan akan memudahkan *facilitate* mereka. Iaitu supaya mereka akan dapat lesen dengan senang. Ini kerana prinsipnya ialah kerajaan tidak mahu menyebabkan sesiapa selama ini telah pun tergantung pada sesuatu aktiviti pengurusan sisa pepejal itu akan hilang mata pencarian. Jadi, *facilitate* dengan pastikan lesen itu mudah dan sebagainya.

Pada masa akan datang apabila semua *players* telah pun terjamin pada masa akan datang, barulah bagi mereka yang baru hendak ambil bahagian dalam industri ini, barulah kita kena menimbang mengikut prosedur dan asas-asas yang ditetapkan. Satu lagi perkara yang menarik perhatian ramai Ahli-ahli Yang Berhormat ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Saya tertarik dengan Yang Berhormat, bermakna dengan kelulusan rang undang-undang ini akan mewujudkan satu industri yang begitu besar.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Industri perkhidmatan pengurusan sisa pepejal yang besar. Sebenarnya saya masih ingat sebaik saja saya jadi menteri dalam beberapa bulan selepas itu pada tahun 2000, saya sendiri telah melawat ke Germany. Di Germany, industri sisa pepejal ini begitu besar sekali. Telah mewujudkan begitu banyak peluang pekerjaan dan di Germany rang undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan sisa pepejal terdapat lebih daripada 800. Peraturan dan undang-undang yang berlainan, yang berkaitan dengan sisa pepejal. Itu sebabnya Germany...

Tuan Yang di-Pertua: Germany juga sebuah negara bersekutu, *federal*...

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, *federal*. Dengan itu, Germany dianggap satu contoh yang boleh kita belajar kerana dia punya sistem menguruskan sisa pepejal, bagaimana mereka melindungi

alam sekitar adalah begitu berkesan. Di situlah pada tahun itu saya telah dapat inspirasi bahawa negara kita walaupun belum ada undang-undang, tidak boleh kita tunggu lagi. Kita kena mulakan Kempen Kitar Semula.

Tahun itu jugalah saya telah mula melancarkan Kempen Kitar Semula. Walaupun ramai orang pada masa itu memberitahu saya ini satu kerja yang amat susah, ada undang-undang, rakyat Malaysia belum siap sedia, tidak boleh terima mengapa bersusah-payah buat kerja ini. Pada masa itu saya teruskan juga dengan kempen ini. Kalau kita tidak mula kempen masa itu, hari ini tunggu sampai rang undang-undang digubal, baru kita mula kempen. Saya rasa kita kena tunggu lima tahun lagi. Orang baru kata "Oh! Kitar semula ini penting". Mungkin lima tahun lagi, Yang Berhormat di sini akan baru hendak bincang kitar semula.

Sekurang-kurangnya hari ini semua Ahli-ahli Yang Berhormat sudah sedar betapa pentingnya kitar semula dan rakyat juga semua telah rasa kitar semula adalah penting. Walaupun hasil yang sebenarnya belum kita puas hati kerana belum ada undang-undang, belum ada mekanisme, belum ada sumber yang secukupnya dan konsesi selama ini memang tidak mampu hendak melakukan banyak kerja dan juga menyediakan kemudahan-kemudahan untuk kitar semula.

Dengan adanya undang-undang ini, hierarki pengurusan sisa pepejal itu akan ditetapkan. Di bawah dasar ini hierarki ialah kita hendak kebanyakan sisa pepejal pada masa akan datang akan dikurangkan, akan dihasilkan semula melalui 3R supaya amat kurang sekali sisa pepejal itu akan dikeluarkan untuk dikutip untuk dihantar sama ada untuk dirawat ataupun untuk hantar ke tapak pelupusan. Jadi, hierarki segi tiga itu kita hendak terbalikkan.

Sekarang ialah sembilan puluh lebih peratus apa barangan dibuang, semua pergi ke tapak pelupusan atau pergi *dumpsite* ataupun dibuang secara haram. Sekarang kita hendak terbalikkan segi tiga ini supaya pada suatu hari nanti seperti negara maju, banyak sisa pepejal itu ia tidak jadi sisa pepejal lagi. Ia sudah jadi sumber, boleh diguna semula, boleh dikurangkan, boleh di kitar semula dan apa-apa yang tinggal yang terpaksa dihantar kepada tapak itu akan jadi amat kurang sekali. Ini adalah hierarki *Waste Management* yang telah ditetapkan.

Oleh yang demikian, saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat bahawa *incinerator* itu kita tidak boleh elakkan. Negara Eropah, mereka banyak menggunakan *incinerator technology stocker*. *Technology stocker* itu telah pun *proven* kerana sudah lama mereka guna. Secara bandingan ia tidak semahal macam teknologi yang baru kerajaan batalkan di Broga. Di Broga itu adalah satu teknologi yang perlu menggunakan kos yang amat tinggi. Bukan saja kos amat tinggi untuk membina. Pada masa akan datang kalau sekiranya dibina, kos penyelenggaraan, *maintenance* dan juga untuk menguruskannya akan jadi mahal juga.

■ 1700

Dengan itu setiap tan sisa akan dihantar ke situ terpaksa bayar *tipping fees* yang tinggi, maka ianya akan membebankan dan *incinerator* di Broga tidak ada kaitan dengan bantahan orang. Ia

bukan di sebabkan oleh bantahan orang baru kerajaan memutuskan untuk tidak diteruskan. Sebenarnya ini telah pun diputuskan oleh Jemaah Menteri pada suatu ketika bukan baru-baru.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: [*Bangun*].

Dato' Seri Ong Ka Ting: Pada tahun lepas Jemaah Menteri telah memutuskan supaya tidak diteruskan kerana kos tinggi dan dengan wang yang sama kerajaan sebenarnya boleh menggunakannya untuk *facilities* dan kemudahan sisa pepejal yang lain yang lebih sesuai yang lebih kos efektif untuk

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Mohon laluan Yang Berhormat. Yang Berhormat kalau berdasarkan kenyataan tersebut, apakah ini bermakna kita belum menentukan lagi apakah teknologi yang digunakan sebab Yang Berhormat sebut mungkin menggunakan *incinerator* atau pun sebenarnya kita sudah pun ada keputusan iaitu *sanitary landfill* tetapi dengan teknologi yang tertentu yang *integrated* maksudnya dari segi *collection, transportation, disposal* dan sebagainya, dibuat oleh satu operator sahaja atau pun sebenarnya kita juga hendak menimbang menggunakan *incinerator*. Mohon penjelasan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya, Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat dapat gambaran yang tepat bahawa pendekatan *integrated* ini telah pun jadi satu prinsip yang telah bincang secara prinsipnya Jawatankuasa Pengurusan Sisa Pepejal yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan dianggotai oleh Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri di Semenanjung Malaysia telah berbincang dan telah ada satu persefahaman bahawa secara *integrated* kalau sesuatu sebagai contoh *landfill* yang belum dibina oleh sesiapa, *incinerator* yang belum di mula oleh sesiapa kalau di sesebuah negeri dan syarikat konsesi itu pun mampu dia boleh gunakan wang PFI atau pun menggunakan cara mereka boleh membina, membantu membina. Jadi dengan itu, ianya akan dapat secara *economy of scale* dapat menurunkan kos pengurusan sisa pepejal di negeri yang berkenaan maka kerajaan sedia menimbang.

Pada masa kini Jawatankuasa Teknikal di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dianggotai oleh pakar-pakar termasuk pakar daripada agensi kerajaan yang lain dan juga daripada mereka yang telah banyak buat R&D daripada universiti-universiti yang tertentu telah pun menubuhkan Jawatankuasa Teknikal dalam beberapa tahun ini banyak cadangan *proposal* dihantar ke kerajaan telah di nilai oleh jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini pada masa kini mempunyai kira-kira 170 lebih kertas cadangan oleh pelbagai pihak, pelbagai teknologi dan buat masa kini kita perlu memastikan teknologi yang *proven* dan juga yang mampu kita biayai. Jangan kita ambil satu teknologi yang baru sangat yang belum tahu tetapi kos pun banyak tinggi tidak tahu nanti teknologi *transfer* boleh dilakukan ke tidak, nanti kita boleh mengendalikan ke tidak, semua itu adalah diletak di bawah Jawatankuasa Teknikal ini untuk menilai dan jawatankuasa ini sentiasa melaporkan pada jawatankuasa kabinet yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri. Ini caranya kita berhati-hati.

Bagi Malaysia, Malaysia terpaksa secara beransur-ansur atau pun secara berperingkat sebab kita masih belum sampai tahap negara maju. Satu kombinasi *land field incinerator* dengan amalan 3R yang kita harap-harapkan, jadi hebatkan, jadi kombinasi 3R, rawatan-rawatan sebagai contoh adalah *incinerator treatment* dan termasuk juga *facilities* macam MRF atau pun RDF, semua kalau terbukti kita bagi peluang untuk diuji. Kemudian pada akhirnya tapak pelupusan. Jadi ini akan jadi *approach* pendekatan bersepadu ikut strategi pengurusan sisa pepejal.

Satu lagi kebaikan yang berkaitan dengan adanya dasar dan rang undang-undang ini ialah ianya tetap akan lebih menjamin perlindungan pencemaran alam sekitar kerana Yang Berhormat telah sebut tentang banjir, longkang, parit tersumbat telah pun begitu penuh dengan sampah sarap. Pencemaran alam sekitar daripada *potter intake* dan sebagainya. Jadi rang undang-undang ini akan membolehkan kerajaan memperhebatkan penguatkuasaan, mengenakan hukuman yang berat kepada mereka yang cuba membuang sampah secara haram dan juga mencemarkan alam sekitar.

Saya juga ingin menjelaskan bahawa sisa pepejal yang khas adalah bukan yang tadi di sebut bukanlah sisa pepejal terjadual. *Schedule waste* adalah di bawah akta kualiti alam yang berlainan. Jadi *schedule waste* itu tidak ada kena mengena dengan apa-apa sisa pepejal yang disebut dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini telah menerangkan lapan kategori sisa pepejal. Apa-apa yang luar daripada ini dia tidak akan termasuk dalam akta ini. Jadi dengan itu kita mempunyai bidang kuasa yang jelas yang tidak akan bertindih...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya mohon maklumkan bahawa, Yang Berhormat tidak perlu bimbang sekiranya selesaikan perkara ini terlalu awal. Kerana kalau begitulah kalau Yang Berhormat memilih untuk membentangkan rang undang-undang yang berikutnya dan tidak boleh sambung esok, saya akan beri interpretasi di bawah Perkara 43(a) dan (b), Perlembagaan Persekutuan bahawa Yang Berhormat Menteri boleh sambung ucapan Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak cadangan yang baik telah dikemukakan terutamanya bagi 3R. Saya tetap akan beri perhatian yang serius terhadap bagaimana kita boleh menjayakan kitar semula. Ingin juga saya ulas, amalan pada masa akan datang apabila syarikat konsesi boleh pergi ke bank pinjam sebab mereka telah dapat perjanjian dan mereka sudah dengan keyakinan bahawa dia tidak tentu hala lagi, dia sudah boleh buat pelaburan secara besar-besaran, mereka kena mengubah ramai kakitangan yang mahir, mereka akan beli lori *compacter* dan *facilities* yang secukupnya. Pada masa itu, melalui undang-undang dengan peraturan yang akan ditetapkan oleh menteri, kami akan menetapkan kitar semula secara *compulsory*, kewajipan. Senang sahaja, pada masa sekarang orang hendak buat kitar semula dia susah payah hendak keluar dari rumah hantar kepada pusat pengumpulan dan banyak tempat tidak ada pusat pengumpulan.

Dengan sistem akan datang pada masa akan datang, kita akan memastikan setiap keluarga mereka akan mengasingkan barangan di rumah dan apa yang boleh di kitar semula dia masuk dalam satu tong atau beg kitar semula. Sama ada beg atau tong ini akan dibekalkan oleh syarikat konsesi

atau tidak, kita akan bincang kemudian dan hanya sampah yang betul-betul tidak boleh kitar semula masuk ke dalam tong sampah.

■1710

Tong sampah itulah akan dikutip oleh lori sampah daripada syarikat konsesi dan tong atau beg yang penuh dengan barangan kitar semula juga akan dikutip oleh syarikat konsesi yang akan datang ikut jadual. Jadi dengan cara itu, setiap rumah akan jadi senang sangat untuk mereka *separate the source* dan dia hanya ikut jadual waktu bila, lori apa datang, dia akan hantar tong apa keluar kepada di luar rumah.

Dengan cara itu, saya rasa akan bawa satu perubahan yang besar dan tidak akan jadi satu lagi masalah. Kata mereka, kami sudah banyak kumpul tapi nak hantar mana? Tak ada tempat nak pergi. Ada sampai mereka mengadu pada saya, susah-susah dia asingkan di rumah, bila dia hantar keluar ke Alam Flora, pekerja Alam Flora campak semua masuk dalam lori sampah. Ha, ini yang menyakitkan mereka. Jadi, dengan adanya perubahan ini, tak boleh lagi kita benarkan perkara sebegini berlaku.

Saya minta maaf kalau saya tak sebut nama Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebenarnya saya sedang menjawab soalan Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh, menyebut nama termasuklah Yang Berhormat Hajah Wan Hazani; Yang Berhormat Datuk Haji Ridzuan; Yang Berhormat Dato' Yip Kim Fook; Yang Berhormat Dato' Sharipah; dan Dato' Gooi Hoe Hin juga sebut perkara yang telah saya kata dan perjanjian itu akan dibincangkan dengan sebaik-baiknya antara Unit Perancang Ekonomi iaitu EPU di bawah JPM, Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ia tetap akan jadi lebih menjamin, memastikan kerajaan dan rakyat tidak akan dibebani dengan tidak munasabah dan pegawai yang dilantik akan jadi pegawai yang berpengalaman serta mempunyai kepakaran pada masa akan datang.

Mengenai bayaran balik yang dituntut oleh syarikat Jepun konsortium mengenai Broga, walaupun laporan dalam beberapa surat khabar telah gunakan sumber ini kata, begitu banyak sumber itu kata, begitu banyak semua itu adalah tidak tepat kerana belum ada satu jumlah yang dikatakan dipersetujui oleh kerajaan dan konsortium berkenaan. Tuntutan memang siapa pun boleh letak apa sahaja, mereka nak letak tetapi rundingan itu kena berdasarkan kontrak atau perjanjian yang telah ditandatangani dan kerajaan telah menubuhkan satu pasukan runding atau dengan izin, *negotiating team* yang dianggotai oleh kementerian saya, Jabatan Peguam Negara dan juga Kementerian Kewangan dan juga agensi yang sesuai dan apa-apa tuntutan itu mestilah munasabah.

Namun kebanyakan yang dilaporkan, sekejap kata berapa ratus juta itu semuanya adalah secara mereka teka, cuba nak dapat *encoded sources*, tidak rasmi. Saya kata kita tak payahlah terlalu awal buat apa-apa kesimpulan. Biar *negotiating team* ini dengan konsortium tersebut buat rundingan yang sebaik mungkin. Apabila ianya diputuskan, Jemaah Menteri juga akan buat keputusan. Kita tidak akan benarkan apa-apa yang tak kena itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ir. Hiang A Li telah juga telah sebut perkara yang saya jawab sekali gus dengan Yang Berhormat yang lain tadi. Mengenai standard-standard dan piawai akan ditetapkan satu yang saya telah sebut *key performance indexs* serta banyak lagi peraturan-peraturan akan ditetapkan apabila undang-undang ini telah pun diluluskan. Mengenai kemudahan awam kalau dirosakkan oleh pemborong, mereka kena ganti. Ini juga kita akan ambil perhatian. Banyak perkara sebenarnya apabila Yang Berhormat yang banyak berpengalaman seperti Datuk Ridzuan, Ir. Hiang, mereka ada pengalaman di peringkat PBT ataupun DBKL. Memang kami mengalu-alukanlah pandangan, ingatan semua itu, dan Yang Berhormat Munusamy juga sebut fungsi PBT. Fungsi PBT, saya terangkan dia masih lagi membantu. Dia tidak dikurangkan begitu sahaja.

Mekanisme bagi sisa industri, sisa pembinaan, semuanya akan kita pastikan satu peraturan yang lengkap untuk memastikan semua akan dijaga dengan baik. Bagi *illegal dumping*, saya telah terangkan supaya jiran atau orang yang berdekatan tidak jadi mangsa. Ini juga berkaitan dengan penguatkuasaan yang berkesan. Kalau ada penguatkuasaan yang berkesan, maka semua pihak akan kena berhati-hati. Banyak negara yang maju dan berjaya, undang-undang mereka adalah ketat. Lagi undang-undang itu ketat, lagi ramai rakyat tak payah pun penguat kuasa buat apa, mereka akan mendisiplinkan diri sendiri. Ini adalah satu pengalaman yang telah pun dipunyai oleh banyak negara yang lain dan mengenai beg-beg plastik dan juga Yang Berhormat Heng Sie Kie telah katakan tentang kitar semula, saya telah jawab tadi.

Untuk beri insentif kepada barangan *biodegradable*, ini juga akan digalakkan. Kementerian saya akan sentiasa bincang dengan pihak-pihak lain termasuk Kementerian Kewangan bagaimana memberi insentif yang lebih kepada pengeluar ataupun pada mereka yang menghasilkan banyak barangan *biodegradable* untuk diguna supaya semua itu adalah *environmentally friendly*. Bagi beg-beg plastik yang berwarna, ini adalah satu idea yang baik. Ini adalah strategi selanjutnya akan dibincangkan pada masa akan datang.

Saudara Tay Puay Chuan telah sebut tentang perjanjian, saya telah jawab dan bagi seksyen 30, saya pun dah jawab. Kita tidak akan membebankan rakyat dan saudara Tay Puay Chuan, dia hanya kata mungkin saya naik pangkat. Sebenarnya dia tak berani kata mungkin saya bersara. Kalau saya bersara, maka saya tak jadi menteri, tapi undang-undang ini, dia bukan satu undang-undang untuk mengikut menteri sebagai secara individu. Undang-undang ini atau undang-undang lain, dia adalah ikut prinsip undang-undang. Siapa saja jadi menteri, kalau dia jalankan tugas dengan baik, semangat prinsip undang-undang ini tetap akan dijalankan dengan baik. Dia tak kira siapa akan jadi menteri dan inilah cara negara kita, kerajaan kita menggubal undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi sebab itu disebut *the rule of law*.

Dato Seri Ong Ka Ting: Ya, *the rule of law*. Betul, terima kasih atas ingatan, dan lagipun apa-apa yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai, akan perlu dibincangkan terlebih dahulu oleh Jemaah Menteri dan Jemaah Menteri secara kolektif akan memantau dan akan memastikan apa-apa dasar ataupun penepatan dari segi bagaimana pelaksanaan sesuatu undang-undang itu, dia

masih di bawah kawalan dan kawal seliaan Jemaah Menteri secara keseluruhannya. Jadi itu tak payah kita bimbang.

■1720

Mengenai kuasa pegawai agak besar. Begitu juga disebut-sebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat. Kita sentiasa mempunyai dua aspek, bila kita nampak orang tidak bertanggungjawab, buat macam-macam untuk mencemarkan alam sekitar, masa itu kita kata undang-undang tidak cukup baik, penguat kuasa tidak cukup berkesan. Itu sebabnya kita terpaksa beri kuasa secukupnya kepada pegawai untuk melakukan sesuatu yang menjamin kan alam sekitar kita. Di bawah undang-undang ini hanya mereka menguruskan sesuatu yang berkaitan dengan sisa pepejal yang ditakrif di bawah undang-undang ini barulah mereka bimbang tentang kuasa ini.

Kalau dia bawa bahan lain, dia tidak ada apa berkaitan dengan sisa pepejal, dia tidak payah bimbang kuasa besar itu ialah untuk bertindak terhadap mereka yang tidak ikut undang-undang, yang mencemarkan alam sekitar. Jadi saya ingin meyakinkan Dewan ini supaya kuasa-kuasa yang ditetapkan itu memang ia diperuntukkan untuk memastikan undang-undang ini berkesan. Yang Berhormat Puan Heng Seai Kei telah sebut perkara yang telah saya jawab tadi.

Mengenai Kempen Kitar Semula kita perlu mula daripada tahap sekolah rendah lagi. Sebenarnya kalau kita tengok, kalau kita betul-betul baca semak buku-buku di sekolah rendah sudah pun ada *chapter* yang memasukkan kitar semula.

Sebenarnya kurikulum sekolah rendah di negara kita sudah mempunyai bahagian ini. Walau bagaimanapun kita hendak memperkuatkan lagi supaya jadikan ini satu amalan budaya kita seharian iaitu kitar semula. Satu perkara yang merupakan terakhir sekali saya hendak jelaskan ialah, walaupun masa kini dalam lebih dua tahun ini kerajaan belum ada buat apa-apa ketetapan atau keputusan, tetapi satu amalan yang diamalkan oleh banyak negara lain kita perlu ingat. Sejauh mana kita kena buat perkara sama di negara kita iaitu *the polluter pay*. Dalam apa-apa yang saya bincang sekarang tidak ada, belum lagi.

Pada satu hari nanti katalah perkhidmatan ini sudah mantap, tiap-tiap kali lori syarikat konsesi datang, setiap rumah kerana dia buat kitar semula dia keluar hanya dengan satu tong yang biasa dan sampah di kebanyakan rumah tidak pernah lebih daripada satu tong. Katalah ada beberapa rumah dia tidak mahu buat kitar semula, selalunya dia keluarkan tong itu kemudian dia keluar lagi tiga, empat beg besar, semua sampah. Katalah kita pergi tengok meninjau sepuluh rumah, sembilan rumah ada ikut kempen kita, cuma satu rumah tidak mahu ikut dia kata buat apa susah-susah, saya semua buang dalam beg saya bungkus letak di luar, sepuluh beg tiap-tiap kali.

Rumah sebegini adakah dia sepatutnya menikmati perkhidmatan yang serupa dengan orang lain dengan cukai pintu yang dia bayar? Ini kita kena fikir, di negara Germany dan banyak negara lain dia kata saiz tong ini ditetapkan, you jangan buang lebih daripada itu. Kalau hendak buang lebih daripada itu mereka kena beli tong yang lebih besar. Kalau hendak tong yang lebih besar dia bayar lebih. Saya Cuma, *food for thought* dengan izin, Malaysia belum ada fikiran begitu. Pada satu hari

nanti kalau 90% rakyat semua cintai kita punya alam sekitar, tidak mahu bagi sampah itu jadi melambung naik dengan kuantitinya, tetapi terdapat juga sebahagian orang dia kata, "Saya tidak menghiraukan. Tidak kisah, buat apa saya hendak buat semua ini".

Adakah orang sama ini masih menikmati segala-galanya dengan bayaran yang sama? Ini adalah satu perkara saya hanya bangkitkan, tetapi kerajaan buat masa kini belum ada apa-apa keputusan ataupun belum ada niat hendak buat apa-apa, tetapi hanya untuk kita bersama memikirkan perkara ini. Jadi dengan itu saya rasa kebanyakan perkara dasar telah saya jawab, yang lain-lain saya tetap akan ambil kira dan diberi perhatian tentang cadangan-cadangan yang lain. Itu sahaja, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 112 -

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Mohon laluan.

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Puan Mumtaz.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ada satu perkataan sahaja yang hendak ditanyakan pada hari ini iaitu berkenaan dengan pentafsiran di bawah seksyen 2, iaitu tempat awam. "Tempat awam ertinya mana-mana ruang terbuka, tempat letak kereta, taman, tempat atau medan rekreasi dan bersuka-suka". Perkataan bila kita lihat dalam bahasa Inggerisnya disebut perkataan "*pleasure*" diterjemahkan dengan "bersuka-suka". Saya mohon kalaulah perkara ini akan dikemukakan dalam rang undang-undang lain, adakah perkataan "bersuka-suka" ini tepat untuk kita gunakan. Terima kasih, itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Adakah Yang Berhormat bercadang untuk melakukan pindaan?

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Tidak tetapi untuk ingatan sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ada Yang Berhormat hendak komen apa-apa mengenai perkara ini?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya akan ambil perhatian tentang komen itu.

Fasal-fasal 1 hingga 112 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengucapkan tahniah dan kepada Yang Berhormat dan menghargai titik berat Yang Berhormat sendiri memandu rang undang-undang ini. Ahli-ahli Yang Berhormat masa cukup, Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.